

**8 NOVEMBER 2017 (RABU)**



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KELIMA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 08 NOVEMBER 2017 (RABU)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Haji Abd Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

**8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Y.B. Datuk Halimaton Saadiah Binti Bohan  
D.P.S.M., A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

**8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.P.M.S., D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Puan Teepah a/p Athimoolam  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

**Bentara**  
Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Mohd Redzuan bin Adam  
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

**Pelapor Perbahasan**  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid  
Encik Saifulnizam bin Hasmawi

**8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**SETIAUSAHA DEWAN :** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum W.B.T.* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada 8 November 2017 dimulakan dengan bacaan doa.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN :** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahi Robbil 'Alamiin. Wassolatuwasalamu 'Aala Rasulil 'Aamin Sayidina Muhamadin Waala 'Alihi Wasahbihi Ajma'in*

Ya Allah Ya Tuhan Kami, Sesungguhnya Engkaulah Tuhan yang memiliki segala kebesaran dan kekuasaan. Kami bersyukur ke hadrat Mu kerana melimpahkan kami dengan nikmat dan rahmat juga mengurniakan kami bumi yang subur dan maju Negeri Selangor Darul Ehsan. Dengan rahmat Mu juga pelbagai rancangan pembangunan telah dinikmati oleh rakyat, pelbagai keturunan dan bangsa yang taat kepada Raja dan Kerajaan Negeri ini. Ya Allah kami memohon kehadrat Mu agar memberikan kami sebaik-baik petunjuk dan bimbingan untuk memuliakan kami khususnya Ahli Dewan Negeri meneruskan khidmat menimbang dan memutuskan segala perkara yang dibincangkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya segala rancangan pembangunan Negeri Selangor Darul Ehsan berjalan lancar, tepat dan berkesan. Kepada Mu juga Ya Allah kami berserah.

*Wassalahu Aala Saiyidina Muhammad Wa'ala Alihi Wassohbihi Ajma'iin  
Walhamdulillahi Rabbil 'Alamiin.*

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan Urusan Mesyuarat yang seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER :** Salam sejahtera dan selamat pagi saya ucapkan kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum saya memanggil Ahli Dewan Negeri seterusnya, ingin saya mengalu-alukan kedatangan Yang Berhormat Chang Meng Khai, ADUN Indera Kayangan Perlis merangkap Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri Perlis yang turut hadir bersama hari ini. Baiklah, Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI :** Terima kasih Tuan Penggerusi, soalan saya Nombor 38.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI**  
**(N02 SABAK)**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa jumlah balai raya mengikut daerah yang telah dinaiktaraf?
- b) Apakah pertimbangan pihak Kerajaan untuk menaik taraf balai raya?

**Y.B. DATO' DR. HJ. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Assalamualaikum W.B.T. Salam sejahtera. Tuan Speaker, Sabak bertanya berkaitan dengan peruntukan RM15 juta bagi naik taraf balai raya. Saya ingin membentulkan sedikit mungkin soalan ini, ya. Saya kira Sabak merujuk kepada Buku Ucapan Belanjawan 2017 di Selangor oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Dalam buku itu menunjukkan diagramnya adalah RM15 juta untuk baik pulih, naik taraf ataupun naik taraf balai raya. Dalam teks juga ada menyebutkan bahawa RM15 juta ini adalah meliputi untuk naik taraf ataupun baik pulih kemudahan awam dan juga balai raya bagi Kampung-Kampung Tradisi dan juga Kampung Baru, bermakna, sebenarnya adalah RM10 juta untuk kemudahan awam dan balai raya dan RM5 juta untuk pembangunan Kampung Baru. Kerajaan Negeri peka dengan kepentingan pembangunan luar bandar supaya seiring dengan pembangunan di bandar. Selaras dengan hasrat tersebut, bagi tahun 2017, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan luar bandar sejumlah RM10 juta bagi tujuan pembangunan infrastruktur kemudahan awam dan asas luar bandar seperti dewan serba guna dan balai raya yang dilaksanakan oleh 9 Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor. Sehingga 31 Oktober 2017 sebanyak 184 buah projek naik taraf dan baik pulih dewan dan balai raya berjumlah RM9.48 juta telah dibelanjakan dengan pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

- a) Daerah Petaling, peruntukan 6% RM4,389.20 dengan bilangan projek 9 projek.
- b) Daerah Klang, 13 projek RM1.286046 juta.
- c) Daerah Gombak, 20 projek RM813,974.00.
- d) Daerah Hulu Langat, 15 projek RM1.084338 juta.
- e) Daerah Sepang, 28 projek RM2.1 juta.
- f) Daerah Kuala Langat, 22 projek RM996,500.00.
- g) Daerah Kuala Selangor, 11 projek RM863,980.00.
- h) Daerah Hulu Selangor, 25 projek RM974,302.00.
- i) Daerah Sabak Bernam, 41 projek yang tertinggi dengan jumlah peruntukan RM789,016.00 yang menjadikan keseluruhannya adalah 184 projek dengan peruntukan RM9.5 juta.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Kerajaan Negeri mementingkan keselesaan dan kemudahan awam masyarakat luar bandar terutamanya balai raya dan dewan. Dalam hal ini Pejabat Tanah dan Daerah mengumpulkan permohonan bagi cadangan kerja baik pulih dan naik taraf dewan dan balai raya kepada Kerajaan Negeri yang lengkap berserta *Bill of Quantity* (*BQ*, laporan bergambar dan pengesahan status tanah bagi tujuan semakan dan pertimbangan kelulusan. Keutamaan diberikan berdasarkan kepada keadaan sebenar di tapak yang mempunyai keperluan yang mendesak. Ini adalah beberapa pertimbangan yang diambil untuk menaik taraf balai raya dan kemudahan awam di peringkat daerah-daerah, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI :** Terima kasih Tuan Pengurus. Saya perhati, ada beberapa Ketua Kampung kita, walaupun balai raya dalam keadaan yang cantik dan kelengkapan..tapi skil untuk membangunkan balai raya dalam bentuk program lepas itu, kadang-kadang balai raya cantik tapi tak ada satu keupayaan bagaimana untuk memaksimumkan penggunaan balai raya. Jadi, akhirnya beberapa prasarana ataupun kemudahan yang kita berikan, ia terbiar dan ada balai raya yang cantik tapi penuh dengan sawang dan sebagainya. Jadi, apakah pembangunan ataupun peruntukan ini termasuk dalam soal untuk membangunkan dalam bentuk program di balai-balai raya ini?

**Y.B. DATO' DR. HJ. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Sabak. Peruntukan sejumlah RM10 juta ini hanyalah untuk peruntukan baik pulih, ya. Keperluan yang saya kira yang asas bagi baik pulih dewan ataupun bangunan balai raya dan saya maklum bahawa pada tahun ini, ya, dengan peruntukan RM10,000.00 kepada setiap kampung untuk buat program. Saya kira ia tidak mencukupi, jauh untuk..mungkin keperluan pembersihan seperti sawang dan sebagainya cuma saya kira ada kampung-kampung yang mempunyai inisiatif-inisiatif yang baik ya, mereka menggunakan tenaga secara sukarelawan untuk tujuan tersebut. Tetapi, saya ingat saya menggalakkan supaya kalau dapat Ahli-Ahli Dewan Undangan juga dapat terlibat di dalam soal mengoptimumkan fungsi balai raya dan juga melihat kepada kebersihan dengan memberikan, mungkin sedikit sebanyak peruntukan-peruntukan untuk digunakan oleh Jawatankuasa Kampung untuk tujuan tersebut. Selain daripada itu juga, saya amat berterima kasih dalam Belanjawan bagi tahun 2018 seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, penambahan jumlah peruntukan tahunan untuk program-program yang boleh dilakukan oleh JKKK naik daripada RM10,000.00 kepada RM20,000.00 dan saya kira ini akan memberikan satu lafadz yang lega kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, untuk mereka membuat program dan mungkin ini boleh juga digunakan sebagai satu usaha untuk mereka juga melihat

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

kemudahan ini tidak terbiar, kemudahan awam ini tidak terbiar malah dapat dioptimumkan daripada sudut kefungsianya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Taman Medan, tidak hadir. Kg. Tunku tidak hadir. Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 41.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA** **Y.B. PUAN YEO BEE YIN** **(N36 DAMANSARA UTAMA)**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Sila senaraikan pecahan perbelanjaan RM3 juta yang diperuntukkan untuk *Early Intervention Programme* pada tahun 2017.
  - Apakah '*measurable achievement*' (kesan yang boleh diukur) yang telah dicapai dengan peruntukan ini.
  - Apakah polisi lain Kerajaan Negeri terhadap golongan keperluan istimewa selain diberikan peruntukan?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Damansara Utama. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri melalui Belanjawan 2017 telah memperuntukkan sebanyak RM3 juta bagi tujuan pelaksanaan *Early Intervention Programme-EIP* kepada agensi atau organisasi yang telah menjalankan perkhidmatan EIP khusus untuk kanak-kanak yang berkeperluan khas. Senarai agensi yang telah menerima peruntukan EIP bagi tahun 2017 adalah seperti berikut :-

<b>BIL</b>	<b>NAMA ORGANISASI / AGENSI</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	Pusat Asuhan Kanak-kanak Autisme Andra Uphill, Salak Tinggi, Sepang	RM50,000.00
2.	Pusat Pendidikan Khas Eden Firdaus Sdn. Bhd., Kota Damansara	RM100,000.00
3.	Inisiatif Sokongan Autisme Nouri Berhad (InSaNi), Taman Selayang Utama, Batu Caves	RM100,000.00
4.	The National Autism Society of Malaysia, Teluk Pulai, Klang	RM100,000.00

## 8 NOVEMBER 2017 (RABU)

5.	The Olive Trees School (TOTS), Bukit Jelutong, Shah Alam	RM100,000.00
6.	Persatuan Kanak-kanak Istimewa Kajang Selangor, Kajang	RM100,000.00
7.	Persatuan Kebajikan Anak-anak Istimewa Selangor (ORKIDS), Petaling Jaya	RM100,000.00
8.	Kiwanis Down Syndrome Foundation, Petaling Jaya	RM100,000.00
9.	Tadika Nadi Intelek, Denai Alam, Shah Alam	RM76,200.00
	<b>JUMLAH</b>	<b>RM826,200.00</b>

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri melalui Belanjawan 2017 telah bersetuju untuk pelaksanaan Program Intervensi Awal (*Early Intervention Programme - EIP*) dan telah meluluskan sejumlah RM3.0 juta bagi menampung pelaksanaan program tersebut. Program ini bertujuan untuk menyediakan pendidikan dan perkhidmatan terapi yang diperlukan oleh kanak-kanak berkeperluan khas seperti fisioterapi, *occupational therapy*, *speech therapy* dan *hydrotherapy*.

Sehubungan itu Kerajaan Negeri telah pun bersetuju untuk memberikan bantuan berbentuk dana kepada institusi yang menyediakan perkhidmatan kepada kanak-kanak berkeperluan khas ini agar dapat meneruskan pelbagai bentuk pembelajaran kepada mereka seterusnya dapat memenuhi keperluan hidup bermasyarakat.

Secara tidak langsung melalui pemberian bantuan ini institusi yang terlibat dapat menampung dan membuat penambahbaikan ke atas keperluan kanak-kanak istimewa ini dalam usaha memupuk dan membimbing mereka dalam bidang akademik, kehidupan seharian dan kemahiran sosialisasi, diri serta perkembangan emosi.

Sebagai contoh, *The Olive Trees School* (tOts) di Bukit Jelutong Shah Alam telah menerima bantuan peruntukan ini untuk dimanfaatkan secara bersama kepada 30 orang pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran seperti *autism*, *dyslexia*, *dyscalculia*, *sensory intergration issues*, lembam dan lain-lain. Penambahbaikan dilaksanakan seperti pembelian peralatan khas yang memerlukan kos yang tinggi bagi tujuan pembelajaran serta memperluaskan lagi keupayaan agensi ini untuk menerima lebih ramai pelajar di kalangan kanak-kanak istimewa.

Selain itu, Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (*The National Autism Society Of Malaysia – NASOM*) cawangan Teluk Pulai juga turut menerima bantuan peruntukan ini

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

yang menyediakan perkhidmatan kepada golongan autisme dalam kemahiran pembelajaran, pengurusan diri, pendidikan awal, keberkesanan dan kemahiran berkomunikasi serta terapi untuk mengatasi kekurangan yang dialami.

Pemberian ini juga sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban kewangan ibu bapa yang berpendapatan rendah atau sederhana namun perlu menghantar anak-anak mereka untuk mendapatkan perkhidmatan pembelajaran terapi yang diperlukan. Secara umumnya, kebanyakan institusi dalam sektor penyediaan perkhidmatan sebegini bergantung kepada sumbangan kewangan daripada ibu bapa atau agensi untuk menampung kos pendidikan dan perkhidmatan terapi, penambahbaikan, kos operasi, menaik taraf kemudahan dan lain-lain.

Selain daripada pemberian bantuan peruntukan kepada institusi yang menjalankan Program Intervensi Awal Kanak-kanak, Kerajaan Negeri kini sedang dalam perancangan untuk merangka pemberian subsidi kepada anak-anak istimewa secara individu dalam mendapatkan perkhidmatan pembelajaran dan terapi khas mengikut keperluan masing-masing. Perancangan ini akan diteliti bagi memastikan ianya dapat dimanfaatkan oleh rakyat Selangor yang memerlukan.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Adakah Kerajaan ada buat kajian di mana berapakah institusi, jumlah institusi di Selangor? Institusi *EIP* di Selangor. Dan bagaimanakah peruntukan ini ditentukan jika kita hanya tentukan apabila mereka datang, orang yang tak datang, institusi yang tak datang dapatkan bantuan mereka tak dapat bantuan?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Damansara Utama. Pihak Kerajaan Negeri sedang mendapatkan senarai nama-nama institusi-institusi ini dan daripada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan kita akan..dan untuk ketika ini, pihak Kerajaan Negeri, kita menerima permohonan-permohonan daripada institusi ini kerana program ini adalah program Dasar Baru 2017 jadi kita menggalakkan lebih banyak institusi untuk memohon dalam Program EIP ini, terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Soalan tambahan lagi. Tadi YB EXCO kata RM800 ribu yang diperuntukan dan saya nak tanya apakah yang buat dengan ekstra 2.2 juta.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Damansara Utama. Untuk *balance* RM2.2 juta ini Kerajaan Negeri akan menggunakan akan gunakan ia sebagai pemberian bantuan peruntukan kepada anak-anak istimewa ini sebagai subsidi kepada mereka di masa yang akan datang.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Soalan tambahan.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Adakah.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya apakah bantuan ini dalam bentuk *one off* maknanya kalau dapat tahun ini tahun depan dan tahun berikutnya tidak dapat ataupun ia dalam bentuk tahunan maknanya setiap tahun institusi yang telah dapat ini akan tetap mendapat peruntukan yang diberikan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Batu Tiga. Buat masa ini kita memberikan bantuan secara *one off* dan untuk tahun hadapan masih lagi ada peruntukan tersebut dan mereka boleh memohon untuk kita salurkan bantuan tersebut.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Dah terlalu banyak untuk Damansara Utama. Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Puan Speaker saya berdiri di atas peraturan Mesyuarat 241 dan memohon belas kasihan Speaker untuk membenarkan soalan 40 dijawab sebab saya sedikit lewat tadi.

**TUAN SPEAKER** : Saya tidak benarkan. Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Terima kasih Tuan Speaker soalan nombor 42.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN (54 TANJUNG SEPAT)**

#### **TAJUK : PROJEK LOJI RAWATAN AIR**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status kemajuan Projek Loji Rawatan Air Semenyih dan Labuhan Dagang?

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

- b) Berapa ramaikah pemilik tanah yang terlibat dengan laluan jajaran paip bagi kedua-dua projek tersebut?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatu dan salam sejahtera Tuan Speaker dan terima kasih pada Tanjung Sepat yang bertanya. Saya mohon izin Tuan Speaker untuk menjawab soalan 42 Tanjung Sepat ini bersekali dengan soalan 118 daripada Yang Berhormat Kinrara dan soalan 241 daripada Yang Berhormat Kampung Tunku berkaitan dengan Pembangunan Loji Rawatan Semenyih 2 dan Labohan Dagang. Projek Pembangunan Loji Rawatan Semenyih 2 dijadualkan siap pada 19 Disember 2017. Pada ketika ini kerja-kerja di tapak setakat 30 September 2017 telah mencapai 87%. Kerja-kerja pemasangan kabel TNB juga berjalan lancar dan dijangkakan penyambungan elektrik ke loji akan diaktifkan pada pertengahan bulan November ini. Kerja-kerja *testing and comissioning* loji rawatan air dijangka akan bermula pada akhir November 2017 dan kita jangkakan pada Disember 2017 kita telah pun akan menikmati 100 juta liter air sehari daripada Loji Rawatan Air Semenyih 2 di mana yang telah kita jadualkan. Seterusnya bagi Projek Pembangunan Loji di Labohan Dagang yang telah disusun kepada lima *pakage*. Seperti mana yang ita ketahui *package A*. Kerja-kerja pengukuhan, pemuliharaan kolam pra rawatan dan kolam utama termasuk membina muka sauk di Sungai Langat. *Package B*. Pembinaan tangki air konkrit bertetulang muatan 40 juta liter di Bukit Jugra, Kuala Langat Selangor. *Package C1*. Membekal, memasang dan mentauliahkan paip yang bergaris pusat 1800mm serta kerja-kerja berkaitan dari loji rawatan air Labohan Dagang ke Jalan Sukun, Kanchong Darat dan Kuala Langat, Selangor begitu juga *package C2*. dan *Pakage D*. Menguji dan mentauliah sebuah loji rawatan air yang berkapasiti 200mld serta kerja-kerja berkaitan di Labohan Dagang Kuala Langat, Selangor. Pada ketika ini kerja- kerja di tapak telah bermula dan kerja-kerja pembinaan dijangka mengikut jadual yang telah ditetapkan. Setakat 24 Oktober 2017 kemajuan sebenar tapak bagi keseluruhan Projek Labohan Dagang telah mencapai 12% dan projek ini dijangka kan siap dan akan beroperasi sebelum Disember 2018. Berkenaan pengambilan tanah yang terlibat bagi kedua-dua Projek Semenyih 2 dan Labohan Dagang ia telah diselesaikan sepenuhnya dan beli tanah-tanah yang dikemukakan Borang G dan Borang H oleh Pejabat Tanah pembayaran balik telah pun diselesaikan. Terdapat juga beberapa pemilik tanah yang mengemukakan notis bantahan ke atas nilai pampasan yang telah dipersetujui dan merujuk perkara ini di mahkamah dan Kerajaan Negeri akan membayar nilai pampasan sebagai mana yang akan ditentukan oleh mahkamah bagi kes-kes bantahan ini. Bagi Projek Semenyih 2 lot tanah persendirian yang terlibat adalah sebanyak 3 lot sahaja manakala Projek Labohan Dagang tanah persendirian yang terlibat untuk keseluruhan projek adalah sebanyak 100 lot dan jumlah keseluruhan keluasan adalah sebanyak 39.1837 hektar. Yang Berhormat Kampung Tunku ada bertanyakan berkenaan status Pembangunan Loji

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Rawatan Air Langat 2 ia merupakan ia dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KETTHA) melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) maklumat yang diterima setakat 23 Oktober 2017 kerja-kerja sebenar di tapak telah mencapai 64.47% berbanding jadual sebanyak 71.40%. Tarikh jangkaan siap keseluruhan projek siap pada akhir 2019.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Terima kasih Tuan Speaker saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO. Sehingga Oktober 2017 ini bagi Loji Rawatan Air Semenyih berapa peratus kah baki atau pun penyiapan yang telah dilaksanakan di tapak sedangkan saya sentiasa melalui jalan tersebut an melihat pencapaian untuk kita menyiapkan loji ini untuk Disember 2017 adalah meragukan jadi apakah tindakan yang dilakukan daripada Kerajaan bagi memastikan penyiapan loji ini mengikut jadual.

**Y.B. TUAN ZAIDIY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Tanjung Sepat. Seperti mana saya telah kemukakan jawapan setakat 30 September 2017 telah mencapai 87 peratus dan insyaallah kita berikan jaminan bahawa ia akan beroperasi *by* Disember 2017 pada tahun ini.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Berkенаan status Langat 2 ini yang dijawab tadi apakah status *Slurge Treatment Facility* Langat 2 adakah keputusan telah dibuat dengan apa cara nak dibina *facility* ini.

**Y.B. TUAN ZAIDIY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Bukit Gasing. Bukit Gasing bertanyakan berkenaan dengan Loji Rawatan Langat 2 yang saya akan menyemak status berkenaan Loji Rawatan Langat 2 ini memandangkan ia adalah dilaksanakan oleh KETTHA melalui PAAB dan saya akan panjangkan jawapan *detail* nya pada Bukit Gasing.

**TUAN SPEAKER** : Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD** : Terima kasih Tuan Speker soalan nombor 43.

## **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(N11 IJOK)**

**TAJUK : BINATANG LIAR**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Masalah haiwan seperti monyet, anjing liar telah dibangkitkan banyak kali. Kerosakan tanaman-tanaman dan pencerobohan rumah-rumah amat ketara dan meningkat. Usaha-usaha yang digunakan tidak memberi kesan. Apakah kaedah-kaedah atau perancangan moden yang telah diusahakan oleh Kerajaan Negeri Selangor?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KIAT PING** : Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Seiring dengan pembangunan yang rancak di Negeri Selangor maka kita ada lebih banyak gangguan daripada haiwan-haiwan liar seperti kera dan setiap tahun kadar peningkatan boleh dilihat. Maka kaedah-kaedah praktikal dan berhemah seiring dengan keperluan dan kehendak orang ramai telah dijalankan oleh Jabatan PERHILITAN di samping memulihara spesies hidupan liar secara lestari. Dalam memastikan spesies hidupan liar ini dipelihara secara lestari pihak Jabatan PERHILITAN bertanggungjawab mengambil sebarang tindakan yang praktikal bagi menjamin kesihatan dan kesejahteraan rakyat terpelihara daripada sebarang ancaman yang boleh mengganggu ketenteraman awam. Langkah-langkah pengurusan yang diambil oleh pihak jabatan mengambil kira pelbagai faktor dan keperluan orang ramai yang pelbagai. Jabatan PERHILITAN telah menjalankan pelbagai usaha mitigrasi bagi mengatasi dan mengurangkan jumlah aduan daripada orang ramai yang diterima setiap hari dengan kaedah-kaedah seperti pemantauan, pelupusan populasi secara terancang, tembak halau dan tangkap pindah. Antara usaha-usaha strategi pengurusan konflik hidupan liar ini sebelum tindakan pemakaian dijalankan adalah menerusi penyiapan inventori menyeluruh populasi kera di kawasan yang bermasalah dan pendidikan awam. Selain daripada itu pihak Jabatan dari masa ke semasa mencuba kaedah keberkesanan pengawalan melalui rekaan-rekaan inovasi terutamanya reka cipta perangkap yang boleh digunakan untuk merangkapkan bilangan kera yang banyak di samping menjimatkan kos dan masa. Usaha dan tindakan yang dilaksanakan oleh pihak jabatan juga perlu mendapat sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak terutamanya dari masyarakat setempat melalui sesi-sesi dialog dan operasi bersama dengan agensi yang terlibat. Selain daripada itu hidupan liar yang diperoleh secara pengawalan, tangkap pindah ditangkap menggunakan perangkap yang bersesuaian berdasarkan jumlah dan spesies hidupan liar yang disasarkan dan kemudiannya dipindah ataupun translokasi kekawasan rizab hidupan liar atau kawasan

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

hutan simpan yang lebih luas dan jauh daripada penempatan manusia. Pelbagai faktor yang diambil kira termasuk keupayaan had daya tampung sesuatu kawasan terhadap spesies yang akan dilepaskan termasuklah keperluan yang mencukupi di kawasan terbabit. Bagi hidupan liar yang tercedera rawatan kecemasan akan diberikan oleh pegawai Veterinar Jabatan PERHILITAN dan akan ditempatkan sementara di Pusat Menyelamat Hidupan Liar di Sungkai ataupun di pusat-pusat konservasi hidupan liar sehingga satu tempoh yang sesuai dan kesediaan hidupan liar tersebut yang kemudian dilepaskan semula ke habitat semula jadi. Walau bagaimanapun bagi spesies konflik seperti kera kelompok yang bermasalah dan sering mendatangkan gangguan yang serius termasuk menjadi ancaman keselamatan kepada orang ramai akan disuntik secara *humain* seterusnya dilupuskan melalui cara *incineration*. Yang Berhormat Ijok juga menanya jumlah tangkapan haiwan liar dari 2014 sehingga 2017 mengikut kawasan, jumlah yang akan saya nyatakan ini tidak termasuk anjing liar, hamster, kucing liar dan sebagainya hanya haiwan liar di bawah PERHILITAN. Jadi jumlah sejak tahun. Maaf. Jumlah pada tahun 2014 adalah 16,942 jumlah pada tahun 2015 adalah 15,154 pada tahun 2016 adalah 10,078 dan 2017 sehingga Ogos adalah 7,923. Khususnya di Sabak Bernam yang termasuk Kuala Selangor dalam kategori di bawah Jabatan PERHILITAN. Pada tahun 2014 7,006 haiwan liar telah ditangkap, pada tahun 2015 6,876 ditangkap pada tahun 2016 4,582 haiwan liar ditangkap dan pada tahun 2017 4,013 sudah ditangkap sehingga bulan Ogos.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Soalan tambahan.**

**TUAN SPEAKER : Ijok dahulu.**

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker. Ijok ingin tahu sebab kaedah-kaedah yang ada masalah binatang liar ini makin meningkat *there no improvement at all*. Jadi adakah rancangan pada seluruh untuk Negeri Selangor mengatasi masalah ini yang saya tahu bagi bila penduduk atau ketua kampung buat aduan beri sangkar untuk tangkap kera tetapi masalah ini berterusan itu saya ingin tahu adakah ada kajian untuk bagaimana nak mengurangkan *population* kera dan ....**

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KIAT : Memang teknik dan inovasi telah dicuba oleh jabatan PERHILITAN cuma ada beberapa isu saya menyatakan memang ini adalah masalah. Satu penempatan manusia semakin lama semakin dekat dengan kawasan asal yang diduduki oleh kera dan juga haiwan-haiwan liar. Jadi memang terdapat konflik kerana dua-dua pihak pun tidak faham antara satu sama lain. Jadi ada bila sekarang kita buat perancangan ini untuk perancangan kawasan penempatan yang baru. Kita daripada Kerajaan Negeri menetapkan mesti ada zon penampakan, *buffer* zon. Bukan kita nak mendera sesiapa tetapi kita mengurangkan konflik dan juga mengurangkan insiden berdepan dengan ancaman manusia dan kera dan juga haiwan-haiwan lain bukan sahaja kera. Kita juga ada aduan tentang ular, musang, babi hutan**

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

dan sebagainya. Memang tadi semua data yang saya bagi tu termasuk semua itu. Kecuali anjing dan sebagainya perlu tanya YB Seri Kembangan. Itu yang di *handle* oleh pihak yang lain. Keduanya kita juga perlu menguatkuasakan iaitu dasar supaya orang awam tidak memberi makanan kepada kera. So, dalam sebagai contohnya dalam kawasan perkampungan ataupun di bandar juga memang ada orang yang sangat sayang kepada kera, sayang kepada pelbagai jenis monyet dan haiwan liar dan mereka suka memberi makanan. Tetapi ini sebenarnya tidak dibenarkan. Jadi di peringkat PBT juga kita minta daripada Kerajaan Negeri dan juga Jabatan Perhilitan untuk memberhentikan ataupun menguatkuasakan insiden-insiden memberi makanan ataupun memberi tunjuk sayang kepada kera khasnya. Akhirnya memang ada beberapa cara lah dan kita telah memberi cadangan juga kepada beberapa pihak macam mana nak menguruskan ataupun menakutkan kera daripada kawasan taman ataupun perumahan sebagainya. Kalau YB Ijok ada masa selepas ini memang saya ada satu eksperimen projek perintis yang saya sangat ingin cuba di kawasan perkampungan khasnya di kawasan Ijok.

**TUAN SPEAKER :** Seri Andalas, dulu.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM :** EXCO soalan ini ada juga anjing liar tapi anjing liar semakin meningkat di dalam bandar dan kawasan semua. Apa program Kerajaan untuk menurunkan anjing liar, boleh tembak mereka. Banyak sekali lah.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Jawapan ringkasnya adalah tidak boleh tembak.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Tuan Speaker, terima kasih. Sekinchan juga menghadapi masalah tentang serangan gangguan daripada kera dan monyet dan sebagainya seperti di Ijok dan sebagainya. Tadi saya dengar jawapan daripada YB EXCO bagaimana kita nak halau dan sebagainya nak tembak, sangkar macam-macam. Dan memandangkan manusia dengan kera ini sekarang dah sampai ke tahap menimbulkan konflik yang seperti YB kata sudah menimbulkan konflik antara manusia dengan kera. Jadi saya nak tanya YB adakah Kerajaan bersedia untuk memberi peruntukan khas untuk memberi kesedaran kepada kera-kera ini supaya tidak menimbulkan konflik kepada manusia.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tidak ada peruntukan khas untuk kera tetapi ada peruntukan untuk Jabatan Perhilitan untuk mengurus dan mengelakkan konflik tersebut.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Saya rasa masalah di sini ialah masalah bekalan ataupun sumber makanan bintang berkenaan. Barangkali itu masalahnya maka dia merayau-rayau.

**TUAN SPEAKER :** Soalannya.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** hingga ke tempat. Ini saya nak bagi tahu gambarannya dulu. Jadi saya nak mendapat apa ni *feedback* sama ada cadangan saya ini boleh dipertimbangkan. Kalau kita buat dusun bekalan makanan binatang-binatang ni jauh di rimba misal kata dan dijadikan sebagai projek pelancongan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tadi kata konflik dengan manusia, lepas itu nak bawa teropong nak lihat kera pula. Batang kali sebenarnya Jabatan Perhutanan Negeri Selangor sudah ada program untuk menanam pokok-pokok buah-buahan di dalam kawasan hutan simpan. Dan ini membantu dari segi menampung memberi sumber kepada hidupan-hidupan liar termasuk kera, bila mereka dipindah masuk ke tempat penempatan baru di sana. Jadi memang kita ada program khas dan selain daripada itu di peringkat *national* ataupun kebangsaan pun kita di Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia di semua jabatan di Negeri, di semua Negeri juga disarankan untuk membuat sebegini.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Tambahan

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tapi tak ada, tak ada, tak boleh jadi pelancong la nanti lebih konflik.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Tidak dibawa sebagai produk pelancongan begitu.

**TUAN SPEAKER :** Baiklah, Dengkil, Dengkil. Soalan seterusnya.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Soalan tambahan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Dengkil tak ada kera.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Soalan tambahan. No. 44 Speaker.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF**  
**(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : PEMERKASAAN SEKOLAH TAHFIZ DI SELANGOR**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Nyatakan jumlah Sekolah dan Pelajar Tahfiz di dalam Negeri Selangor.
- b) Adakah terdapat perancangan pelan pemerkasaan Sekolah Tahfiz di Negeri Selangor?
- c) Berapakah jumlah peruntukan Kerajaan Negeri kepada Sekolah-sekolah Tahfiz di Negeri Selangor?

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Terima kasih Tuan Speaker. Dengkil bertanya berkaitan dengan sekolah tahfiz di Selangor. Isu berkaitan dengan sekolah tahfiz di Selangor ni, izinkan saya untuk menjawab bersekali dengan soalan 53 daripada Kinrara, 81 daripada Damansara Utama, 112 Hulu Kelang, 132 Sungai Pelek, 145 & 167 daripada Seri Serdang. Kerajaan Negeri memandang serius berhubung insiden kebakaran selepas kebakaran Maahad ataupun sekolah Tahfiz selepas berlaku kebakaran Maahad Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah Kampung Dato' Keramat. Agak malang juga kepada kita di Selangor apabila selepas kejadian tersebut, berlaku juga insiden di Selangor yang mana telah berlaku dua insiden kebakaran yang melibatkan Maahad Tahfiz, iaitu (1) Pusat Tahfiz Nur Al Quran Batu 4, Jalan Pengkalan Rantau Panjang, Klang pada 9 Oktober 2017, (2) Akademik Tahfiz Ihya Ul Quran Kg Bukit Lancong pada 22 Oktober 2017 dan kedua-dua tahfiz ini tidak berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Ekoran insiden kebakaran di Kg Dato' Keramat, Maahad Tahfiz di Kg Dato' keramat, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam telah memanggil satu mesyuarat khas melibatkan beberapa agensi. Satu jawatankuasa pemandu telah dibentuk dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam Timbalan Pengerusi Sahibus Samahah Dato' Pengarah

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Jabatan Agama Islam Selangor, Setiausaha KPP atau Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Negeri Selangor dan Ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada pelbagai agensi-agensi termasuklah Majlis Agama Islam, Pengarah Jabatan Pendidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Pelajaran Selangor, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Selangor, Jabatan Kesihatan, Unit PBT, UPEN, YDP dan Dato' Bandar PBT dan juga Pengurus Persatuan Institut Tahfiz Selangor. Satu keputusan telah diambil iaitu mengadakan Bengkel Garis Panduan Keselamatan Tahfiz Seluruh Selangor pada 15 November 2017 dan kedua mengadakan Seminar Pengurusan Tahfiz Selangor yang akan melibatkan maahad-maahad tahfiz sama ada berdaftar ataupun tidak berdaftar di Negeri Selangor. Jumlah pelajar dan sekolah tahfiz di Negeri Selangor, Maahad Tahfiz Negeri iaitu Maahad Integrasi Tahfiz Sains Selangor 4 buah sekolah dengan jumlah pelajarnya 1,017 pelajar, Maahad Tahfiz persendirian bacaan sehingga Oktober 2017 berdaftar 262 sekolah dengan jumlah pelajar 17,440 dan guru 1,995. Tidak berdaftar 127 sekolah dengan bilangan pelajar 2,862 pelajar dan guru 306, 46 pelajar. Menjadikan keseluruhan sekolah tahfiz sama ada sekolah tahfiz ataupun dalam tahfiz yang integrasi ataupun tahfiz sahaja sejumlah 393 sekolah dengan jumlah pelajar 21,319 pelajar sama ada tahfiz bawah Kerajaan Negeri ataupun persendirian. Setakat ini Kerajaan Negeri tidak dapat mengemukakan jumlah maahad tahfiz persendirian. Yang tidak mendapat kebenaran merancang ataupun kelulusan pelan bangunan daripada PBT dan saya masih lagi menunggu daripada pihak berkuasa tempatan di dua-dua belas Pihak Berkuasa Tempatan. Kerana sebahagian besar daripada maahad tahfiz yang ada ini, ianya berada di luar daripada kawasan operasi dan juga maahad tahfiz ini sebahagiannya menggunakan prasarana-prasarana yang sedia ada bukan satu bangunan yang dibina baru untuk mendapat kelulusan KM ataupun kelulusan pelan bangunan dan sebelum ini juga saya kira permohonan pendaftaran di sekolah-sekolah tersebut kepada Jabatan Agama Islam terlalu menekankan soal aspek kebenaran merancang ataupun kelulusan pelan bangunan. Melalui Persatuan Institut Institut Tahfiz Selangor dan pendekatan sumbangan Sekolah Agama Rakyat daripada Kerajaan Negeri semenjak 2008 telah dapat menggalakkan pendaftaran maahad-maahad ataupun sekolah-sekolah tahfiz persendirian ini. Penekanan dalam pendaftaran lebih kepada soal-soal modul dan juga *syllabus* pengajaran dan pembelajaran. Pelan pemerkasaan sekolah tahfiz Kerajaan Negeri menekankan supaya maahad tahfiz di Selangor melaksanakan dasar pendidikan tahfiz negara di PTN seperti kurikulum bersepada tahfiz sama ada tahfiz Dini dan juga akademik. Yang kedua adalah kurikulum Tahfiz Maahad Integrasi Tahfiz Selangor. Jumlah peruntukan sekolah tahfiz di Negeri Selangor, bantuan sekolah agama rakyat melalui di bawah EXCO Pendidikan daripada 2009 sehingga 2016, mana kita sedia maklum sejumlah RM6 juta setahun. Sebahagian besar daripada Maahad-maahad Tahfiz ataupun sekolah-sekolah tahfiz ini mendapat sumber peruntukan ataupun bantuan daripada sumber peruntukan ini.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

2017 dinaikkan kepada RM9 juta seperti mana kita sedia maklum dan insyaallah seperti mana yang di maklum, yang dicadangkan oleh YAB Dato' Menteri Besar dalam belanjawan untuk tahun 2018 dinaikkan kepada RM10 juta. Maahad Tahfiz Negeri Selangor ini, peruntukan baik pulih bagi diperuntukkan pada tahun 2017 sejumlah RM1 juta dan dicadangkan 2018 ditingkatkan kepada RM2 juta. Peruntukan Tahfiz Persendirian, peruntukan baik pulih 2017 telah diperuntukkan sejumlah RM1.6 juta dan dicadangkan 2018 sejumlah RM2 juta. Peruntukan selain daripada itu peruntukan sejumlah RM12 juta untuk membina 2 bangunan Maahad Tahfiz Persendirian yang mana kedua-dua Maahad Tahfiz ini mempunyai prasarana bangunan yang terlalu uzur dan terdedah daripada sudut keselamatannya sama ada terbakar ataupun mungkin apabila berada dilanda ribut ia juga akan tumbang dan satu dicadangkan di Kuala Selangor dan satu di Kuala Langat yang telah diluluskan oleh YAB. Dato' Menteri Besar. Bagi tindakan memastikan keselamatan dan mengelakkan tragedi kebakaran bangunan sekolah tahfiz, beberapa perkara telah diambil, (1) bantuan baik pulih yang seperti mana yang saya sebutkan tadi, (2) bantuan alat pencegah kebakaran seperti alat pemadam api yang lebih kurang kita telah membelanjakan RM301,000.00 dan telah disampaikan kepada sekolah-sekolah ataupun maahad tahfiz terlibat, (3) Pelaksanaan Seminar Kesedaran Keselamatan Kebakaran Bersama PBT dan juga Jabatan Bomba dan Penyelamat yang insyaallah akan diadakan pada 5 Disember ini selepas bengkel yang akan kita adakan, (4) Pemeriksaan dan pemantauan secara berkala ke atas Maahad Tahfiz Selangor yang mana ini juga menjadi tanggungjawab kepada Jabatan Agama Islam melalui Bahagian Pendidikan Islam untuk terus membuat pemeriksaan dan pemantauan secara berkala, (5) Khidmat nasihat dan bimbingan kepada Maahad Tahfiz Persendirian yang belum mendapat sokongan daripada agensi-agensi *berauthority* sebagai prasyarat untuk mereka ini didaftarkan di bawah program pendaftaran di bawah Jabatan Agama Islam Negeri Selangor dan (6) Kita menggalakkan penubuhan pasukan beruniform bomba di sekolah-sekolah ataupun maahad tahfiz tersebut supaya kita dapat mengoptimumkan langkah-langkah keselamatan pencegah kebakaran yang kita bantu di sekolah-sekolah ini termasuklah, kalau ada alat pemadam api tadi pihak pelajar ataupun pihak pengurusan tahu menggunakan tatacara-tatacara penggunaan tersebut bila berlaku kebakaran dan sebagainya. Penyelenggaraan pili bomba untuk maklumat, penyelenggaraan pili bomba sebab ini adalah ada sebahagian daripada soalan yang dikemukakan penyelenggaraan pili bomba tidaklah termasuk di bawah kawalan Kerajaan Negeri, kuasa sepenuhnya adalah di bawah Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia. Merujuk kepada bahagian 4, Air Dan Pili Bomba Akta Perkhidmatan Bomba 1988 Akta 341, walau bagaimanapun sehingga kini Kerajaan Negeri mempunyai hubungan kerjasama yang sangat baik dengan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Selangor. Untuk makluman sehingga kini pihak bomba, pihak Jabatan Bomba Dan Penyelamat Negeri Selangor telah membuat pemeriksaan sejumlah 288 maahad tahfiz persendirian di Negeri Selangor.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Tindakan Kerajaan Negeri Selangor. Tindakan Kerajaan Negeri telah memberikan peluang kepada pelajar tahfiz persendirian mengambil peperiksaan SPM. Tanggungjawab ini sebenarnya seharusnya diambil oleh pihak pengurusan sekolah tahfiz persendirian. Walaupun kita sedia maklum sebahagian besar daripada maahad tahfiz ini tidak mengambil tanggungjawab ini. Maka Kerajaan Negeri melalui UNISEL telah pun mempunyai program *fast track* untuk laluan SPM khas kepada pelajar-pelajar tahfiz daripada sekolah-sekolah persendirian yang tidak menawarkan silibus SPM ini. Program ini akan diperluaskan kepada Kolej Universiti Islam Selangor di bawah program BFAST seperti mana yang diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar di dalam belanjawan 2018 nanti. Daripada sudut pematuhan sekolah dan Maahad Tahfiz persendirian Kerajaan Negeri akan memantau perjalanan dan keadaan infrastruktur sekolah-sekolah maahad tahfiz persendirian di seluruh Negeri Selangor melalui sektor pengurusan naziran JAIS dan Unit Pendidikan Islam Daerah di daerah-daerah. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Terima YAB EXCO di atas penjelasan tadi. Saya juga mengalu-alukan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk pemerkasaan sekolah-sekolah tahfiz ataupun maahad tahfiz ini dan saya nampak tadi kebanyakkan peruntukan itu disediakan untuk penyelenggaraan, naik taraf, baik pulih dan sebagainya. Tetapi juga ada di kalangan sekolah-sekolah tahfiz ini telah menerima musibah, telah menerima apa nama terbakar dan sebagainya mereka ini juga kadang-kadang payah untuk mendapatkan peruntukan untuk membina semula maahad tahfiz berkenaan. Jadi adakah peruntukan khusus juga disediakan oleh Kerajaan Negeri demi memastikan sekolah-sekolah tahfiz ini yang terlibat dalam kebakaran seperti ini boleh dibina semula dan mereka boleh menjalankan pengajian sekolah tahfiz seperti biasa. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Dengkil. Penubuhan maahad tahfiz persendirian ini bukanlah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri seperti kita sedia maklum dan kita tidak ada peruntukan yang khusus untuk kita bangunkan ataupun bina semula maahad tahfiz ini kerana mungkin antara perkara-perkara yang terpaksa kita hadapi adalah berkaitan dengan soal tanah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, di bawah bantuan pendidikan Negeri Selangor yang melibatkan juga Sekolah Agama Rakyat (SAR) peruntukan yang kita berikan setiap tahun. Bagi maahad-maahad tahfiz ini, saya kira di Negeri Selangor sebahagian besarnya mereka memohon kepada Kerajaan Negeri dan kita gunakan peruntukan-peruntukan yang masih ada. Kalau tahun ini RM9 juta. Kita boleh berikan bantuan.. Tetapi bukanlah untuk pembangunan secara keseluruhan, bangunkan untuk keperluan yang saya kira agak mendesak untuk Maahad Tahfiz. Terima kasih.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**TUAN SPEAKER :** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Puan Speaker, soalan nombor 45.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA YB TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN (N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK :** **KAWASAN RUMAH TERBIAR DAN TIDAK BERPENGHUNI**

45. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila butirkan rumah terbiar yang telah dirampas oleh Kerajaan Negeri pada penggal ini.
- b) Apakah kriteria Kerajaan untuk merampas rumah terbiar, yang menjadi kacau ganggu kepada kawasan kediaman tersebut?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Tuan Speaker, terima kasih kepada Bukit Gasing. Pada tahun ini tiada rumah terbiar yang dirampas oleh Kerajaan Negeri. Perampasan tanah yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri buat masa ini adalah mengikut Seksyen 100 bagi kegagalan pembayaran cukai dan berdasarkan Seksyen 127 hingga Seksyen 130 Kanun Tanah Negara bagi tanah-tanah yang melanggar syarat.

Mengikut Seksyen 100 KTN memperuntukkan bahawa tindakan pelucutan hak boleh diambil sekiranya tiada cukai yang dibayar oleh mana-mana pemunya tanah yang telah diberimilik dan dianggap sebagai tunggakan. Pentadbir Tanah seterusnya boleh melucutahkan tanah tersebut menjadi tanah Kerajaan. Manakala di bawah Seksyen 127-130 Kanun Tanah Negara, Kerajaan Negeri boleh melucutahkan mana-mana tanah yang telah melanggar syarat nyata tanah tersebut.

**TUAN SPEAKER :** Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Terima kasih Speaker. Soalan 46.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA YB PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI (N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK :** **KEJAYAAN PERTANIAN DI SELANGOR**

46. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan kejayaan utama Kerajaan dalam melonjakkan aktiviti pertanian.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

- b) Adakah Kerajaan bersedia membantu memberi subsidi khas bagi melestarikan sumbangan petani dan nelayan yang dihimpit masalah ekonomi keluarga?
- c) Sudah adakah Tabung Petani/Nelayan untuk menjaga kebajikan diri dan keluarga?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Tuan Speaker, terima kasih kepada Selat Klang yang bertanya. Negeri Selangor sebagai sebuah Negeri yang bertunjangkan slogan Smart Selangor, aktiviti sektor pertanian di Selangor turut diberikan keutamaan dan perhatian yang serius ke arah tersebut. Walaupun dengan hanya memiliki jumlah kawasan tanah pertanian yang semakin mengecil kesan dari persaingan dengan arus kemajuan pembangunan yang semakin tinggi dan rancak, golongan petani dan penternak di Negeri Selangor sentiasa diberikan perhatian khususnya di dalam mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan bimbingan serta bantuan oleh jabatan-jabatan yang berkaitan. Ini dibuktikan dengan penggunaan kaedah pertanian persis (*precision agriculture*) di mana setiap faktor-faktor pengeluaran adalah tepat dan bersistematis yang menjurus kepada hasil yang tinggi dan berkualiti walaupun dengan penggunaan tanah yang kecil. Selain dari itu juga, penglibatan pihak swasta yang membawa bersama pengalaman dan teknologi-teknologi moden turut diberikan perhatian untuk dilaksanakan di Negeri Selangor. Hasil daripada faktor tersebut, ia nyata telah dibuktikan dengan kejayaan-kejayaan oleh pengusaha-pengusaha sektor pertanian di peringkat kebangsaan. Saya ingin menarik perhatian untuk melihat beberapa kejayaan-kejayaan yang telah pun terhasil. Antaranya jumlah pengeluaran padi per hektar yang tertinggi di Malaysia pada kadar purata 6.49 metrik tan per hektar berbanding pengeluaran purata negara hanya 4.4 metrik tan per hektar. Ini satu kejayaan. Jumlah penerima Anugerah myGAP dan myOrganik yang tertinggi dalam Malaysia untuk tempoh selama 5 tahun berturut-turut. Untuk tahun 2016 sahaja, seramai 209 daripada 973 penerima sijil myGAP adalah daripada Negeri Selangor sebanyak 21% pengusaha tanaman daripada Negeri Selangor telah dianugerahkan Sijil myGAP ini dan juga myOrganik iaitu 208 penerima Sijil myGAP dan 1 penerima Sijil myOrganik. Ini yang kedua. Yang ketiga, penanaman berkonsepkan fertigasi berdasarkan jumlah *polybag* iaitu hampir 2 juta *polybag* merupakan jumlah yang tertinggi dalam negara Malaysia, dengan jumlah pengusaha lebih daripada 1000 orang dengan keluasan lebih kurang 790 hektar. Ini juga satu kejayaan yang boleh kita banggakan. Berkaitan dengan Program Taman Kekal Pertanian Makanan (TKPM) Negeri Selangor adalah merupakan program TKPM yang tertinggi dari segi catatan jumlah hasil jualan setahun berbanding Program TKPM seluruh negara dengan nilai jualan sebanyak RM32 juta bersamaan dengan 43% daripada jumlah keseluruhan jualan TKPM yang lain. Yang keempat, Program ternakan ayam kampung secara bertingkat di Daerah Kuala Langat pula merupakan projek ternakan ayam kampung yang pertama diwujudkan di Malaysia dengan konsep tersebut. Yang keenam, Negeri

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Selangor juga merupakan antara Negeri pengeluar telur ayam tertinggi di Malaysia dan bekalan telur untuk Negeri Selangor telah pun mencapai 100% dari segi *Self Sufficient Level (SSL)*.

Golongan petani dan nelayan serta penternak adalah merupakan golongan yang penting di dalam sesebuah Negeri atau negara bagi memastikan tahap sekuriti bekalan makanan atau *food security* berapa pada tahap yang terbaik. Sehubungan dengan itu, kebijakan serta keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap golongan tersebut sentiasa diambil berat khususnya di dalam meringankan beban masalah ekonomi terutamanya pada situasi ekonomi ketika ini yang dihimpit oleh kenaikan barang keperluan harian. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah bagi membantu golongan-golongan tersebut di dalam memastikan golongan tersebut terbela. Antara tindakan yang telah diambil adalah menyediakan bantuan peralatan dan input pertanian seperti peralatan menangkap ikan untuk nelayan, peralatan dan input pertanian untuk petani dan bantuan berbentuk peralatan, bahan binaan dan baka serta anak ikan untuk penternak. Yang kedua menyediakan peruntukan khas kepada golongan pesawah apabila dilanda bencana serangan penyakit seperti contoh pesawah yang terlibat dengan serangan penyakit hawar daun bakteria atau *Bacterial Leaf Blight (BLB)* serta bantuan baja dan racun bagi meringankan beban kesan dari kejatuhan hasil tanaman. Yang Ketiga, Kerajaan Negeri juga bersedia untuk memberikan pertimbangan yang sewajarnya ke atas apa sahaja permohonan dari golongan petani, penternak dan nelayan yang dilanda musibah akibat dari bencana alam atau seumpamanya berdasarkan tahap kerugian kesan dari kehilangan hasil. Pada ketika ini, Kerajaan Negeri seperti mana kita tahu akan ada satu tabung untuk pesawah yang akan kita perbahaskan dan bentangkan dan In Sha Allah mudah-mudahan ia nya berjaya kita lakukan dengan sempurna.

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih YB EXCO, Taman Templer yang prihatin terhadap masalah-masalah sawah, di mana saya nampak Kerajaan ya telah, belanjawan kali ini adalah memperuntukkan sejumlah RM3 juta untuk perlindungan insurans kepada pesawah-pesawah ini. Ini satu langkah yang cukup baik yang dapat membantu pesawah-pesawah. Namun saya fikirkan saya ingin cadangkan minta YB EXCO pertimbangkan supaya perlindungan ini kalau boleh dibuat secara untuk perlindungan bencana alam, musibah supaya bukan sahaja perlindungan peribadi, kalau ada serangan penyakit ataupun musibah mereka kerugian, boleh tuntut pampasan. Ini saya rasa lebih baik. Saya minta pandangan daripada YB.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih Sekinchan. Satu pandangan yang baik dan memang cadangan-cadangan tersebut telah pun diambil kira sebelum ini dalam proses perbincangan. Buat setakat ini ia nya hanya di terjemahkan

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

dalam bentuk insurans pesawah sahaja. Walau bagaimanapun cadangan itu cukup baik untuk dipertimbangkan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Tuan Speaker. Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Bilakah agaknya Kerajaan Selangor bersedia untuk melancarkan tabung ini. Kalau untuk anak Selangor yang baru lahir ada TAWAS, macam-macam ada tabung, untuk petani dan nelayan ini kerana mereka pencapaian tadi sangat membanggakan Negeri Selangor. Jadi kita mahu mereka ini ada sekuriti dengan sumbangan sebagai *food security* mereka ini layak untuk mendapat satu tabung khas diberi pengiktirafan golongan petani, pesawah yang memberikan kita bekerja sesungguhnya untuk kita mendapatkan makanan ini. Bila? 1 Januari?.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Selat Klang. Pertama, kita seperti mana yang telah kita ketahui kita dah bentangkan satu program baru. Ini juga satu perkara yang boleh kita *appreciate* yang juga saya difahamkan oleh Sekinchan disambut baik oleh petani begitu juga dengan Sabah, oleh Sabak berkaitan dengan isu pesawah ini. Berkaitan dengan bencana walaupun belum ada satu program khusus tetapi seperti mana yang kita ketahui, bila mana dilanda bencana BLB baru-baru ini, kita membuat keputusan yang drastik membantu dengan jumlah yang begitu besar dan pandangan untuk diadakan satu tabung itu juga sebenarnya telah pun di bincang dan dalam proses untuk kita memperhalusi dan In sha Allah kita akan mendapat jalan, cara, kaedah macam mana untuk kita laksanakan untuk konteks bencana.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Maksud saya bukan mangsa bencana atau musibah atau meninggal dunia. Tetapi tabung yang menjaga kebajikan pesawah, petani, nelayan yang ramai nya adalah golongan miskin. Bukan yang peniaga dan sebagainya.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB** : Ok, terima kasih Selat Klang. Golongan-golongan ini yang kita kategorikan bagi golongan yang miskin ataupun di bawah tahap kemiskinan, ia tertakluk pada program-program IPR yang lain saya kira juga layak untuk dinikmati oleh mereka. Jadi dengan kerjasama daripada peringkat ADUN dan sebagainya saya pastikan supaya semua petani-petani, nelayan ini menikmati program-program yang telah pun sedia ada. Program khas, itu cadangan yang kita akan ambil sebagai pertimbangan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Tuan Speaker, soalan nombor 47.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK :**

46. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-
- Sila nyatakan jumlah bencana alam yang dihadapi oleh Selangor pada 2016-2017 semua kategori mengikut Daerah dan PBT.
  - Pembayaran bantuan sumbangan bencana kadangkala memakan masa terlalu lama, apakah S.O.P berkaitan perkara ini?
  - Apakah yang menyebabkan kelewatan ini serta langkah penyelesaiannya?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Tuan Speaker saya akan menjawab soalan 46 serta soalan 79 daripada Rawang. Tuan Speaker, Negeri Selangor tidak terkecuali daripada kesan perubahan iklim dan cuaca yang ketara dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Jenis bencana alam yang dihadapi oleh Negeri Selangor adalah seperti berikut iaitu banjir, banjir kilat, ribut, kebakaran hutan simpan dan tanah gambut serta tanah runtuh. Jumlah bencana alam bagi Tahun 2016 hingga 2017 iaitu sehingga 22 Oktober 2017 adalah seperti berikut :

1. Hulu Selangor	-	72
2. Sabak Bernam	-	77
3. Kuala Selangor	-	62
4. Klang	-	185
5. Petaling	-	106
6. Gombak	-	132
7. Kuala Langat	-	62
8. Sepang	-	52
9. <u>Hulu Langat</u>	-	<u>142</u>
<b>Jumlah</b>		<b>890</b>

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat setiap daerah telah diperuntukkan sejumlah RM50,000.00 melalui Tabung Bencana Daerah. Selain itu Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah boleh membuat pengeluaran wang tunai sejumlah RM10,000 melalui ATM bagi tujuan penyerahan bantuan kepada mangsa bencana dengan kadar segera.

- C. Punca kelewatan pembayaran sumbangan adalah disebabkan perkara berikut :-

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

1. Dokumen permohonan yang tidak lengkap.
2. Permohonan adalah daripada individu bukan warganegara.
3. Permohonan yang bertindih.
4. Permohonan daripada individu bukan mangsa bencana (orang yang mengambil kesempatan).

Berikut langkah-langkah penyelesaian yang dilaksanakan:-

1. Penyerahan berfasa untuk permohonan lengkap dan berkelayakan.
2. Dokumen laporan polis yang dibuat secara berkumpulan untuk satu kawasan terkesan akibat bencana contoh banjir kilat.
3. RM50,000.00 disediakan di dalam Tabung Bencana di peringkat daerah bagi memudahkan pengeluaran dan penyerahan bantuan kepada mangsa.
4. Peruntukan tambahan khas bagi bencana besar dalam tempoh 7 hari setelah dokumen permohonan lengkap diperolehi di Pejabat Daerah dan Tanah.

Untuk menjawab soalan b) daripada Rawang, berikut adalah pelan tindakan menghadapi Bencana Alam melalui Smart Disaster Management di bawah inisiatif Smart Selangor dengan kerjasama Smart Selangor Delivery Unit (SSDU), MBI (Menteri Besar Pemerbadanan) serta Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor adalah seperti berikut :-

1. Pelaksanaan Smart Selangor Command Center (SSCC) oleh Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor melalui kerjasama SSDU dan MBI yang memantau parameter dan petunjuk cuaca.
2. Pemantauan satelit dengan kerjasama Agensi Remote Censoring Malaysia (ASM).
3. Sistem Geosmart dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Selangor.
4. Pemantauan Udara melalui UAV secara berkala di kawasan berisiko bencana.
5. Pelaksanaan sistem bahaya risiko cerun dengan kerjasama Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia kepada Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan Bertanah Tinggi berteknologi dan Satelit.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

6. Pelaksanaan *working group* bagi menilai risiko dan merangka pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang berdasarkan penilaian risiko, analisis data dan parameter cuaca.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Saya ingin bertanya tentang Smart Disaster Management System yang dinyatakan oleh EXCO tadi sebab kita tahu apabila kita menghadapi keadaan bencana alam dan sebagainya sebenarnya penyebaran informasi itu yang tepat dan lebih cepat adalah penting supaya orang awam dan agensi yang berkenaan boleh bersedia. Jadi persoalan saya adakah informasi ini sekarang sudah ada satu Apps dengan izin yang boleh diakses oleh *public* dan kita kepada *public* untuk bersedia contohnya banjir kilat, tanah runtuh ke dalam kawasan yang berdekatan dalam radius tersebut.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Rawang. SSCC ataupun pelaksanaan Smart Selangor Command Center oleh Unit Pengurusan Bencana Selangor telah pun beroperasi dan telah pun memberikan maklumat-maklumat tentang ramalan cuaca untuk seluruh Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD :** Terima kasih Tuan Speaker. SOP untuk bantuan mangsa-mangsa bencana alam ini adakah perubahan sebab mangsa mendapat bantuan amat lambat dan juga tabung bencana daerah pun berkurangan sebab baru-baru ini ada satu kebakaran mengambil seminggu untuk mengatasi dan juga bila pejabat daerah meminta bantuan, jentera tak ada, jentolak tak ada, peruntukan tak ada *fire brigade* pun datang lambat. Jadi adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk mengubah SOP mangsa bencana. Lagi satu lambat bagi saya sebab mangsa kebakaran buat laporan polis, polis kena bagi ke pejabat daerah, pejabat daerah hantar ke Shah Alam dan Shah Alam bincang bagi kepada pejabat-pejabat daerah, kadang-kadasng mangsa tunggu bantuan sampai 2-3 bulan padahal peruntukan dari Pejabat Daerah cuma RM500.00. Jadi saya harap adakah sesuatu perubahan dapat cara-cara untuk membuat SOP memberi bantuan kepada bencana alam.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Ijok. Berkenaan dengan bantuan ataupun apabila berlaku bencana kebakaran ia adalah perkara yang tidak dirancang. Ia melibatkan agensi-agensi seperti bomba dan lain-lain. Jadi pihak Pejabat Daerah menunggu ataupun mendapatkan dokumen daripada mangsa dan sepatutnya Ketua-Ketua Kampung ataupun Penghulu di kawasan tersebut proaktif untuk membantu mangsa untuk menyelesaikan permohonan atau pun memberikan dokumen itu agar cepat disampaikan kepada Pejabat Daerah agar Pejabat Daerah segera dapat memberikan bantuan tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Kuang, tidak hadir.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Tuan Speaker .

**TUAN SPEAKER :** Saya tak benarkan, kena konsisten semua. Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Terima kasih, soalan nombor 49.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN LEE KEE HIONG (N06 KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK : PERBICARAAN BANTAHAN SYOR KAJIAN SEMULA  
BERSEMPADANAN SPR**

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Status terkini perbicaraan bantahan Kerajaan Negeri terhadap syor kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sabah untuk keseluruhan Negeri Selangor di Mahkamah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker, Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu ingin mengetahui status terkini perbicaraan bantahan Kerajaan Negeri terhadap syor kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sabah, untuk keseluruhan Negeri Selangor yang telah pun diangkat kepada perbicaraan di mahkamah. Untuk makluman Yang Berhormat, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah pun selesai pendengaran hujahan daripada kedua-dua pihak Kerajaan Negeri dan juga pihak Suruhanjaya Pilihan raya bagi permohonan semakan kehakiman dan pendengaran didengar pada 13 Oktober 2017 dan kemudian disambung perbicaraan pada 24 Oktober 2017. Mahkamah kini telah pun menetapkan

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

pada 7 Disember 2017. Dalam masa pendengaran pihak Kerajaan Negeri telah pun memfailkan afidavit yang diikrarkan oleh bekas Pengerusi Suruhanjaya Pilihan raya iaitu Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman yang telah menyatakan bahawa dakwaan pihak SPR bahawa data-data dan alamat-alamat mengundi sudah dimusnahkan adalah tidak mungkin benar dan adalah salah laku yang serius. Namun pihak SPR tidak menjawab dakwaan-dakwaan serius yang telah diikrarkan oleh Tan Sri Abdul Rashid dalam afidavitnya. Saya juga ingin memaklumkan bahawa sehingga isu persempadanan ini diputuskan oleh mahkamah yang mulia, pihak SPR masih lagi terikat kepada perintah penggantungan yang mana tidak membenarkan SPR mengadakan apa-apa siasatan tempatan di seluruh Negeri Selangor. Oleh sebab Selangor masih belum selesai dengan siasatan tempatan maka SPR tidak boleh menghantar laporan SPR lengkap kepada Perdana Menteri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL :** Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 50.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL**  
**(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK :** **BIDANG KUASA PBT, PDRM, PEJABAT DAERAH DAN KASTAM DALAM URUSAN PENJUALAN ARAK**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah bidang kuasa PBT, PDRM, Pejabat Daerah dan Kastam dalam urusan penjualan arak kepada orang awam?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Tuan Speaker, terima kasih kepada Seri Serdang. Pejabat Daerah dan Tanah merupakan jabatan yang bertindak sebagai urus setia dalam menguruskan pengeluaran lesen minuman *liquor* yang memabukkan. Bidang kuasa yang dijalankan oleh Pejabat Daerah dan Tanah sebagai urus setia adalah seperti yang terkandung di dalam Akta Eksais dan Peraturan-Peraturan Akta 176. Lesen yang dikeluarkan terbahagi kepada 4 kategori iaitu :-

- i. Lesen rumah awam - untuk jualan secara runcit *liquor* yang memabukkan, tidak termasuk tidi untuk digunakan pada premis atau di tempat di mana *liquor* itu dijual;

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

- ii. Lesen rumah beer - untuk jualan secara runcit beer untuk digunakan pada premis atau di tempat di mana beer itu dijual dengan syarat bahawa pemegang-pemegang lesen rumah awam adalah dikecualikan daripada memiliki lesen rumah beer;
- iii. Lesen kedai runcit – untuk jualan secara runcit *liquor* yang memabukkan, tidak termasuk todi untuk digunakan di tempat-tempat lain daripada pada premis atau di tempat di mana *liquor* itu dijual;
- iv. Lesen peniaga borong – untuk jualan secara borong *liquor* yang memabukkan tidak termasuk todi.

Keahlian Lembaga Pelesen adalah terdiri daripada seorang Pengerusi (Pegawai Daerah), seorang Naib Pengerusi dan tidak kurang daripada dua orang atau tidak melebihi lima orang ahli-ahli lain, di mana mereka dilantik oleh Menteri. Dalam menjalankan peranannya, ia menguruskan Mesyuarat Lembaga Pelesenan yang diadakan sekurang-kurangnya mengikut apa-apa cara yang diarah oleh Pengerusi mesyuarat tidak kurang daripada enam minggu sebelum tarikh mesyuarat ditetapkan. Pemohon lesen baharu hendaklah hadir ke Pejabat Daerah dan Tanah untuk melengkapkan borang permohonan berserta dokumen-dokumen sokongan yang dinyatakan di dalam Peraturan- Peraturan Eksais (Lembaga Pelesenan) Akta Eksais dan Peraturan-Peraturan (Akta 176) dan hendaklah dikemukakan semula kepada urus setia selewat-lewatnya satu bulan daripada tarikh mesyuarat. Peraturan di atas juga merangkumi permohonan membaharui lesen, permohonan memindah milik lesen dan permohonan menukar nama perniagaan atau alamat perniagaan yang telah dilesenkan. Bayaran bagi lesen-lesen adalah seperti mana termaktub di dalam peraturan 19 Peraturan-Peraturan Eksais (Lembaga Pelesen) Akta Eksais dan Peraturan-Peraturan (Akta 176).

Mesyuarat Lembaga Pelesenan hanya akan memberi kelulusan terhadap permohonan sekiranya semua Jabatan Teknikal yang terlibat iaitu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam), Pilis Diraja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) menyokong permohonan yang telah diterima. Sekiranya terdapat bantahan terhadap keputusan Lembaga Pelesenan, pemohon boleh mengemukakan rayuan kepada Menteri dalam masa 30 hari selepas pemohon dimaklumkan tentang keputusan tersebut dan keputusan Menteri adalah muktamad. Bagi bidang kuasa PBT, PDRM dan Kastam, sila rujuk kepada jabatan yang terlibat mereka juga akan memberi maklum balas semasa membuat keputusan. Sekian.

**TUAN SPEAKER :** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Soalan nombor 51.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah usaha Kerajaan Selangor untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai *Low Carbon City*?
- b) Apakah usaha tiap-tiap Pihak Berkuasa Tempatan untuk mencapai *Low Carbon City* ?
- c) Berapakah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dan tiap-tiap Pihak Berkuasa Tempatan untuk mencapai *Low Carbon City*?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Yang Berhormat Kota Anggerik. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri berusaha bagi menjadikan Negeri Selangor sebagai *Low Carbon City* ataupun Perbandaran Hijau pada Tahun 2030. Hal ini dapat dilihat melalui perancangan dalam Pelan Tindakan Hijau Negeri Selangor Tahun 2015-2018 yang menggariskan 8 tindakan utama bagi mencapai matlamat Negeri Selangor sebagai *Low Carbon City*. Pelan tindakan tersebut adalah seperti berikut :-

1. Perbandaran Hijau melalui Bandar Karbon Rendah Negeri Selangor
2. Perolehan Hijau Kerajaan
3. Pemasangan rangkaian pengecas kenderaan elektrik ataupun *electric vehicle* di Negeri Selangor.
4. Penggunaan kereta elektrik sebagai kereta rasmi Kerajaan Negeri Selangor
5. Penggunaan bas elektrik bagi Program Bas Percuma di PBT
6. Pemasangan bumbung solar bagi Projek Perumahan Selangorku
7. Bangunan cekap tenaga di bangunan Kerajaan Negeri Selangor
8. Program Penghijauan Taman Industri

Melalui Pelan Tindakan ini Negeri komited untuk menjadikan semua PBT Negeri Selangor sebagai Perbandaran Hijau dan seterusnya mencapai Bandar Rendah Karbon menjelang 2030. Bagi mencapai matlamat tersebut Kerajaan Negeri telah menetapkan beberapa sasaran seperti berikut :-

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

4 buah PBT akan menerima pakai rangka Bandar Rendah Karbon menjelang Tahun 2017. 12 PBT akan menerima pakai rangka Bandar Rendah Karbon menjelang Tahun 2020 dan 4 bandar akan diiktiraf diperingkat antarabangsa sebagai Bandar Hijau menjelang tahun 2030.

Sehingga tahun 2017 sebanyak 6 buah PBT Negeri Selangor telah menjadi perintis dan menerima pakai kerangka kerja Bandar Rendah Karbon. Senarai PBT adalah seperti berikut:

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
MAJLIS PERBANDARAN KLANG
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Usaha-usaha yang telah dilakukan oleh tiap-tiap pihak berkuasa tempatan untuk mencapai Negeri Selangor sebagai Low Carbon City adalah seperti berikut;

Satu, 5 PBT iaitu MBSA, MBPJ, MPK, MPAJ DAN MPSP telah menyediakan plan tindakan Bandar Rendah Karbon ataupun LCCF bagi mencapai sasaran Low Carbon City. MPSJ telah menerima Diamond Recognition, satu anugerah kepada PBT yang didapati menepati sasaran LCCF, Low Carbon City Frame Work yang dilaporkan. MPAJ, MPSP dan MBSA telah menetapkan sasaran pengurangan pelepasan karbon lebih daripada 30% menjelang tahun 2030. MBSA, MDKS Kuala Selangor. MBPJ, MPSJ, MPSP, MPS Selayang, MDSB, Majlis Daerah Sabak Bernam, telah menetapkan elemen Low Carbon City Framework di dalam Kebenaran Merancang pelan bangunan dan pelan kejuruteraan, pelan landskap sebagai syarat dalam permohonan pembangunan seperti Green Building Index ataupun GBI. MBPJ telah menawarkan skim rebet cukai kepada pemilik rumah yang mesra alam sejak tahun 2011 rebet sehingga 100% ataupun lima ratus ringgit mana yang lebih rendah diberikan sehingga tahun 2016 seramai 649 pemilik dengan jumlah amaun 182,634.82 ringgit telah ditawarkan. Pengurusan Bangunan rendah karbon diamalkan oleh semua PBT dan semua bangunan Kerajaan. Semua PBT Negeri Selangor sedang giat melaksanakan Retrofitting dan penambahbaikan bagi menaiktaraf produk berteknologi hijau seperti solar, sistem penuaian air hujan dan lampu LED. Audit tenaga bangunan telah dibuat di sepuluh lokasi iaitu 9 Pejabat Daerah dan Bangunan SUK. Kerajaan Negeri juga komited dalam pembangunan ekomobiliti yang rendah karbon. Maka MBSA, MBPJ dan MPKJ telah melaksanakan kempen program seperti Car Free Day pada setiap bulan,

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

sebanyak 109 unit pengecas kenderaan elektrik, charge ED telah dipasang di 88 lokasi di Negeri Selangor menjadikan Negeri Selangor rangkaian ED Charger terbesar di rantau Asean. Sebanyak 122 Bas SMART Selangor disediakan pada masa ini kepada rakyat secara percuma untuk menyelesaikan masalah last small connectivity sambil mengurangkan pelepasan karbon dan tambahan pula empat daripada bas ini menggunakan bas elektrik iaitu di MBSA dan MPPJ dan tambahan kepada bas elektrik akan dibuat pada tahun depan.

Rangkaian laluan basikal dan jalan kaki ditambah dan diberi keutamaan. Jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dan pihak Berkuasa Tempatan untuk mencapai Low Carbon City bagi tahun 2015 sehingga 2017 adalah seperti berikut; Peruntukan Kerajaan Negeri setakat ini adalah RM2,000,585.90. Peruntukan jumlah daripada PBT setakat ini adalah tiga juta empat ratus sembilan puluh lima ribu ringgit. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Antara punca untuk mencapai Low Carbon City ialah mengurangkan *Emission of Carbon Dioksida* dan *Carbon Monoksida*. Apa pandangan EXCO supaya kereta-kereta EXCO dan kereta-kereta rasmi Kerajaan menggunakan kereta elektrik. Kereta EXCO kereta rasmi Kerajaan

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Tadi saya telah sebut ianya antara teras yang kita akan jalankan di Negeri Selangor cuma ketika ini kita belum ditahap untuk memperbaharui kereta-kereta rasmi EXCO. Jadi kita perlu tunggu masa selepas masa sudah apa, kita perlu luput kereta yang kita ada sekarang dulu.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Melawati

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Tuan Speaker, soalan No. 52.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B.TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH (N10 BUKIT MELAWATI)**

#### **TAJUK: PERTANIAN DALAM BANDAR**

52. Bertanya kepada Y.A.B Dato'Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri bagi menggalakkan pertanian dalam bandar?
- b) Nyatakan jumlah perbelanjaan bagi menggalakkan pertanian dalam bandar dari 2014-2017

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Bukit Melawati yang bertanya. Kerajaan Negeri Selangor mempunyai beberapa program bagi menggalakkan Pertanian Dalam Bandar. Antaranya program Kebun Komuniti yang diseliakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bersama dengan Jabatan Pertanian Negeri Selangor. Yang keduanya, Laman Komuniti di pangaspuri berstrata yang diseliakan oleh LPHS juga bersama dengan Jabatan Pertanian Negeri Selangor. Dan program Kebun SMART Selangor di bawah stanco Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani. Dalam tempoh 2014 hingga 2017 Kerajaan Negeri Selangor telahpun membelanjakan sebanyak RM1.6 juta bagi menggalakkan Pertanian Dalam Bandar.

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Soalan tambahan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Melawati

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Y.B. EXCO. Saya ingin mendapat tahu lah ada tak apa-apa halangan untuk Kerajaan Negeri menggalakkan komuniti-komuniti dalam bandar untuk menjayakan Pertanian Dalam Bandar ni. Ada tak halangan-halangan yang menganggu gugat perjalanan. Kalau di luar bandar tu ada musuh tanaman macam kera, yang kita sebut tadi. Tapi kalau dalam bandar ni, halangan ada tak halangan untuk menganggu-gugat menjayakan program ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Bukit Melawati. Saya kira tidak ada halangan yang serius Cuma dari sudut kebersungguhan dikalangan komuniti-komuniti tersebut dan juga dari segi keseriusan untuk mereka menjayakan Kebun Komuniti. Kita diperingkat Kerajaan Negeri Selangor sangat-sangat menggalakkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Soalan 53 telah dijawab bersekali dengan soalan 44. Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN:** Tuan Speaker soalan No.54.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B.TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN (N17 GOMBAK SETIA)**

#### **TAJUK: AKTIVITI LORI SAMPAH HARAM DI SG.PUSU DAN SRI GOMBAK FASA 8**

54. Bertanya kepada Y.A.B Dato'Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah lori sampah haram yang sudah disita di Sg. Pusu dan di Sri Gombak Fasa 8?

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

b) Adakah pihak MPS dan Pejabat Tanah Gombak menghadapi tindakan undang-undang dari pemilik lori dan tuan tanah pembuangan sampah haram?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker terima kasih. Gombak Setia. Sitaan lori sampah bagi tahun 2017 (Mei – Oktober) di kawasan Sg. Pusu dan Sri Gombak Fasa 8 adalah di Kg. Sg. Pusu 29 buah lori telah disita. Sri Gombak Fasa 8, Jalan 8 / 1, 3 buah lori. Town Villa( Jln 8/11) – 8 lori. Jumlah keseluruhan ialah 40 buah lori telah disita pada tahun ini.

Mengenai adakah MPS atau Pejabat Tanah Gombak menghadapi tindakan undang-undiang dari pemilik lori ataupun dari tuan tanah tempat pembuangan sampah haram. Untuk maklumat Y.B Syarikat Sampah King telah menghantar surat peguam untuk ambil tindakan mahkamah terhadap MPS kerana lori milik beliau ditahan di Fasa 8 Seri Gombak. Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah menghadapi tindakan undang-undang bagi kes rampasan tanah di Sg. Pusu akibat daripada pelanggaran syarat tanah berikutan aktiviti pembuangan sampah haram. Pada peringkat permulaan notis 7A KTN telah dikeluarkan. Setelah tiada tindakan pemulihan dilakukan pemilik, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak telah mengeluarkan Notis 7B KTN dan seterusnya melaksanakan perampasan mengeluarkan Notis 7B KTN dan seterusnya melaksanakan perampasan tanah melalui Notis 8A. Kesan daripada perampasan tanah tersebut, pemilik asal telah memfailkan rayuan di atas tindakan Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak ke Mahkamah Tinggi menerusi Seksyen 418 KTN.

Di peringkat Mahkamah Tinggi, rayuan pemilik asal tersebut telah ditolak maka pemilik tersebut telah memanjangkan perkara ini ke peringkat Mahkamah Rayuan. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Rawang

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker soalan saya No. 55.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B.PUAN GAN PEI NEI**

**(N14 RAWANG)**

### **TAJUK: PELAN TINDAKAN GOLGONGAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)**

55. Bertanya kepada Y.A.B Dato'Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi dalam Pelan Tindakan Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) Selangor bagi mewujudkan persekitaran yang bebas kekangan dan mesra OKU?
- b) Senaraikan langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh setiap PBT bagi mewujudkan polisi dan perancangan Bandar yang mesra OKU.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Rawang. Tuan Speaker Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memastikan Orang Kurang Upaya atau OKU mendapat pengiktirafan dan kesamarataan peluang di Negeri Selangor. Sehubungan itu Kerajaan Negeri menerima pakai pelan tindakan OKU 2016-2020 daripada Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat serta Akta OKU 2008 yang banyak memberi manfaat kepada pembangunan OKU termasuk di Negeri Selangor. Melalui pihak berkuasa tempatan pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan dalam menyediakan pelbagai kemudahan bagi golongan OKU mengakses kepada persekitaran fizikal di bandar mahupun diluar bandar yang berkonsepkan rekabentuk sejagat. Selain daripada itu usaha PBT juga untuk meningkatkan tahap *accessibility* dan kebolehgunaan kemudahan pengangkutan awam kepada golongan OKU serta kemudahan-kemudahan lain memerlukan penglibatan OKU dalam pengurusan kehidupan harian mereka.

b) Di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan Jawatankuasa Bandar Selamat dan Bebas halangan telah diwujudkan yang bertanggungjawab memberikan penekanan kepada golongan OKU di mana golongan ini merupakan sebahagian daripada masyarakat yang berhak menerima perkhidmatan dan kemudahan yang sama rata. Melalui jawatankuasa ini PBT akan memastikan golongan OKU dapat menikmati dan mengakses kemudahan yang disediakan seperti memastikan setiap bangunan lama dinaiktaraf bagi memudahkan golongan OKU seperti tandas, tempat letak kereta, ramp dan sebagainya serta menyediakan kaunter khas bagi memudahkan golongan OKU berurusani. Manakala bagi pembangunan baru setiap pemaju perumahan telah disyaratkan untuk menyediakan kemudahan OKU disetiap projek Pembangunan Perumahan melalui syarat pemberian kelulusan di peringkat Pelan Kebenaran Merancang daripada Jabatan Perancang dan Pelan Bangunan daripada Jabatan Bangunan di setiap PBT. Ianya perlu dipatuhi oleh setiap kontraktor sebagaimana yang telah digariskan pindaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 melalui Seksyen 34A.

Selain itu Kerajaan Negeri juga telah mengadakan seminar dan rekabentuk sejagat tajuk "Selangor Ke Arah Negeri Berdaya Huni Dan Inklusif" kepada semua PBT di Selangor bagi memahami dan meningkatkan kesedaran terhadap keperluan rekabentuk sejagat yang berkaitan dengan perundangan, garis panduan serta kawalan terhadap penggunaan dalam memacu pembangunan bercirikan Universal Design di setiap PBT. Bagi memastikan tahap kemudahan OKU mencapai piawaian yang telah ditetapkan pihak PBT akan melaksanakan pemantauan sepenuhnya ke atas kemudahan OKU yang disediakan dalam memastikan keperluan golongan OKU tidak dipinggirkan serta mendapat hak yang sama seperti masyarakat yang lain.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**TUAN SPEAKER:** Rawang

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya, mungkin lepas ni pihak EXCO boleh bekalkan jawapan samada semua PBT telah wujudkan jawatankuasa Bandar Selamat dan Bebas seperti yang telah disebutkan oleh Y.B. EXCO tadi untuk kita pastikan perancangan dan audit terhadap kemudahan-kemudahan yang disediakan.

**Y.B. PUAN DR.DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Rawang. Mungkin saya perlukan masa untuk memberikan jawapan bertulis terhadap soalan tersebut.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Soalan tambahan. Kinrara

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Saya ingin nak tanya, kita selalu nampak tempat letak kereta OKU diletak oleh pemandu yang bukan OKU. Jadi kenapa masalah ni masih berlaku.

**Y.B. PUAN DR.DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kinrara. Letak kereta ataupun parking OKU ini sememangnya disediakan di beberapa PBT dan sebenarnya telahpun ada, ada label ataupun kad ataupun aa, apa ni sticker, ya sticker OKU telahpun diberikan kepada para, apa ni pemilik kenderaan OKU. Namun apabila ada perkara seperti yang disebut oleh Kinrara berkemungkinan driver ini membawa orang yang OKU ini di dalam kenderaan mereka dan mereka *park* disitu. Jadi mungkin selepas ini kita akan membuat kajian untuk memperkemaskan lagi penggunaan letak kereta OKU ini di peringkat sama ada PBT atau di peringkat yang lain..

**Y.B. NG SZE HAN :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Jam telah menunjukkan 11.30 pagi, maka saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN :** Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 Semua Peringkat.

**TUAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya persilakan pihak Kerajaan jika ingin menggulung atau memberikan apa-apa penjelasan di atas perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat semasa sesi perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2018. Batu Caves. Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD :** Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Speaker dan kepada semua Yang Berhormat - Yang Berhormat yang telah turut serta dalam perbahasan belanjawan dan membangkitkan isu-isu yang

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

berkait rapat dengan portfolio saya. Pertama sekali saya ingin menjawab perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pelabuhan Kelang tentang peruntukan belanjawan untuk *Smart Selangor Delivery Unit* ataupun SSDU dengan izin. Belanjawan yang telah diperuntukkan untuk SSDU bermula tahun 2016 sehingga tahun 2017 adalah berjumlah sebanyak RM32 juta, manakala pada tahun hadapan adalah sebanyak RM21.6 juta yang memberi jumlah keseluruhan sebanyak RM53.6 juta. Bukannya RM59 juta seperti yang dinyatakan oleh Pelabuhan Kelang. Pecahan peruntukan tersebut adalah seperti berikut. Pada tahun 2016 RM10 juta telah dibelanjakan untuk pembangunan *Smart Selangor Blueprint* termasuk menjalankan bengkel-bengkel kajian dan maklum balas survey yang melibatkan lebih sepuluh ribu rakyat Negeri Selangor, rundingan dengan pihak pakar dan juga penyiapan *blueprint*. Pada tahun 2017 perbelanjaannya adalah sebanyak RM22juta yang meliputi *Smart Apps Development Platform*, SADP dengan izin yang sebanyak RM12 juta, *Smart Selangor Command Centre*, RM2 juta, WIFI percuma *Smart Selangor* sebanyak RM6 juta, Demonstrasi *Internet of Think* sebanyak RM2juta. Pada tahun 2018, 21.6juta yang diumumkan di dalam belanjawan oleh Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar adalah untuk pembangunan infrastruktur digital, *public citizen partnership* ataupun PCP. Projek Perhentian Bas Pintar, Pembangunan AP Centre Dan Accelerator serta Pembangunan *Syllabus IOE* bersama industri. Sejak diberi mandat daripada MMKN pada April 2016, SSDU telah merancang dan melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut :-

Pertama ialah *Intelligent Respond Selangor system* pemprosesan pelaporan keadaan jalan berlubang di Negeri Selangor dan kita telah ada kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan juga *Google Waze* dan sehingga 23 Oktober 2017, sebanyak 14,887 pelaporan berkaitan keadaan jalan berlubang di Negeri Selangor telah pun kita terima. Dan PBT dapat menyelesaikan 75% laporan yang diterima di dalam bulan pelaporan dibuat mengikut *service level agreement* dengan izin yang telah ditetapkan. *Smart Selangor command center* ialah salah satu *prototype* pusat kawalan dan pemantauan Kerajaan Negeri dan agensi- agensi yang berkepentingan. Kita ada juga *Smart Selangor Intelligent Transport System* yang membolehkan pemantauan pergerakan bas dan pemberitahuan jangka masa ketibaan Bas *Smart Selangor* di perhentian bas. Kita ada sistem *I-CLEAN* bersama *KDEB Waste Management* untuk pelaporan lokasi sampah dan sampah haram di dalam kawasan operasi *KDEB Waste Management* dan seterusnya kita ada *sensor air quality index*. Dan akhir sekali SSDU juga telah berjaya membina satu budaya kolaborasi di antara agensi Kerajaan PBT, GLC dan sektor swasta untuk merangka penyelesaian di bawah inisiatif *Smart Selangor*. Kita juga telah mengadakan SSDU bersama dengan SINDEX telah menganjurkan *Smart Selangor International Conference* pada 2017 yang telah berjaya menarik lima ribu pengunjung termasuk tiga ribu peserta persidangan dan juga 260 pameran dari seluruh dunia. Dan kita telah menjalankan kerjasama dengan pembangunan Smart City antarabangsa

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

bersama dengan *Barcelona, Amsterdam, United Kingdom* dan juga Jakarta. Seterusnya, Damansara Utama ada membangkitkan tentang program Ikhtisas yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di dalam ucapan belanjawan 2018. Ikhtisas merupakan program pemberdayaan golongan milenium melalui pendidikan kemahiran teknikal asas seperti pemberian penghawa dingin sehinggalah kepada bidang yang berkemahiran tinggi seperti bidang-bidang aeroangkasa dengan peruntukan sebanyak RM52juta. Ikhtisas akan menawarkan program pendidikan secara pembiayaan penuh daripada Kerajaan Negeri bagi pengajian peringkat sijil dan diploma yang melibatkan anak-anak muda lepasan sekolah. Pembiayaan adalah termasuk kos pengajian, penginapan, makan minum, keperluan dan keperluan pengajian yang lain. Tempoh pengajian dan kursus adalah daripada tempoh setahun sehingga ke tiga tahun. Bidang pengajian kemahiran teknikal ini akan dilaksanakan dengan pusat-pusat latihan kemahiran teknikal yang mana sebahagiannya telah dikenal pasti seperti *Selangor Human Resource Development Centre, HRDC* yang mana Kerajaan Negeri terlibat secara langsung sekian lama. *SSD Consultancy Academy Sdn. Bhd* dan salah satu pemain industri aeroangkasa di Negeri Selangor iaitu *Strength Aerospace Malaysia*. Pusat-pusat ini dipilih berdasarkan kewibawaan kepakaran dan pengalaman dalam melatih pelajar keupayaan institusi dari aspek kemudahan serta kapasiti untuk menampung pelajar. Selain daripada aspek....

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Minta pencerahan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD** : Ya.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Terima kasih. Saya ingin ucapkan tahniah kepada yang berhormat EXCO, adakah ini bermakna rakyat Selangor ataupun peserta ada mendapat pendidikan tinggi secara percuma termasuk kos sara hidup juga di bawah program ini dan jumlah peserta yang boleh menyertai program ini adalah berapa orang? Terima kasih.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD** : Ok, tentang jumlah peserta yang boleh menyertai program ini kita sedang mendapat gambaran yang lebih *detail* daripada penyedia-penyedia latihan tersebut dan mungkin pada sidang seterusnya saya akan memberi laporan yang lebih mendalam kepada Yang Berhormat. Dan sememangnya ini dan dalam jawapan-jawapan seterusnya juga ada saya akan jawab tentang Unisel dan sebagainya. Ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri ke arah menyediakan pendidikan percuma. Kita tak mampu nak bagi keseluruhan sebab pendidikan ini sebenarnya terletak di bawah senarai Persekutuan tetapi kita ada beberapa program termasuk program biasiswa dan sebagainya yang mana kita telah tunjukkan kebolehan kita dan juga program asasi percuma yang disediakan di Unisel.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Jadi itu saya akan jelaskan dengan lebih lanjut. Berbalik kepada program Ikhtisas. Skop pengajian selain kemahiran teknikal pelatih juga akan diajar meliputi kemahiran Bahasa Inggeris, kemahiran komunikasi supaya kebolehpasaran mereka dapat dipertingkatkan dan mereka mempunyai kelebihan untuk bersaing mendapatkan pekerjaan. Seterusnya Yang Berhormat Damansara Utama juga bertanya tentang kemajuan *progress of progress*. *Program on Graduate Employability Enhancement for Smart Selangor* yang telah dilaksanakan pada 2017 dan apa rancangannya untuk tahun akan datang? *Progress* ini dilaksanakan dengan objektif untuk menyediakan graduan dengan pengalaman dan kemahiran terutama *soft skill* dengan izin untuk membantu kebolehpasaran graduan ini mendapat peluang pekerjaan. Kerana kita tahu sekarang masalah pengangguran di kalangan graduan ini adalah masalah yang serius. Kalau di *national average* ialah sekitar 3% - 4% tetapi graduan mencecah 12%. Jadi para peserta perlu menjalani latihan selama 7 bulan iaitu sebulan latihan di dalam kelas, meliputi lapan modul latihan antaranya *Business English For Communication* dengan izin dan *Problem Solving and Critical Thinking Skill*. Selepas itu peserta akan menjalani enam bulan latihan bersifat *internship*. Pada tahun 2016, 100 orang peserta telah terlibat dan 91 peserta lebih kurang, lebih dari 90% telah mendapat pekerjaan. Maka pada tahun 2017 kita telah meningkatkan pengambilan kepada 300 orang dan setakat 31 Oktober 2017, 162 iaitu 54% telah mendapat pekerjaan tetap manakala baki masih menjalani program *internship*. Dan kita akan meneruskan program dengan *intake* yang sama pada tahun hadapan....

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Nak minta penjelasan. Saya nak tanya berkenaan dengan *progress* ini, adakah ini akan dimasukkan dalam *trivia* ikhtisas atau ianya dalam *progress* juga dan apakah sasaran adakah 300 ataupun kita akan meningkatkan lagi?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD :** Ikhtisas ini dia lebih fokus kepada bidang kemahiran dan juga STEM, Sains Teknologi Kejuruteraan dan Matematik tetapi *progress* ini lebih terbuka kepada graduan secara umum jadi mereka daripada aliran pengurusan ataupun sastera juga boleh turut serta. Jadi dia *separate programs*. Ada juga yang dibangkitkan tentang program YES ataupun *Youth Enhancement Strategy*. Ini adalah program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama HRDC dan kita telah tujuannya adalah untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan di dalam program persijilan dengan melaksanakan program pembangunan bakat terutamanya bagi lepasan sekolah, lepasan graduan dan juga pekerja industri. Kita ada tiga program utama. Pertama ialah program belia lepasan SPM yang mana kita meletakkan mereka di dalam bidang-bidang teknikal bagi menggalakkan belia untuk bekerja di dalam sektor perusahaan Negeri Selangor. Kita ada *Internship High Impact Talent* ataupun IHIT. Yang ini kita buat di antara Unisel dengan industri supaya graduan-graduan Unisel ini ada *marketability* yang lebih baik melalui persijilan industri

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

dan juga program *Smart Technical Work Force* dengan izin yang meningkatkan kemahiran graduan melalui kerjasama langsung dengan industri yang menjanjikan peluang pekerjaan. Dan kita telah membelanjakan RM2.5juta untuk tahun 2017 dan kalau belia lepasan SPM kita bekerjasama dengan *Boxil Institute* daripada Australia yang menyediakan *certificate to an Engineering Technology* bagi program IHIT kita melaksanakan program *Expert Classmen, Programmable Logic Controller* untuk *Smart Manufacturing* dan bagi program *Smart Technical Workforce* kita ada tiga program *Big Data Analytic* bersama SAS institut Sdn. Bhd., *Enterprise IT* bersama DEL Malaysia dan *Enterprise IT* bersama ITEK MIC Sdn. Bhd. Damansara Utama juga membangkitkan tentang program tuisyen atas talian ataupun bagaimana kita nak tingkatkan nilai tersebut? *Value for money* dengan izin. Dalam isu ini Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM5juta untuk tuisyen *online* dan ada beberapa kadar yang kita telah kaji, ada tiga *option*. Kalau tuisyen *online* yang kita sediakan kita ada lima mata pelajaran dengan data sebanyak 45GB dan kosnya ialah sebanyak RM30 sebulan ataupun RM360 setahun. Dan kalau itu, so, bila kita kira itu adalah kos yang di antara pakej RM200 termasuk dengan kos kadar tahunan data sebanyak RM360 setahun. Jadi jumlahnya ialah sebanyak RM560 setahun untuk satu pengguna atau kurang daripada RM50 untuk seorang pengguna sebulan. Kalau kadar tuisyen di pasaran ialah sekitar sekarang RM60.00 satu jam secara purata, lebih daripada untuk satu mata pelajaran. Jadi kita kira-kira lebih kurang RM300.00 untuk satu pengguna dan kalau di pusat tuisyen pula ialah sekitar RM240.00. ha... ini berdasarkan kepada kadar yang kita kaji. Jadi, sememangnya kita lihat tuisyen *online* ini dari segi *value money* adalah kompetitif.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Nak minta penjelasan. Masa perbahasan saya, itu saya ambil nombor bermanfaat yang tahun lepas, tahun ini ialah RM2,355 tetapi perbelanjaan RM5 juta. Apa yang kita dapat ialah lebih kurang RM2,000 seorang bukannya yang 500 seorang. Jadi bagaimanakah kita ada jurang perbezaannya.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD :** Okey, sememangnya sasaran yang disasarkan pada peringkat awal tuisyen *online* adalah jauh lebih tinggi. Kita ada berhadapan dengan beberapa isu, dan kita sedang berbincang bagaimana kita dapat atasi.

Pertama ialah; kita ada masalah untuk mempromosikan di dalam sekolah bukan Kerajaan Negeri malah pihak vendor nak masuk ke dalam sekolah, nak promosi pun tak boleh. Pihak vendor kita terpaksa duduk di luar pagar sekolah untuk promosi tuisyen *online* sebab tidak dibenarkan. Bukan masalah guru, masalahnya daripada kementerian yang tidak membenarkan program Kerajaan Negeri Selangor ini dipromosikan di dalam sekolah.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Dan kedua; ialah kita juga pada tahun akan datang ini kita nak fokus kepada pertama bagaimana kita nak promosikan dan kita nak letak KPI kepada penggerak- penggerak di akar umbi dan kita juga nak memperbanyakkan *online marketing* sebab kalau nama dia pun tuisyen *online* bermakna pengguna dia akan menggunakannya secara atas talian jadi kita fikir kalau kita nak masuk sekolah dan sebagainya susah, kita mungkin kita kena perbanyakkan iklan menerusi *Facebook*, menerusi *Google* dan sebagai yang lebih efektif daripada segi kos untuk sampai ke sasaran secara langsung. Ok, ha.. seterusnya

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker, nak minta penjelasan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD :** Okey.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Sorry nak minta penjelasan sikit lagi. Bagaimanakah *you* tentukan 2,355 orang penyertaan sini. Sebab kalau saya *lock in one time it doesn't mean that I am right truly going to online tuition* dengan izin itu satu. Yang kedua adalah; bagaimana kita bayar vendor. Adakah ia berdasarkan nombor pengguna ataupun setiap tahun kita kena bayar. Dan yang ketiga ialah apakah KPI Kerajaan untuk tahun 2018 untuk *online* tuisyen.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD :** Okey. Saya,tentang *detail* tu saya tidak ada bersama dengan saya waktu ini tetapi untuk maklumat, kita memang ada analitis tentang berapa lama bermakna kalau 2,000 orang itu, individu bernama Ali, berapa lama Ali akses, di mana dia akses, subjek apa dia akses, itu kita ada, dia tak sebut. Dan sememangnya saya setuju, bermakna kalau kita sampai 20,000 orang pun, tetapi kalau dia masuk sekali dan keluar tidak bermakna juga. Kita nak guna secara *continuously* dengan izin. Jadi, untuk tahun depan kita sasarkan untuk dapat agak *ambitious* tetapi kita yakin agar kita dapat sampai ke angka 18,000 dengan cara *marketing* yang betul. Kita pun belajar daripada kesilapan apa dan sebagainya yang kita lakukan pada tahun ini sebab ini tahun yang pertama dan kita sedang bincang untuk memperluaskan bukan hanya SPM, sama macam tuisyen rakyat yang selama ini dibangkitkan oleh Damansara Utama sebaik-baik intervensi ialah daripada peringkat awal. Jadi, kita pun nak memperluaskan di peringkat UPSR dan juga di peringkat PT3 dan itu dalam perbincangan dengan pihak vendor.

Yang Berhormat Seri Serdang ada membangkitkan tentang cadangan meningkatkan elauan Koordinator Pembangun Modal Insan (KPMI). Elauan KPMI telah dinaikkan daripada RM1,250.00 kepada RM1,500.00 bermula tahun 2014. Dan ia kekal sehingga 2018 berdasarkan keputusan yang dipersetujui oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

pada tahun 2014. Namun kita akan melaksanakan kajian dan penelitian sekiranya kita ada ruang kita perbaiki kadar bayaran kepada KPMI kita.

Seterusnya Yang Berhormat Ijok membangkitkan tentang Program Pemantapan Bahasa Inggeris. Dan di sekolah jenis kebangsaan. Program pemantapan bahasa inggeris ye. Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan telah pun melaksanakan beberapa program pemantapan bahasa inggeris untuk pelajar dan juga guru. Ini termasuk program berbentuk latihan kepada guru dan pelajar yang berkesan untuk menguasai bahasa inggeris. Selain daripada itu juga, bagi memperkaya dan meningkatkan kemahiran penggunaan bahasa inggeris Jawatankuasa Tetap Pendidikan dengan kerjasama Yayasan Selangor telah melaksanakan pertandingan pidato bahasa inggeris piala Yayasan Selangor pada bulan Ogos yang lalu. Tahun lepas pun kita buat dan tahun ini kita buat dan InsyaAllah kita akankekalkan pada masa-masa akan datang. Selain daripada itu juga Jawatankuasa Tetap Pendidikan dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor kita telah melaksanakan program *poetry recitation* dan *oral speaking* dengan izin, peringkat Negeri Selangor yang melibatkan semua sekolah-sekolah dan kita telah dapat kerjasama yang baik daripada Jabatan pelajaran dalam pertandingan ini.

Tentang isu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil Coalfields yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ijok. Untuk makluman, pembinaan untuk Ladang Coalfields ialah satu komitmen Kerajaan Negeri dalam membantu anak-anak pekerja ladang serta penduduk sekitar serta mendapatkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif, efisien dan selesa. Kita juga mahukan kaedah dan peralatan yang terkini untuk membantu para pelajar untuk menimba ilmu dengan lebih mudah. Sememangnya pembinaan SJKT Ladang Coalfields yang dicadangkan oleh pengelola sekolah LPS, Lembaga Ladang Coalfields adalah dengan kapasiti 20 bilik darjah, namun apabila kita adakah perbincangan dengan pihak JKR dengan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM4 juta dengan spesifikasi tersebut dan juga keperluan semasa, maka kita melihat bahawa kita hanya dapat membina 6 bilik darjah sahaja. Mesyuarat penyelarasan cadangan pembinaan SJKT Ladang Coldfield Bil. 4/2016 yang dipengerusikan oleh Pengarah JKR Selangor yang dihadiri oleh wakil-wakil bahagian JKR yang berkenaan, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor, Majlis Daerah Kuala Selangor dan Pegawai Pendidikan Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor juga bersetuju dengan cadangan ini dan kita akan fokus dengan cadangan ini buat masa ini. Ini adalah sebanyak unjuran pelajar semasa.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Boleh saya..... Itu sekolah. Bagaimana perancangan untuk nak adakah asrama sebab kawasan itu, kawasan ladang, anak-

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

anak miskin untuk mendapatkan ilmu. Saya difahami asrama untuk sekolah tu telah dialih ke tempat lain ke ataupun dibatalkan. Boleh beri pencerahan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD :** Tentang isu asrama tersebut saya akan dapatkan detail dan saya akan respons secara bertulis kepada Yang Berhormat Ijok.

Seterusnya Yang Berhormat Seri Serdang, bertanya tentang Program SPIES dikembalikan sasarannya dari peserta seawal 13 tahun untuk menerapkan modul insan. Program SPIES ini merupakan satu program yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2008 di bawah Jawatankuasa Tetap Modal Insan. Pada tahun 2015 kita telah jenamakan semula Program SPIES ini dengan program jenama Program Insan dan kita fokus kepada beberapa *cluster-cluster* yang tertentu dan kita tetap mengekalkan kategori peserta yang sama seperti remaja, belia, warga IPT, penjawat awam, warga pendidik masyarakat dan juga keluarga. Dan bagi insan yang remaja peserta-peserta yang menyertai program ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah dan juga pelajar IPT. Jadi, makna kita tetap fokus kepada pelajar-pelajar yang berusia seawal 13 tahun ke atas sebagaimana yang dibangkitkan.

Seterusnya ADUN Sungai Panjang ada membangkitkan soal pendidikan percuma. Macam saya katakan tadi, kita sebenarnya di UNISEL sahaja sekarang ada 620 pelajar yang telah menerima tajaan penuh daripada Kerajaan Negeri. Kita juga telah menyediakan program asasi di UNISEL yang mana pembelajaran, yuran pembelajaran tidak dikenakan untuk Program Asasi. Jadi, ini adalah ke arah kita untuk menyediakan program percuma tetapi memang sebagaimana saya katakan dengan hasil kita yang hanya berjumlah 1% daripada Kerajaan Persekutuan walaupun kita menyumbang  $\frac{1}{4}$  ekonomi negara, jadi kita tidak dapat nak dan ini pun bidang pendidikan sebenarnya terletak di bawah Kerajaan Persekutuan, jadi kita tidak dapat memberikannya secara menyeluruh. Tetapi kita banyak, kita telah memperuntukkan biasiswa Selangorku, pinjaman kita tanpa faedah bukan macam yang diberikan di tempat lain jadi kita banyak program-program yang ada di Negeri Selangor dan kita masih lagi kalau sekarang di peringkat Kerajaan Persekutuan biasiswa keluar negara teramat terhad. Banyak sudah tidak ada tetapi kita ada sediakan program PHD di luar negara.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker, mohon penjelasan sedikit.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD :** Ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ingin saya bertanya kepada Yang Berhormat EXCO apabila Sungai Panjang membawa soalan ini, ia berasaskan kepada manifesto Pakatan

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Rakyat dan juga Pakatan Harapan yang ada sekarang. Tetapi bukankah Sungai Panjang telah pun mensalah tafsir isi kandungan manifesto berkenaan di mana apa yang disebutkan ialah pendidikan tinggi yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu Institusi Pengajian Tinggi Awam sedangkan apa yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah pendidikan tinggi melalui Institusi Swasta. Saya ingin mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD :** Ya, sebab tu dia kena baca dekat muka manifesto tu. Manifesto Persekutuan dengan manifesto Negeri di dalam pendidikan percuma itu terletak dalam manifesto Pakatan Rakyat peringkat Persekutuan. Dan UNISEL merupakan Institusi Pengajian Tinggi Swasta tetapi dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor. Walau bagaimanapun dengan pelbagai sekatan yang ada kita tetap sebagaimana yang saya kata katakan kita telah memulakan di peringkat asasi dan sebagainya untuk menunjukkan kita menuju ke arah itu di dalam kemampuan ruang lingkup yang kita ada pada hari ini.

Seterusnya Yang Berhormat Paya Jaras membangkitkan tentang bidang-bidang yang ditawarkan di UNISEL dan KUIS, dan sama ada mereka mempunyai penarafan Malaysian Qualification Agency dengan izin ataupun MQA. Untuk makluman, di UNISEL sebanyak 89 program yang ditawarkan. Daripada 89 yang ditawarkan, 82 menerima akreditasi penuh dan sebanyak 7 program mendapat akreditasi sementara. Manakala di KUIS 73 program ditawarkan dengan 44 program mendapat akreditasi penuh dan 29 program bersifat akreditasi sementara. Dan kesemua bidang yang ditawarkan di UNISEL dan KUIS secara bidang secara besarnya mempunyai penarafan di bawah MQA.

Seterusnya ADUN Teratai membangkitkan tentang supaya Program Smart Tahfiz yang ada di UNISEL dikembangkan kepada semua pelajar-pelajar Sekolah Tahfiz di Negeri Selangor mereka boleh mengambil SPM. Sebenarnya ada banyak jenis. Tahfiz ini pun ada pelbagai jenis, kita ada tahfiz yang integrasi termasuk yang disediakan oleh Kerajaan Negeri seperti MITS di mana pembelajaran akademik termasuk sains dan teknologi ditekankan, kita ada juga tahfiz di Pulau Ketam yang mengajar apa tu, bahasa mandarin, ye betul ye, kita juga ada tahfiz yang mengajar kemahiran. Tetapi tidak dinafikan ada tahfiz-tahfiz yang tidak ada bidang akademik. Jadi, atas kesedaran itu, Kerajaan Negeri menerusi UNISEL telah menyediakan satu program Smart Tahfiz, sambutannya sangat positif dan InsyaAllah kita akan kembangkan lagi dan memang kita sedang berbincang bagaimana cara terbaik supaya dapat memastikan mereka ini supaya selain daripada ilmu tahfiz yang mereka ada, mereka juga ada ilmu akademik ataupun pengajian agama dan sebagainya yang boleh membantu mereka juga untuk

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

mendapat pekerjaan dan lain-lain lagi. Tentang isu bantuan KITIS, saya sedang kumpul dia punya. Kita ada beri bantuan.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI** : Terima kasih kepada Seri Setia. Saya ada membangkitkan dalam ucapan saya berkaitan dengan keperluan Negeri untuk membantu tahfiz-tahfiz ini dan memandu mereka untuk menyediakan satu ruang kepada remaja-remaja yang terbiar supaya mereka dapat serta dalam pendidikan ini dan saya fikir ada tahfiz-tahfiz tertentu yang boleh menerima mereka sebab kita telah ada tahfiz-tahfiz yang waktu yang sama peserta ataupun pelajar-pelajar yang masuk itu ialah pelajar-pelajar yang antaranya penagih, pelajar-pelajar yang bermasalah dan sebagainya. Sebab itu saya menyebut dalam ucapan tu dan minta respons daripada EXCO supaya dapat kita memandu. Ada tahfiz yang dibantu oleh Kerajaan Negeri untuk menjadi tahfiz vokasional umpamanya. Ada tahfiz-tahfiz pertanian yang mengajar siapa di kalangan remaja yang minat bertani ada tempat dia. Yang minat untuk seni umpamanya mungkin dengan suara yang sedap, lagu yang sedap, dia boleh ada tahfiz untuk seni. Tahfiz untuk sebagaimana Bahasa Mandarin, tahfiz kepelbagaian. Jadi yang ini apa respons Kerajaan Negeri?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD** : Saya setuju. Maknanya kita boleh bincang bagaimana kita nak laksanakan cadangan tersebut iaitu membawa pelajar-pelajar yang mungkin ada beberapa masalah isu disiplin dan sebagainya dan dimasukkan ke dalam sekolah tahfiz dan kita boleh berbincang. Memang Kerajaan Negeri selain daripada JAIS, kita juga ada persatuan di kalangan tahfiz yang mana kita *collaborate* dan kita akan berbincang dan mencari mana mungkin institusi-institusi yang sesuai dan kita juga akan bincang dengan Jabatan Pendidikan dan sebagainya untuk melihat kesesuaian pelajar-pelajar ini masuk ke institusi-institusi tersebut.

Tentang tadi KITTIS saya belum sempat ni. KITTIS kita ada dapat butiran tapi saya belum dapat sepenuhnya. Bila dah dapat sepenuhnya, saya akan bagi secara bertulis kepada YB Selat Kelang.

Tentang isu yang dibangkitkan tentang Institut Darul Ehsan oleh Sungai Panjang bahawa lembaga pengarahnya semuanya Melayu, semuanya lelaki rasanya. Itu isu yang dibangkitkan. Sebenarnya kita sedar tentang perkara tersebut dan tetapi secara menyeluruhnya di kalangan anggota IDE itu sendiri, ramai wanita di dalamnya dan IDE juga baru saja menubuhkan Pusat Kajian Pembinaan Bangsa oleh bekas Timbalan

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Menteri Pendidikan Tinggi iaitu Dato' Saifuddin Abdullah yang mana akan mengumpulkan pakar-pakar, wakil-wakil daripada komuniti yang pelbagai yang ada di Malaysia. Jadi itu antara inisiatif yang diambil oleh IDE untuk memastikan bagaimana mereka dapat memainkan peranan ya. Antara anggotanya, pengurusinya ialah Dato' Saifuddin Abdullah, ahlinya ialah Dato' Dr. Mujahid Yusoff Rawa, Dato' Lim Chee Wee, Dato' Dr. Danison Jaya Suria, Dr. Ong Kian Meng, Prof. Dato' Dr. Nor Inayah Yaakob, Dr. Mazli Malek, Addin Khoo, Shahrizan Johan, Trishia Yeoh, Adli Zakuan dan Hafiz Norsyam. Ini antara anggota-anggota di bawah pusat tersebut dan antara beberapa aktiviti yang dijalankan termasuklah sidang meja bulat *Multi Ratio and Moderate Political Talk* yang melibatkan Dr. Ong Kian Meng, Dr. Helen Ting Muhing dan juga *Hindu Sangam World Hindu Economic Forum*, Pusat KOMAS dan lain-lain lagi. Juga diadakan muzakarah *maqasid* syariah yang membincangkan tema alam sekitar yang rentas isu kaum dan agama dan dihadiri oleh wakil-wakil daripada pelbagai kaum-kaum dan agama lain. Jadi itu sedikit sebanyak respons saya kepada isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang perbahasan Sidang Belanjawan ini dan saya ucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah turut serta. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Seri Setia. Saya persilakan Batu Caves.**

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya yang telah membangkitkan hal ehwal berkenaan dengan portfolio generasi muda, pembangunan sukan, kebudayaan dan pembangunan usahawan.**

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Kita tetap memastikan pembangunan sosial dan kemasyarakatan berjalan dengan saksama. Justeru Kerajaan Negeri memberikan fokus-fokus tertentu termasuk dalam program pembangunan sukan. Untuk itu saya ingin menyentuh ulasan yang telah dibangkitkan oleh Tanjong Sepat dan juga Sabak berkenaan dengan program pembangunan sukan khususnya berkenaan dengan naik taraf dan juga kemudahan sukan di tempat-tempat yang berkenaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Selangor terkenal dan terus menerajui program pembangunan sukan di Malaysia dan terserlah dengan beberapa keputusan-keputusan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa. Antaranya pada SUKMA yang lalu, Negeri Selangor telah menjadi juara keseluruhan dengan 60 pingat emas dan diteruskan lagi

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

kecemerlangan atlet-atlet Selangor dengan menjadi kelompok paling terbesar yang membawa kepada kontinjen Sukan SEA ke-29 pada tahun 2017. Daripada keseluruhan 844 atlet yang bertanding mewakili Malaysia, sebanyak 139 atlet ataupun yang mewakili 16.5% adalah atlet-atlet yang lahir daripada program pembangunan Negeri Selangor. Kalau kita kira termasuk dengan atlet-atlet yang lahir daripada Selangor, jumlah itu hampir 150 orang ataupun hampir bersamaan dengan 22.6% daripada keseluruhan atlet-atlet di Selangor. Dan pencapaian yang telah dibuktikan ialah atlet kita telah berjaya mencatatkan 41 pingat emas ataupun bersamaan dengan 28.3% daripada 145 pingat emas yang telah dipungut oleh atlet-atlet kebangsaan secara keseluruhan. Jadi 28.3, 22% ini semua sama dengan sumbangan KDNK yang kita sumbangkan kepada kebangsaan menunjukkan betapa seriusnya kita dalam pembangunan sukan yang secara menyeluruh.

Namun begitu, kita juga merancang dengan secara teliti program-program pembangunan dan naik taraf kemudahan-kemudahan sukan dan saya menjawab dengan cukup konsisten dalam sidang-sidang yang lepas bahawa kita menumpukan kepada kemudahan-kemudahan sedia ada supaya kita dapat naik taraf dan kita dapat perbaiki supaya ia dapat digunakan dan di samping itu juga (yang keduanya), kita menumpu dan juga berdasarkan daripada maklum balas dan juga permintaan daripada Majlis Sukan Negeri Selangor dan persatuan-persatuan sukan yang terbabit. Di Sabak Bernam (sebagai contoh), tahun lepas kita telah memperuntukkan sekitar RM300,000 dan tahun ini kita juga telah membantu untuk membina trek BMX yang kedua selepas di Gua Damai, Batu Caves untuk membangunkan sukan BMX yang telah menjadi salah satu sukan kegemaran khususnya di kalangan generasi muda dan anak-anak muda. Untuk rekod, dalam tempoh 3 tahun (2015,2016 dan 2018) Kerajaan Negeri telah menggunakan sejumlah RM20.8 juta untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan di mana bolehlah saya katakan 70% daripada RM20.8juta itu ditumpukan kepada aktiviti-aktiviti menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan yang sedia ada supaya ia boleh digunakan termasuk di kawasan Sungai Panjang, Sungai Besar dan diakui sendiri oleh Sungai Panjang dalam ucapan beliau.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Begitu juga dengan Tanjung Sepat, kita dah masukkan dalam tahun lepas dan *insya Allah* ia akan dilaksanakan sepenuhnya tahun ini. Namun begitu kita cukup berhati-hati supaya memastikan *value for money* (dengan izin) ataupun nilai naik taraf itu setanding dan dipilih mereka yang betul walaupun ada beberapa projek itu yang dipilih dan dibuat secara tender terbuka, namun begitu kita memilih mereka-mereka yang tidak berupaya dan ini kita akan perhalusi khususnya kerana pemilihan dilakukan oleh pihak-pihak

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

majlis tempatan yang menjadi badan pelaksana untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan sebagaimana yang telah diperuntukkan tiap-tiap tahun.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian,

Begitu juga Sekinchan yang telah membangkitkan tentang pembangunan dan juga kemajuan penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga dan di samping itu, dibangkitkan juga oleh beberapa Ahli Dewan berkenaan dengan kemudahan-kemudahan peniaga.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Dalam tempoh tiga atau empat tahun yang lalu, kita telah memberikan penumpuan khusus, khususnya jawatankuasa pembangunan usahawan untuk membangunkan usahawan-usahawan mikro ini supaya mereka mampu setanding dengan naik taraf dan mampu berupaya untuk mengeluarkan pasaran dan produk-produk mereka sampai di peringkat antarabangsa. Justeru, melalui program dana usahawan mikro yang melalui penambahan pada tahun ini sebanyak RM2.25juta, Kerajaan Negeri telah menunjukkan peningkatan penerima dana usahawan mikro bermula dengan 100 orang pada tahun 2015, ia meningkat kepada 109 orang pada 2016 dan tahun ini kita telah meluluskan kepada 127 orang penerima-penerima dana usahawan mikro. Jadi dengan pertambahan kepada RM2.25juta daripada RM1.8juta yang ini bermakna satu daerah akan menerima sejumlah RM250,000 satu tahun dan ia kita dapat menambah jumlah usahawan-usahawan yang akan mendapat bantuan dan sokongan dalam program dana usahawan mikro.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Gasing.**

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Yang Berhormat, apa beza sasaran dana usahawan mikro dengan dana daripada Yayasan Hijrah?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Dana usahawan Hijrah adalah dalam bentuk pinjaman yang mereka harus bayar. Dana usahawan mikro adalah dalam bentuk geran yang tidak perlu dibayar balik pada Kerajaan Negeri. Namun proses pemantauan kita lakukan dan saya masih menunggu laporan akhir daripada Institut Darul Ehsan yang mereka sedang lakukan berdasarkan kajian yang ingin dibuat, ingin meneliti selepas dua tahun, adakah mereka ini mendapat kejayaan selain daripada laporan yang mereka hantar.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Maaf, tadi saya tanya pasal sasaran. Siapa yang disasarkan untuk bagi geran dan siapa yang disasarkan kena buat pinjaman.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Yang dana usahawan mikro kita menumpu kepada mereka-mereka yang dibantu daripada awal pihak Kerajaan Negeri. Antaranya ialah Program *Blue Print* yang dilaksanakan oleh EXCO Kebajikan ataupun YB Kota Alam Shah. Mereka dibantu dengan RM5,000 dalam bentuk geran dan jika mereka berjaya dengan lebih maju di hadapan inilah di antara penerima-penerima ataupun mereka-mereka yang menjadi sasaran dana usahawan mikro.

Yang kedua, dana usahawan mikro juga menumpu sedikit sebanyak usahawan-usahawan di kawasan desa (dengan izin) kalau nama awalnya dulu pun dana industri desa tapi kita besarkan skop ini namun kita tumpu kerana wakil-wakil kita adalah penghulu dan ketua-ketua kampung yang akan memberi saran dan juga cadangan-cadangan mereka-mereka dan juga menyiasat usahawan-usahawan yang lahir khususnya daripada desa. Ini sasaran kita.

Berbeza dengan Hijrah. Sasarannya lebih luas dan bentuknya adalah dalam bentuk pinjaman dan mereka yang dibantu ini memang dalam bentuk betul-betul memerlukan suntikan yang sebenar dan *insyallah* kita akan dapatkan keputusan daripada hasil keupayaan mereka daripada dana usahawan mikro.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta penjelasan sikit. Terima kasih YB EXCO Batu Caves. Berkenaan dengan dana usahawan yang Yang Berhormat perincikan tadi tentang belia-belia di kampung-kampung, di daerah-daerah diperuntukkan RM250,000 setahun untuk melahirkan lebih ramai usahawan-usahawan ini. Saya nampak oleh kerana cabaran-cabaran untuk melahirkan usahawan ini, mereka terpaksa menghadapi cabaran dan dunia globalisasi ini banyak cabaran. Adakah pihak Yang Berhormat membawa mereka-mereka ini pergi kepada pendedahan-pendedahan di dunia luar supaya mereka nampak lebih banyak pengalaman, menimba banyak pengalaman baru di tempat lain untuk membantu mereka mengembangkan perniagaan mereka. Terima kasih.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI :** Terima kasih. Kebetulan saya nak masuk *point* tersebut. Selain daripada hal tersebut, selepas ini kita juga ada program promosi dan kita mendapat peruntukan sekitar RM1.8juta pada tahun 2018 dan antara usaha promosi ialah kita membuat program seperti karnival usahawan di peringkat

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Negeri Selangor (itu yang pertama) seperti Selangor Food Mega Festival yang sentiasa menarik lebih 100,000 pengunjung saban tahun. Yang kedua, membawa mereka ke karnival-karnival usahawan di peringkat negara sama ada dianjurkan oleh Negeri Pulau Pinang atau Halal Fest di peringkat federal dan juga membawa contohnya di China Asian EXPO di Naning 2017 dengan kita bawa usahawan-usahawan ini keluar jadi kita perkenalkan mereka agak kompetitif di peringkat Negeri bawa ke Negeri lain dan juga termasuk bawa ke peringkat antarabangsa seperti China Asean EXCO, CAEXPO2017 dan satu daripada usahawan ini yang kita bawa ketika di Naning baru-baru ini telah menunjukkan prestasi yang baik dan dalam rundingan akhir yang dalam rundingan akhir meterai perjanjian kontrak yang bernilai RM10 juta dengan sebuah syarikat di China di Shanghai hasil daripada membawa usahawan-usahawan kita keluar. Ahli-ahli Yang Berhormat saya kasih sekalian. Terakhirnya adalah berkenaan dengan Kebudayaan. Saya disentuh dalam beberapa perkara dalam bidang kebudayaan antaranya dari Sungai Panjang dan juga daripada Teratai. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sudah menjadi dasar Kerajaan Negeri untuk memastikan perbelanjaan kita ini diuruskan dengan cara yang baik dan kita memberikan kepada mereka-mereka yang tepat. Jadi semenjak dari tahun 2015 kita telah membuat keputusan untuk tidak memberikan dana pengurusan kepada mana-mana NGO yang menguruskan program-program kebudayaan, sebaliknya dana-dana kita ditumpukan untuk program aktiviti ataupun projek kebudayaan yang mereka ingin laksanakan. Justeru pihak Kerajaan Negeri telah menjalinkan hubungan dengan ramai pihak, antaranya kita salurkan kepada pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Saban tahun Pihak-pihak Berkuasa Tempatan kita sumbangkan kecuali Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Bandaraya Shah Alam kerana kedua Majlis Bandaraya ini mempunyai program yang berbeza melalui program Kota Seni yang lain-lain kita peruntukan RM20 ribu. RM20 ribu itu bukan hanya untuk menumpu kepada program persembahan kebudayaan sebaliknya menumpu kepada program pembangunan kebudayaan. Antaranya salah seorang daripada wakil ataupun anggota Majlis Kebudayaan Negeri di Selangor terlibat dengan program pembangunan sukan di Kuala Langat. Antaranya Majlis Daerah Sabak Bernam membangunkan satu atau dua sekolah untuk tarian padi yang menjadi identiti kepada Majlis Daerah Sabak Bernam ataupun daerah Sabak Bernam. Jadi kaedah itu kita laksanakan akan lebih bererti daripada kita memberi dana pengurusan ataupun *outsource* sepenuhnya aktiviti kebudayaan yang diuruskan oleh NGO ataupun individu-individu yang tertentu. Untuk makluman semua aktiviti kebudayaan dan kesenian kita spektrumnya cukup luas. Ada budaya popular, ada artis ada pelakon ada nyanyian ada teater ada seni, *fine art*, sebagai contoh lukisan. Jadi Kerajaan Negeri mengambil contoh sikap menjadi platform yang melihat keseluruhan dan tidak *outsource* kepada mana-mana badan. Malahan saya membantah dengan cukup tegas dengan perkataan pengusiran sebab ia adalah berdasarkan kepada penstrukturkan semula pengurusan Kerajaan Negeri, kebetulan majlis di dewan Raja Muda Musa

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

ataupun bangunan Kompleks Kebudayaan dan generasi muda untuk belia tahun sebelum ini namanya kita telah mengalihkan majlis sukan Negeri ke sana dan beberapa organisasi di sana. Kebetulan Sukan Negeri juga mempunyai institusi belia ataupun generasi muda jadi kita jadikan keseluruhan kompleks itu lebih sesuai untuk aktiviti-aktiviti sukan dan generasi muda dan kita tawarkan kepada Majlis Kebudayaan organisasi lain untuk ditempatkan mereka di bangunan Teater Shah Alam yang masih lagi belum digunakan sepenuhnya hanya digunakan sebahagianya akibat aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan Majlis Bandaraya Shah Alam diuruskan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam dan sekarang diuruskan oleh Perbadanan Adat Istiadat Melayu dan Warisan. Tapi malangnya mereka memohon untuk menukar di tempat lain. Tukaran itu ialah di Muzium yang pada ketika itu diuruskan oleh PADAT dan naik taraf. Jadi perbincangannya habis di situ dan malangnya mereka membawa hal ini ke wakil-wakil pembangkang yang tidak menunjukkan perkara yang jelas ataupun menunjukkan aktiviti yang sebenar apa yang berlaku. Realitinya kita membantu semua termasuk aktiviti-aktiviti NGO, namun kita memberhentikan dana pengurusan kerana kita beranggapan tugas Kerajaan untuk menyalurkan kepada aktiviti-aktiviti dan bukan membiayai gaji ataupun dana ataupun elaun-elaun tertentu yang ada.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Minta mencelah, ia terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan Y.B. EXCO. Perkara yang saya ketengahkan dalam ucapan perbahasan saya adalah berkenaan dengan keperluan pasukan tarian singa dan naga atas sokongan daripada pihak Kerajaan kerana cabaran yang mereka hadapi adalah kekurangan tempat yang sesuai untuk dijadikan tempat latihan. Ada di antara mereka bila mereka buat latihan di rumah kedai ia akan menimbulkan kacau ganggu kepada jiran-jiran mereka dan ada di antara mereka yang masih sampai masa kini tidak ada tempat untuk berlatih jadi sekiranya Yang Berhormat EXCO katakan pusat-pusat yang latihan untuk tarian tarian tadi yang katakan tadi itu boleh dijadikan Kerajaan Selangor jadikan satu pusat untuk mereka menjalankan latihan adakah Kerajaan Selangor bersedia untuk memberi kebenaran supaya bagi dewan-dewan di bawah PBT untuk dijadikan tempat latihan kepada pasukan-pasukan tarian singa dan naga yang mana antara mereka telah membawa baik Selangor dengan mendapatkan *book of record*, Malaysia *Book Of Record* dan juga kini rekod di Selangor berapa tahun yang lepas. Terima kasih.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih Teratai. Saya kira pernah membantu organisasi untuk menganjurkan program dan penganjuran terhadap *Guinness Book Of Record* itu yang telah disumbangkan dan kita ucapan tahniah dia atas belia-belia dan juga generasi muda kebanyakannya terlibat dengan aktiviti. Namun begitu saya percaya tiada halangan pada Pihak-pihak Berkusa Tempatan untuk menempatkan pusat-pusat latihan. Namun saya ingin tegaskan dewan-dewan itu

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

ialah kemudahan ramai dan lebih sesuai ia tidak dijadikan hak eksklusif kepada mana-mana organisasi dan pertubuhan sebaliknya ia boleh digunakan secara berkala dengan jadual dan tetapan yang diuruskan oleh Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Saya sangat percaya hal tersebut dan ini juga akan dapat membantu kepada program-program pembangunan kebudayaan dan kesenian yang sememang ada di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Minta mencelah. Terima kasih. Untuk kami dapatiti bahawa ada dewan-dewan yang memang kita kata terbuar ataupun terbengkalai sekiranya dengan sokongan daripada Kerajaan Selangor saya rasa tempat itu sesuai untuk dijadikan tempat latihan untuk pasukan tarian singa dan naga yang mana daripada membiarkan dewan itu jadi terbengkalai seperti mana yang telah diketengahkan oleh YB YB lain dalam sidang dewan ini, jadi lebih baik ia dijadikan supaya sebagai satu pusat latihan kepada pasukan tarian naga dan singa supaya mereka boleh membuat latihan. Saya difahamkan hampir setiap malam ada latihan dijalankan dan memang ada di antara mereka cabaran untuk cari tempat yang sesuai yang mana tidak mengganggu jiran-jiran mereka. Sekian terima kasih.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Saya sarankan berbincang dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan saya percaya boleh namun prinsipnya saya sebut tadi jangan jadikan hak eksklusif mana-mana persatuan. Sebab kemudahan itu kemudahan ramai cukup kalau ada jadual yang berkala dan kalau boleh bayar sedikit *charge* seperti bil api, bil air dan sebagainya. Saya percaya kemudahan ini untuk kemudahan ramai dan untuk boleh digunakan sebagai aktiviti program.

**Y.B. TUAN LIM LAU WENG** : Saya ingin berbalik ke isu berkenaan dengan sukan. Sebelum terlewat berkenaan dengan satu isu saya bangkitkan di dalam perbahasan e-sport atau e-sukan. Saya tak pasti Yang Berhormat telah menyediakan jawapan tetapi saya menganggap sebagai ini adalah satu perkembangan yang terkini popular di kalangan anak muda khususnya mereka di peringkat umur belasan atau pun dua puluhan. Mungkin kita di peringkat tiga puluhan atau empat puluhan tidak begitu tahu, tapi ia merupakan satu perkara yang mengharumkan nama Negeri dan negara tapi ia boleh mendatangkan pulangan yang cukup lumayan kepada negara dan Negeri kita memohon ulasan sikit dari Yang Berhormat EXCO.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI** : Terima kasih Kampung Tunku, saya kbetuln memang saya siapkan cuma di muka surat yang kedua. Yang Berhormat sekalian, semenjak dari tahun 2017 lagi, Negeri Selangor merupakan Negeri pertama di Malaysia yang menganjurkan kejohanan e-sport ataupun e-games ataupun cyber games. Selangor cyber games bermula tahun 2014 dengan memulakan program di

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

peringkat nasional atau pun memanggil peserta-peserta di peringkat nasional dengan kos sebanyak RM70 kita mulakan tahun 2014. Tahun 2015 kita gunakan program sampai peringkat internasional, waktu itu kita jemput pasukan daripada Indonesia daripada Korea Selatan dan daripada China dan kita keluarkan kos sebanyak RM382 ribu. Tahun 2016 kita anjurkan program di peringkat yang lebih besar dan penganjuran itu hampir mencecah RM1 juta, namun Kerajaan Negeri hanya mengeluarkan sekitar RM400 ribu dan pada tahun lepas atau tahun ini sebenarnya. Kita anjurkan di peringkat nasional balik sebab kita menggilirkan ia supaya, intensif terhadap *games* tersebut dapat dikawal. Dan untuk makluman semua, daripada tahun 2016 sampai 2017 e-sport ataupun *cyber games* Selangor dianjurkan mendapat liputan di peringkat antarabangsa termasuk di CNN Website termasuk di pancarkan secara langsung di EGG Astro Sport jangan lepas ini tak nak lapor pula sebab Selangor buat. Dan ia mendapat pengiktirafan dan disokong malahan beberapa atlet-atlet kebangsaan e-sport ini yang memenangi hanya hadiah RM3 juta tahun lepas. Datang daripada program e-sport yang dianjurkan oleh program-program Kerajaan Negeri Selangor yang bermula mereka lahir daripada program 2014. Jadi saya terima kasih atas kebangkitan tersebut dan kita memang sediakan dan saya menyambut cadangan yang telah dikemukakan oleh Kampung Tunku, yang mengatakan bahawa supaya kita memberikan kemudahan-kemudahan tertentu kepada latihan-latihan mereka. Ini ada sedikit konflik dan sedikit persepsi pada pandangan saya persepsi supaya kita dapat membetulkan mungkin kita perlu menyelaraskan aktiviti dari Kerajaan Tempatan sebab bila kita sebutkan *games* ini biasanya ada konotasi negatif. Membuang masa, melalaikan malahan melibatkan kononnya terlibat dengan perjudian. Saya tak nafikan ada sebahagiannya melibatkan khususnya di *cyber-cyber center* ataupun di pusat-pusat *cyber* namun begitu kalau kita dapat khususkan kelas tertentu *e-games* sahaja yang menepikan mengasingkan dan membuang unsur-unsur perjudian dan dapat menangani isu-isu ponteng sekolah dan sebagainya. Nampak gayanya kita dapat menyediakan kemudahan-kemudahan yang lebih baik dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan. Dan memang permintaan-permintaan dan kadang-kadang kita letak dalam *basket* dan bakul sama dan ia memberi sedikit konotasi walaupun rekodnya sangat baik. Musyi sebagai contoh, anak muda daripada Rawang berumur 29 tahun ketika saya jumpa dia berumur 27 tahun. Dia mendapat pendapatan RM1 juta setahun dengan menyertai *e-games* *e-games* termasuk di peringkat dunia dan beliau merupakan 4 pemain Dota 2 yang terbaik di seluruh dunia. Anak Rawang dan anak Selangor. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya sebab itulah dibangkitkan persoalan-persoalan ucapan terima kasih di atas bangkitkan persoalan, namun begitu saya berharap agar segala aktiviti-aktiviti kebudayaan dan kesenian dapat diberikan perhatian dan sokongan dan diberikan dokongan kerana ia meliputi semua aspek dan semua pihak dan akhiri penggulungan ini dengan-dengan kata-kata, kata-kata dari Raja Ali dalam gurindam 12. Dalam gurindam ke 7, ini khas untuk Ahli-ahli Dewan khususnya daripada pembangkang ya. Apabila banyak berkata-

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

kata, di situlah jalan masuk dusta. Apabila banyak berlebih bersuka-suka, itu tanda hampirnya duka. Apabila kita kurang siasat, itulah tanda pekerjaan hendak sesat. Apabila anak tidak dilatih jika besar bapanya letih. Apabila banyak mencela orang, itulah tanda dirinya kurang. Ahli-ahli Yang Berhormat sebab itu hati-hati saya tengok Sungai Panjang semalam, kerana *excited* semalam mungkin teruja begitu sungguh-sungguh menyebut tentang masalah kebudayaan tidak menyiasat sampai masalah hutan. Bila hutan disebut tentang masalah geo politik. Geo politik bermaknanya politik dengan geografi, apa kaitan dengan orang letak dadah dalam hutan. Macam mana pengerusi institut bahasa penterjemahan buku lahir dan mengeluarkan pernyataan tanpa hati-hati. Jadi hati-hati kita berkata-kata. Inn Shaa Allah Negeri kita akan jadi baik dan saksama dan kita dapat jaga Negeri kita dengan lebih baik terima kasih. Sekian Assalam'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Batu Caves saya dipersilakan Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHENG KHIM :** Terima kasih Timbalan Speaker. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Anggerik, Batang Kali, Sabak, Selat Klang, Teratai, Paya Jaras, Seri Serdang, Sungai Pelek, Kinrara, Damansara Utama, Sekinchan dan Sri Andalas yang menyentuh isu-isu berkenaan dengan pengangkutan dalam perbahasan bajet pada hari, 2 hari yang lalu. Ahli-ahli Yang Berhormat, perkhidmatan Bas Smart Selangor sentiasa menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berkongsi pandangan dan cadangan bagi memastikan perkhidmatan ini terus relevan dan dinikmati seluruh rakyat Selangor. Oleh itu setiap pandangan dan cadangan yang diberikan akan diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri untuk diperhalusi dan ditambah baik dari semasa ke semasa. Sambutan terhadap perkhidmatan Bas Smart Selangor telah dibuktikan dengan pencapaian statistik penumpang yang mencecah 12 juta orang pada 30 September 2017. Bas Smart Selangor yang kini mempunyai 100 buah bas di 11 Pihak Berkuasa Tempatan tidak termasuk Majlis Bandar Raya Petaling Jaya yang mempunyai 22 buah bas di 4 laluan bas percuma, PJ City Bas. Bagi 2018 Kerajaan Negeri sekali lagi telah menambah peruntukan Bas Smart Selangor daripada RM20 juta pada 2017 kepada RM30 juta. Berhubung dengan cadangan daripada Yang Berhormat Kota Anggerik supaya bas-bas dipenuhkan iklan-iklan yang mempromosikan program Kerajaan Negeri seperti Insentif Peduli Rakyat, Kerajaan Negeri telah pun meminta semua Pihak Berkuasa Tempatan untuk memenuhi ruang iklan yang terdapat di dalam bas dengan maklumat-maklumat program insentif atau insentif, inisiatif peduli rakyat. Ini dipengaruhi oleh Pelabuhan Klang semalam.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Untuk maklumat Yang Berhormat juga, agensi Kerajaan Negeri seperti Tourism Selangor turut berminat untuk mempamerkan informasi dan promosi pelancongan di Negeri Selangor menggunakan perkhidmatan Bas Smart Selangor. Tuan Timbalan Speaker, sejak dilancarkan.

**Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI:** Minta penjelasan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, silakan.

**Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI:** Saya cadangkan supaya dipasang tv bukan hanya di, dilekatkan di, tv yang boleh menayangkan aktiviti. No, its tv, tv, it a tv digunakan di dalam, dalam, dalam bas.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ia, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya pada sekarang ini juga ada Pihak Berkuasa Tempatan yang sudah menayangkan klip-klip video berkenaan dengan PBT berkenaan dan juga, kita juga sedang merancang untuk program-program lain yang telah pun dirakam melalui video, video untuk ditayangkan di atas tv led di dalam semua Bas Smart Selangor.

Tuan Timbalan Speaker, sejak dilancarkan perkhidmatan Bas Smart Selangor telah diperluaskan dari 3 laluan pada tahun 2012 menjadi 30 laluan pada tahun 2017. Pertambahan laluan ini merupakan hasil daripada cadangan dan permintaan daripada Ahli-ahli yang Berhormat melalui PBT yang telah mengkaji kesesuaian laluan yang dicadangkan. Berhubungan dengan cadangan dan permintaan laluan-laluan baru oleh Yang Berhormat Kota Anggerik, Batang Kali, Sabak, Selat Klang, Teratai, Seri Serdang, Sungai Pelek dan Kinrara Kerajaan Negeri dan PBT sentiasa melihat keperluan-keperluan bagi menambah baik perkhidmatan bas Smart Selangor dari semasa ke semasa agar sistem pengangkutan awam di Selangor dapat mewujudkan 1 jaringan *connectivity* yang baik dan menyeluruh dengan sistem pengangkutan awam seperti KTM, Komuter, BRT, LRT dan MRT. Dalam penyediaan laluan Bas Smart Selangor, cadangan laluan akan terlebih dahulu diperhalusi dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor dengan penglibatan semua PBT dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat atau SPAD dengan mengambil kira kriteria-kriteria berikut:

1. Menepati struktur struktur bas *network revent* oleh SPAD iaitu tidak bertindih dengan laluan operator perkhidmatan bas sedia ada.
2. Perlu mengutamakan laluan kawasan-kawasan tumpuan pembangunan, perumahan padat dan jalan yang tidak dilalui oleh perkhidmatan bas lain.

3. Lokasi bagi laluan bas percuma ini adalah di kawasan tumpuan kemudahan awam seperti pusat kesihatan, pejabat Kerajaan, sekolah, stesen komuter, stesen LRT dan sebagainya serta kawasan komersial dan kompleks perniagaan; dan
4. Mempunyai *connectivity* dengan sistem pengangkutan yang lain seperti stesen komuter atau stesen LRT, MRT, BRT.

Oleh itu penentuan laluan Bas Smart Selangor akan dijalankan dengan begitu teliti bagi memenuhi keperluan dan permintaan yang menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan. Berhubung dengan penyediaan hentian bas, Kerajaan Negeri sentiasa menitik beratkan penyediaan infrastruktur yang lengkap termasuklah dengan memastikan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyediakan infrastruktur pengangkutan awam seperti hentian-hentian bas di sepanjang laluan Bas Smart Selangor. Untuk maklumat Yang Berhormat Paya Jaras, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pengangkutan Awam Negeri Selangor telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM1,000,080.00 kepada 11 PBT bagi pembinaan infrastruktur pengangkutan awam tersebut pada tahun 2017 ini. Dan buat setakat ini terdapat 1,300 hentian bas yang telah pun dibina di seluruh Selangor. Walau bagaimanapun penyediaan kemudahan awam seperti hentian bas adalah tertakluk kepada faktor keselamatan, kesesuaian lokasi dan juga keupayaan kewangan semasa Pihak Berkuasa Tempatan.

Tuan Speaker, Saya ingin mengulangi bahawa Selangor telah pun melancarkan aplikasi mobile bas yang khusus untuk Bas Smart Selangor dan juga PJ City Bas iaitu Selangor *Intelligent Transport System*. Dengan aplikasi ini Kerajaan berharap agar prestasi dan mutu pimpinan bas Smart Selangor akan lebih cemerlang dan dipertingkatkan dengan aplikasi yang pertama seumpamanya di Malaysia. Sistem ini memberikan kemudahan teknologi moden dan pintar kepada pengguna bas untuk merancang dan mengatur perjalanan dengan lebih kualiti. Selain itu sistem ini dapat membantu pemantauan yang berterusan oleh semua pihak yang terlibat melalui informasi dan data yang diperolehi melalui sistem tersebut. Ini termasuk cadangan daripada Yang Berhormat Sekinchan untuk memantau pemandu-pemandu. Sebab dengan aplikasi tersebut, kita tahu di manakah bas yang berkenaan. Jadi kalau bas tersebut terkeluar dari laluan kita juga dapat lihat daripada *handphone* pengguna tersebut. Penambah baikan sistem ini dijangka akan dilaksanakan secara berperingkat terutamanya untuk menggabungkan atau *integrate* sistem data aplikasi yang disediakan oleh PBT sendiri dengan SITS mahupun perkhidmatan bas selain dari Bas Smart Selangor agar aplikasi *mobile* yang disediakan ini lebih lengkap dan menyeluruh

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

dengan maklumat perjalanan semua perkhidmatan bas yang terdapat di Negeri Selangor selaras dengan impian Selangor menjadi *Smart State*.

Tuan Speaker, Saya juga nak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batang Kali, Dengkil, Sekinchan, Sungai Burong, Paya Jaras dan Pelabuhan Klang yang menyentuh isu-isu pelaburan dalam perbahasan kelmarin.

Tuan Speaker, Saya ingin menambah sedikit berkenaan dengan pelaburan daripada Negeri China. Bagi tempoh 2015 hingga Jun 2017 sebanyak 8 projek perkilangan dengan nilai pelaburan bernilai RM168,000,795.00 melibatkan penglibatan pelabur China telah diluluskan di Selangor. Antara faktor kemasukan pelabur China ke Selangor adalah disebabkan :

1. Dasar Kerajaan China yang menggalakkan syarikat-syarikat China untuk melabur di luar negara
2. Kedudukan Selangor yang strategik dan sesuai untuk dijadikan hub pengeluaran bagi rantau Asia dan untuk pasaran ke negara lain.
3. Malaysia yang berbilang bangsa membuat, membuatkan pelabur China merasa selesa untuk melabur di Malaysia.
4. Kos pelaburan yang agak rendah berbanding di China ketika ini; dan
5. Sumber bahan mentah yang mudah diperolehi

Tuan Speaker,

Berkenaan dengan Blueprint Aeroangkasa. Blueprint untuk industri aeroangkasa yang dinyatakan di dalam Bajet 2018 adalah 1 item yang baru, yang tidak disebut di dalam belanjawan sebelum ini. Sebelum ini kita mungkin ada Blueprint di peringkat Kerajaan Persekutuan. Tetapi memandangkan 62% daripada industri aeroangkasa Malaysia terdapat di dalam Selangor, maka adalah sesuai dan perlu untuk Selangor menyediakan 1 Blueprint yang tersendiri untuk Selangor. Dan ini adalah begitu penting untuk memastikan kita memberi hala tuju yang betul dan kita mempunyai strategi rancangan yang sesuai dengan pembangunan aeroangkasa di negara ini dan selaras dengan pembangunan aeroangkasa di seluruh dunia, khususnya di rantau ini yang begitu kompetitif. Sekarang kita menghadapi cabaran ya, ataupun persaingan daripada negara-negara seperti Filipina, Vietnam, Thailand dan Singapura. Oleh itu, kita memerlukan kolaborasi dengan negara-negara ini dan tidak apa tu, melibatkan

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

persaingan yang tidak sihat di antara negara dalam Asia ini. Oleh itu, kita lebih lihat dari sudut bagaimana kita kolaborasi dengan negara-negara ini. Blueprint ini juga akan disediakan kelak, akan dijadikan sebagai sumber rujukan dan pemacu kepada hala tuju pembangunan industri aeroangkasa di Selangor bagi menjadikan Selangor sebagai strategik aerospace hub di rantau Asia Tenggara. Melalui Blueprint ini kelak mampu untuk meletakkan Selangor secara strategik sebagai destinasi pelaburan pemain-pemain industri dan aeroangkasa yang bertaraf multi nasional dan juga penglibatan pelabur tempatan dalam industri aeroangkasa. Antara bidang tumpuan seperti MRO, *Maintenance Repair and Overhaul*, *Knowledge Workers*, *Mechanic*, *Engineers Maintenance Technology ICT* dan *Machinery Conversion* daripada *Alternative Rail Youtch* dan sebagainya. Dan itu adalah begitu penting sekali, tidak ada pertindihan sebenarnya. Sebenarnya kita melakukan kerja ini juga untuk membantu Kerajaan Persekutuan untuk menarik pelaburan dalam bidang aeroangkasa ini. Kerana kita bukan saja nak jaga 62% industri aerospace Malaysia yang terdapat di Selangor. Kita juga akan membantu 38% di luar Selangor. Sebenarnya kita membantu Kerajaan Persekutuan. Sepatutnya Kerajaan Persekutuan memberi sokongan penuh kepada usaha Kerajaan Negeri Selangor ini. Ini yang kita buat. Tapi sebelah sana dia tak faham. Ia.

Tuan Speaker, Pendapatan hasil daripada aktiviti pelaburan dalam aktiviti perkilangan sememangnya tidak disebut ya. Ini disebut oleh Dengkil ya. Dengkil menyatakan bahawa ini tidak disebut dalam bajet. Barangkali memang pendapatan hasil daripada aktiviti pelaburan dalam aktiviti perkilangan sememangnya tidak disebut kerana cukai korporat yang dikenakan kepada syarikat-syarikat sama ada perkilangan atau tidak, ianya dibayar terus kepada Kerajaan Persekutuan. Dia bayar kepada Kerajaan Persekutuan, dia tak lapor kepada kita. Jadi macam mana kita tahu jumlahnya, maka kita tak laporlah. Sungai Panjang, Sungai Panjang Ahli Parlimen. Dan ini merupakan hasil kepada Kerajaan Persekutuan dan bukannya hasil kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri hanya mendapat hasil melalui kutipan cukai tanah dan cukai taksiran menerusi Pihak Berkuasa Tempatan. Ini bidang kuasa, kena tau. Sebagai ADUN kena tahu di mana bidang kuasa kita. Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan, bagi tempoh Januari hingga Jun 2017, sebanyak 87 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor dengan jumlah modal pelaburan sebanyak RM1.7 bilion. Daripada jumlah tersebut sebanyak 51% ataupun RM870 juta adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak 49% atau RM835 juta adalah daripada pelaburan asing. Sebanyak 3,603 potensi peluang pekerjaan telah pun diwujudkan. Sakit hati Batang Kali dengar ni.

Tuan Speaker, Secara dasarnya Kerajaan Negeri melalui *Invest Selangor* sentiasa mempromosikan peluang-peluang pelaburan di daerah-daerah yang kurang aktiviti

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

ekonomi seperti Tanjung Karang, Sungai Besar dan Sabak Bernam. Bagi projek-projek yang bersesuaian. Ini bertujuan untuk mengimbangi pembangunan yang tidak hanya tertumpu di kawasan Lembah Klang sahaja. Selain daripada, selain daripada membawa pelaburan baru ke kawasan-kawasan yang dinyatakan pihak Kerajaan Negeri melalui *Invest* Selangor juga turut membantu syarikat-syarikat yang sedia ada yang beroperasi di kawasan tersebut untuk mengembangkan pelaburan mereka dan juga membantu syarikat-syarikat yang berhasrat

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta pencerahan sikit.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Saya habiskan ni.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Ok.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Untuk melabur di luar Lembah Klang seperti Kuala Selangor, Sabak Bernam, Hulu Selangor dan lain-lain kawasan. Sila kan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Oleh kerana hasrat Kerajaan untuk bantu kawasan-kawasan yang kurang menjadi tumpuan seperti di Sabak Bernam, di kawasan Tanjung Karang tapi di Sekinchan ni dia walaupun dia bangun dengan eco-tourism tapi kawasan untuk perindustrian ada masalah kekangan tanah. Kalau ada masalah kekangan tanah bagaimana Kerajaan boleh bantu untuk bawa lebih banyak industri-industri datang ke Sekinchan, melabur di Sekinchan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Ya, terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Sebenarnya Kerajaan Negeri senantiasa membantu umpamanya di Sekinchan ada sebuah Syarikat Pembuatan Alat Elektrik Keen. Mereka telah pun memohon bantuan pertolongan daripada Kerajaan Negeri Selangor dan kita membantu mereka untuk mendapatkan tanah supaya mereka membeli tanah-tanah yang kecil kemudian digabungkan, dicantumkan menjadi tanah yang mencukupi. Cukup besar untuk mereka membuat kilang baru. Itu cara kita membantu supaya mereka dapat kekal di Sekinchan dan mewujudkan peluang kerja, pekerjaan kepada orang tempatan. Itu cara kita buat dan juga kita membantu Syarikat seperti Kosan yang mendirikan bangunan ataupun bangunan kilang yang baru di kawasan Kuala Selangor. Kita bantu. Dalam juga untuk mendapatkan sumber air kita juga memberi bantuan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras yang kita adakan setiap bulan di Pejabat *Invest* Selangor. Tapi harus diingat juga walaupun kita melakukan kerja-kerja promosi untuk menggalakkan pelabur-pelabur pergi ke kawasan seperti Tanjung Karang, Kuala Selangor dan sebagainya kadang-kadang ini bukan kerja yang mudah kerana pelabur-pelabur itu kadang-kadang dia mereka hendak beroperasi di kawasan yang dekat dengan pelabuhan, yang dekat dengan bandar

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Mencelah sekejap, sikit aje.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Saya habiskan ini ya. Jadi kita kena lihat itu adalah kehendak mereka, kadang-kadang mereka rasa kalau di Klang, di dalam Petaling Jaya atau Shah Alam walaupun tanah lebih mahal kos, *entry cost* lebih mahal tetapi mereka merasakan untuk jangka masa panjang bagi mereka tidak ada masalah. Itu memang kita tidak dapat menggalakkan mereka pergi ke kawasan luar bandar. Tapi ada yang mahukan tanah yang murah, maka kita bawa ke situ.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Ini satu pandangan sahaja. Ok lah kita lebih menumpukan kawasan-kawasan Lembah Klang ini dan dalam saya punya perbahasan saya ada sebut supaya kita memberi satu tumpuan khusus di sebelah Pantai Barat dan juga Northen Selangor ataupun Utara Selangor. Di dalam jawapan tadi tu adalah usaha secara *retail* saya rasa untuk membuat perindustrian datang ke kawasan-kawasan berkenaan. Apakah ada rancangan Kerajaan buat masa ini lebih fokus dalam membentuk satu *blueprint* macam mana nak kan kawasan-kawasan berkenaan sebagai satu hub pembangunan industri akan datang?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Kalau *zonning*, berkenaan *zonning* memang ada dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dari semasa ke semasa melalui *local pelan* memang ada dilakukan dan itu hanya perancangan ya. Di Pihak Berkuasa Tempatan dia boleh membuat *zonning* tertentu khusus untuk perindustrian dan juga mungkin ada juga hajat, ada juga rancangan nak jadikan hub perindustrian, nak wujudkan hub perindustrian di kawasan tertentu tetapi itu hanya usaha daripada Kerajaan. Kita juga tengok itu juga bergantung kepada pelabur sendiri. Kalau pelabur itu merasakan tidak sesuai untuk kilang mereka didirikan di Hulu Selangor umpamanya kerana tidak ada pekerja. Kerana...

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Maaf saya Speaker, maksud saya tu industri ya industri. Kita bukan maksudkan kalau setakat nak kata bawa kilang buat kereta kat situ, tidak. Kalau di situ lebih sesuai sebagai industri pertanian misal kata, siapakah *player* yang terbaik untuk kita bawa sebagai zon pertanian di katakan Hulu Selangor lebih sesuai untuk pelancongan apakah sesuai industri pelancongan di bawa ke sana? Ini saya maksudkan zon, apakah jenis-jenis *zonning* yang kita buat dan *blueprint-blueprint* tertentu yang kita buat yang boleh menjadi asas kepada masa depan atau memeterai perjanjian-perjanjian dengan pelabur-pelabur yang berminat. Itu maksud saya.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Itu kita ada rancangan struktur untuk industri Selangor, memang ada. Memang kalau di industri Agro ini lebih tumpu kepada Pantai Barat ya kepada kawasan persisiran pantai memang kita ada. Di kawasan perindustrian yang utama di mana kita letakkan dia. Dalam struktur Selangor memang

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

wujud di situ. Tapi itu hanya perancangan seperti yang saya sebutkan ya kita juga banyak bergantung kepada kehendak pelabur itu sendiri. Umpamanya kita juga tidak sangka bahawa UMW, Roll Royce memilih Serendah sebagai kawasan untuk membangunkan industri aerospace. Jadi tetapi apabila kita melihat dia bersetujuan dan selaras dengan Rancangan Tempatan maka kita benarkan dan sekira perlu kita juga bantu untuk membuat sedikit penyelarasan dan pengubahsuaian supaya kita dapat memperkembangkan kerana mereka dah beli tanah lama di situ. Jadi mereka rasakan sebab ada lapan ratus ekar tanah mereka merasakan tanah dulu beli kosnya rendah lebih baik kita pergi situ daripada kita beli tanah yang baru, yang mahal di Shah Alam. Jadi kita juga bergantung kepada kehendak mereka. Tapi walau bagaimanapun kita juga melihat kepada *blueprint* kita sendiri yang kita sedang rancangkan kita lihat pada keseluruhannya bagaimana kita membangunkan dan kita tidak sebenarnya dalam usaha Invest Selangor, kita juga ada tetapkan, ada juga kita menetapkan program untuk mempromosikan kawasan industri di luar Lembah Klang. Ada usaha khas tetapi seperti yang saya sebutkan tidak mudah tapi kita buat sebaik-baiknya. Yang penting adalah kita tidak kita nak pastikan pembangunan ekonomi di semua daerah dalam Selangor itu dapat berjalan seimbang. Tapi juga kita juga lihat kadang-kadang macam di kawasan Sekinchan mungkin tidak sesuai untuk kita membawa industri berat atau industri berteknologi tinggi, sebab pekerja tidak ada, pekerja mahir tidak ada apa tahu lagi Sabak Bernam lagi susah kita nak bawa. Kera mungkin kita ada industri (ketawa). Tapi itu, ada juga, ada juga pelabur yang hendak buat apa tu *green teknologi* yang memerlukan tapak atau tanah kita bantu, ada. Dia nak buat pelabuhan, nak buat kerja-kerja pembaikan kapal ada cadangan tapi adalah masalah-masalah dan kekangan-kekangan tertentu yang tidak dapat kita berikan kelulusan. Tapi ada usaha memang dilakukan.

Tuan Speaker,

Kerajaan Negeri Selangor juga sentiasa mengekalkan hubungan baik dan menyantuni para pelabur yang melabur di Selangor dan Kerajaan Negeri juga sentiasa prihatin dengan keperluan pelabur dan isu infra sentiasa dibangkitkan oleh pihak pelabur. Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor sentiasa berhubung rapat dengan pihak TM selaku penyedia perkhidmatan untuk menyediakan kemudahan *fibre optik* di seluruh Negeri Selangor secara berperingkat. Keperluan kemudahan infra ini juga amat diperlukan untuk menyokong inisiatif Kerajaan Negeri bagi menggalakkan pelaksanaan industri 4.0 di kalangan warga industri di Negeri Selangor. Dalam hal ini, hal *fibre optik* ini, dia melibatkan kos yang tinggi. Walaupun jangka masa panjang dan kita memerlukan usaha ini tetapi itu tidak bererti kita tidak boleh mengembangkan aspek *software* seperti yang kita lakukan aplikasi. Bagaimana kita menggunakan aplikasi dalam usaha membangunkan Selangor sebagai sebuah Smart City, sebagai sebuah Smart State, kita tidak boleh menunggu. Kita tidak boleh menunggu sehingga semua,

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

seluruh Selangor di *wired*. Seluruh Selangor ada *fibre optik* baru kita nak mulakan dengan pembangunan teknologi. Dengan pembangunan penggunaan atau aplikasi teknologi dalam ICT ini. Ini perlu kita lakukan secepat mungkin kerana kita boleh mengembangkan aplikasi untuk menjadikan Selangor Smart. Selangor bergantung pada keupayaan teknologi sekarang ini, kepada keupayaan dan kemampuan infrastruktur yang sedia ada. Jadi itu, sebenarnya tidak bercanggah, kita dapat melakukan serentak. Kalau kita tidak melakukannya serentak, kita akan juga mengikut jejak langkah negara-negara tertentu termasuk Singapura juga menghadapi masalah kerana pada awal perancangan mereka, mereka menumpukan perhatian dan usaha kepada pembangunan infra yang memerlukan masa yang terlalu panjang dan ini juga kita mengambil ikhtiar apa yang berlaku di Pulau Pinang juga. Sebenarnya Pulau Pinang telah pun lebih awal merancang untuk membangunkan Smart City di Pulau Pinang tetapi juga mereka menumpukan perhatian kepada pembangunan infrastruktur sehingga ianya membantutkan pembangunan kemudian. Oleh itu sekarang ini, mereka melihat kepada model Selangor di mana kita melakukannya serentak. Kita melakukan mengikut keperluan yang sedia ada supaya kita dapat mencapai matlamat dalam masa yang lebih singkat yang lebih efisien. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Sg. Pinang. Saya persilakan Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang terlibat di dalam perbausan kali ini. Kerajaan Negeri menyambut baik sebarang syor atau cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat bagi memastikan golongan yang benar-benar memerlukan bantuan dapat dibantu serta memberikan kesan langsung terhadap kesejahteraan rakyat Negeri Selangor. Ahli-Ahli Yang Berhormat dari Kg. Tunku, Seri Andalas, Kota Anggerik, Batu Tiga ada membangkitkan isu-isu kemiskinan. Isu kenaikan harga barang yang mengakibatkan kos sara hidup yang kian meningkat. Turut Yang Berhormat Permatang turut membangkitkan perkara bantuan sara hidup kepada rakyat.

Tuan Speaker,

Tidak dinafikan suasana kehidupan pada masa ini begitu menekan. Rakyat pada hari ini terus dibebani kenaikan harga barang. Implikasi dari pelaksanaan GST dan juga kelemahan nilai ringgit. Walau bagaimanapun Negeri Selangor dilihat telah selangkah ke hadapan dalam membantu meringankan bebanan kos sara hidup rakyat dengan menetapkan paras garis kemiskinan RM1,500.00 yang jauh tinggi dan lebih realistik dengan senario ekonomi semasa. Berbanding dengan paras garis kemiskinan nasional iaitu RM900.00 seisi rumah. Di samping itu, Kerajaan Negeri Selangor telah

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

melaksanakan satu kajian terperinci melalui Universiti Selangor, UNISEL dan juga Universiti Tengku Abdul Rahman, UTAR bagi melihat kadar kemiskinan bagi Negeri Selangor.

Antara faktor-faktor yang dikenal pasti menyebabkan kemiskinan adalah terdiri daripada tiga dimensi, iaitu kesihatan, pendidikan dan taraf hidup. Hasil dapatan ini juga mengguna pakai konsep indeks kemiskinan pelbagai dimensi yang mana merupakan

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Minta mencelah Kota Alam Shah. Apakah kajian-kajian itu sangat perlu apabila kita melihat di Selangor ni sudah sifar kemiskinan?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Batang Kali. Kajian-kajian ini sangat perlukan walaupun perlu dilihat yang dikatakan Kerajaan Negeri Selangor khususnya apa tu sifar kemiskinan sebenarnya pendapatan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia iaitu pimpinan jajahan daripada Putrajaya bukan Kerajaan Negeri sentiasa merangka program-program berteraskan dengan kajian-kajian begini.

Saya teruskan, yang mana merupakan pengukuran Multi-Dimensional. Dimensional Powerty Index yang mana merupakan pengukuran antarabangsa terhadap masalah kemiskinan yang semakin meruncing meliputi seratus sepuluh buah negara yang membangun. Penggunaan Multi-Dimensional Powerty Index

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Mencelah. Sekejap ya.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Dalam menentukan tahap dan kadar kemiskinan ini adalah lebih relevan dan bersesuaian dengan situasi ekonomi semasa berbanding penggunaan kaedah kos keperluan asas. *Cost of basic* yang digunakan pakai di dalam penentuan paras garis kemiskinan nasional. Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat duduk. (ketawa). Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, jam telah menunjukkan jam 1.00 petang, saya tangguhkan Sidang sehingga jam 2.30 petang.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

**(Dewan Disambung Semula)**

**(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Assalamualaikum dan selamat petang. Dewan disambung semula. Saya persilakan Yang Berhormat Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya menyambung pergulungan saya. Tuan Speaker, walaupun pihak pentadbiran Putrajaya melalui Jabatan Perangkaan Malaysia, menyatakan tiada insiden kemiskinan di Negeri Selangor. Namun Kerajaan Negeri Selangor tetap berpendirian untuk membantu rakyat. Oleh itu, dalam usaha meningkat hidup rakyat yang masih di dalam kitaran kemiskinan dan memberi manfaat berterusan kepada rakyat, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memperkenalkan pelbagai inisiatif. Antara inisiatif tersebut ialah program inisiatif peduli rakyat. Terdiri daripada 42 program. Ianya bersifat menyeluruh kepada semua golongan miskin dan kurang berkemampuan di Negeri Selangor, serta tidak memfokuskan golongan miskin bandar sahaja. Dengan memberi tumpuan kepada semua dimensi termasuk pendidikan, kesihatan dan taraf hidup. Pada tahun 2018, sebagai kerajaan peduli rakyat, Kerajaan Negeri memperkenalkan pelbagai inisiatif baru seperti Program Kasih Ibu Smart Selangor. Tuan Speaker, Yang Berhormat Teratai cadangkan menaikkan nilai kadar baucar program Jom Shopping daripada RM100 kepada RM200. Kerajaan Negeri melalui jawatan kuasa tetap kemiskinan mengambil maklum akan syor cadangan daripada Yang Berhormat Teratai berhubung cadangan menaikkan nilai baucar daripada RM100 kepada RM200. Bagi program pemberian bantuan secara baucar, untuk rakyat miskin bersempena perayaan atau lebih dikenali sebagai Program Jom Shopping ini. Sebagai makluman, jumlah perbelanjaan program ini pada tahun 2017, sehingga Oktober 2017, yang melibatkan nilai RM100 bagi setiap baucar adalah tinggi. Iaitu RM7.869 juta. Oleh yang demikian, cadangan untuk menaikkan nilai setiap baucar daripada RM100 kepada RM200, ini dijangka akan melibatkan implikasi kos yang lebih tinggi dan perlu diteliti semula. Tuan Speaker, Yang Berhormat Batu Tiga bangkitkan kadar kemiskinan sifar yang dicatatkan bagi Negeri Selangor. Seperti yang dinyatakan didalam laporan penyiasatan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia tidak menggambarkan keadaan situasi kemiskinan sebenar di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dengan keadaan dan situasi kemiskinan di Negeri Selangor. Seperti mana yang dinyatakan di dalam laporan penyiasatan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Had pendapatan kasar isi rumah adalah berbeza mengikut kumpulan isirumah dan Negeri. Kumpulan isirumah yang dimaksudkan di sini daripada tiga kumpulan iaitu terendah 40%, B40, dan pertengahan 40%, M40, and tertinggi, 20%, T20. Had pendapatan bagi kumpulan isi rumah terendah, 40% iaitu B40, di Negeri Selangor adalah kurang daripada RM6,180.00. Itu adalah daripada Jabatan

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Perangkaan. Mereka telah menetapkan B40 untuk Negeri Selangor adalah sebanyak RM6,180.00. Ini berbeza dengan Negeri-Negeri lain. Sebagai contoh pendapatan kumpulan, B40 di Negeri Perak adalah kurang RM3,460.00. Justeru itu antara faktor yang memperlihatkan perbezaan keadaan sebenar kemiskinan dan statistik tersebut adalah disebabkan oleh perbezaan takrifan had pendapatan isirumah mengikut Negeri dan juga kumpulan isirumah. Dalam pada itu, Batu Tiga juga cadangkan untuk menyeragamkan indikator yang standard. Iaitu syarat kelayakan yang sama bagi setiap program bantuan Kerajaan Negerijuga diambil maklum dan akan teliti semula, akan kesesuaian dan pelaksanaannya memandang had pendapatan isirumah terendah B40 di Negeri Selangor adalah terlalu tinggi iaitu kurang daripada RM6,180.00. Tuan Speaker, Yang Berhormat Permatang, telah membangkitkan isu tentang pemberian lot tanah di kawasan Sungai Yu. Walaupun kes ini, saya sebelum mulakan, saya perlu memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, dalam hal ini ada beberapa laporan polis telah pun dibuat oleh pihak pembangkang. Khususnya daripada parti pembangkang. Ada beberapa laporan polis telah dibuat. Dan juga laporan kepada SPRM telah dibuat. Saya difahamkan daripada PDRM, dan juga daripada SPRM, daripada sehingga Shah Alam, sehingga Putrajaya, telah datang pergi ke Pejabat Tanah Kuala Selangor untuk mendapat maklumat dan juga telah membawa beberapa dokumen bersama dengan mereka. Justeru itu, saya percaya kalau saya memberi...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Minta penjelasan sikit.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Tunggu la, nanti saya bagi nanti...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Pasal apa...

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Nanti dulu, saya siapkan dulu. Tunggu dulu. Saya percaya walau bagaimana pun, saya ingin memberitahu beberapa perkara ini nanti. Ya, apa nak bangkit.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih Tuan Speaker. Kalau Yang Berhormat laporkan Dewan ini, mengatakan ada laporan polis. Saya boleh terimalah. Tapi mengatakan pembangkang itu, siapa pembangkang itu. Apakah saya ataupun UMNO. Kena spesifik lah. Pembangkang itu siapa. Kalau NGO, NGO lah. Kalau individu, individulah. Jadi tak bolehlah kata pembangkang. Sebab di dalam dewan ini kami ialah pembangkang. Kalau kata UMNO, UMNO, dan saya nak minta bukti.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Nanti dulu. Okey, terima kasih kepada Permatang, Yang Berhormat Permatang, saya difahamkan sebenarnya daripada parti

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

MIC, khususnya, yang telah membuat laporan polis. Saya nak beritahu, walaupun secara detail saya tak dapat jawab. Saya pernah beritahu untuk mahkamah, apa tu, dewan yang mulia ini, bahawa perkara ini, yang utamanya, telah di..., dalam 30 tahun dahulu sebenarnya telah diwujudkan tiga lokasi tapak di Kg Sg Yu, untuk diberi milik kepada sebagai kawasan perumahan kaum Melayu, kaum cina dan kaum India. Tapak untuk orang cina selesai, tapak untuk orang Melayu selesai, tapi tapak untuk orang India tak dapat diselesaikan, tiga puluh tahun. Sebab diduduki oleh pelbagai, telah diterokai oleh pelbagai agama dan juga pelbagai kaum di situ. Mereka menduduki dan mereka tak berganjak untuk keluar daripada tapak yang diluluskan untuk kaum India. Tiga puluh tahun itu ini tak dapat diselesaikan. Memang begitu sedih sekali kita dapat. Dan satu Jawatankuasa telah ditubuhkan. Pada 2016, PTD Kuala Selangor telah selesaikan dengan cara berhemah, yang mereka rasa itu adalah, bagaimana, dan mereka juga luluskan untuk 20 orang Melayu. Ya, sebab mereka perlu selesaikan itu ini. Mereka tak boleh kata, oh, you Melayu tak boleh dapat sebab ini kawasan India. Tak ada juga. Mereka selesaikan. Tapi apa yang saya nampak adalah cara, Yang Berhormat Permatang semalam, unjurkan perkara ini, di jawapannya dia hanya menujukan kepada Kota Alam Shah. Hanya kerana saya satu-satunya EXCO India di ni. Cara beliau menujukan adalah sebagai seperti menuduh saya, diri saya, sebab saya ini India. Cara rasis yang begitu tinggi yang saya nampak daripada.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Tuan Speaker,

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : beliau sendiri...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : saya, saya tidak pernah menghujah, berhujah menggunakan berdasarkan perkataan racist. Saya nak minta Kota Alam Shah tarik balik. Hujah saya, saya mengatakan bahawa apa juga persoalan mengenai tanah ini, dalam dewan ini, dalam perbahasan ini, saya sebelum-sebelum ini, dijawab oleh Kota Alam Shah. Bukan dijawab oleh Exco-Exco yang lain. Maka itu saya mengerti itu Kota Alam Shah lah. Bukan saya katakan Yang Berhormat berbangsa India. Untuk maklumat Yang Berhormat saya tidak pernah mengeluarkan kenyataan pun daripada 175 yang diluluskan, 153 pada kaum India. Saya tak buat bantahan. Di mana-mana pun dalam kawasan saya. Sebab saya beritahu mereka. Sebab orang India itu layak. Sebab mereka tinggal di kawasan berkenaan dah berapa lama. Dan mereka ada bekas pekerja ladang, bekas pekerja estet, orang miskin, duduk menyewa memang mereka itu layak. Saya tak menggunakan perkataan racist pun. Jadi.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : kalau dah celah tu, celahlah sikit. Jangan diucap panjang lebar. Sebab ini masa saya.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Okey, baik, Tuan Speaker, saya mintalah, kalau boleh Kota Alam Shah, tarik balik, menuduh saya rasis.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Saya tetap menyatakan .... (tak dengar)

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya minta, Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Minta celah. Minta celah.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Ya.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG** : Terima kasih. Yang Berhormat Exco. Saya rasa di bawah Kanun Tanah Negara, di mana hal ehwal tanah ini terletak di bawah tangan Pihak Berkuasa Negeri yang mana dalam kes ini, saya rasa bukan di bawah tangan Exco. Jadi adakah Yang Berhormat Exco setuju, Yang Berhormat Permatang ataupun Yang Berhormat err Barisan Nasional UMNO patut dihantar untuk hadir kursus, untuk tahu Kanun Tanah Negara. Untuk dapatkan pendidikan sebelum mereka buat hujahan yang bermotif jahat dan sangkaan jahat. Terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih, Teratai. Sebenarnya saya pun hairan. Sebenarnya jawatan kuasa tanah ini letak di bawah siapa. Saya percaya ADUN yang begitu pengalaman, saya nampak, tiada nampak juga. Pendirian mereka apabila nampak pula cara. Sebab, mungkin, mungkin ini adalah cara, ini adalah apa tu, *general election* terlalu dekat hampiri. Dan cara untuk menipu, lagi satu *blue print* telah diwujudkan oleh MO1, begitu kebal daripada undang-undang. Tapi saya tak kebal. Saya nak beritahu si sini tak kebal. Ataupun kerajaan kami tak kebal. Sudah ada laporan polis, sudah ada laporan SPRM. Kami sedia disiasat. Kami akan bantu. So, segala maklumat Yang Berhormat Permatang pegang, boleh beri terus pada SPRM ataupun polis. Nanti dulu.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Peraturan tetap, peraturan tetap...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Peraturan tetap, sila.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : 36 (6), bahawa seorang itu tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat. Tadi Kota Alam Shah menyebut saya racist. Kerana seolah-olah saya menuduh, oleh kerana beliau satu-satunya Exco berbangsa India, maka saya bersifat racist. Saya nak minta Tuan Speaker buat *roling*, saya nak minta Kota Alam Shah tarik balik. Saya tidak pernah ada perkataan yang begini, dan hasrat yang sedemikian. Terima kasih.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Okey.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Tuan Speaker, saya tadi menyatakan...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Duduk kejap. Yang Berhormat duduk kejap. Berdasarkan pemerhatian dan pendengaran saya, bila mana Kota Alam Shah bercakap seolah-olah Y.B. Permatang menujukan perkara itu kepada beliau kerana beliau berbangsa India. Itu adalah satu seolah-olah kenyataan yang berbentuk racist. Kemudian seolah-olah itu dibetulkan oleh Yang Berhormat Permatang, mengatakan bahawa saya tidak bermaksud demikian. Jadi bagi saya kira selesai. Tak perlu tarik balik, sebab itu adalah satu anggapan daripada pihak Kota Alam Shah, diperjelaskan sendiri oleh Yang Berhormat Permatang..So tak ada perkara yang racist di sini. Cuma saya berharap tidak dibangkitkan ayat-ayat yang seperti itu supaya kita boleh menjelaskan di Dewan yang mulia ini, jawapan kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang semalam. Saya mohon Kota Alam Shah meneruskan bagi menjelaskan atau menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang semalam. Silakan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak berteruskan walaupun, seperti yang telah dinyatakan tadi. Daripada saya bahawa memang siasatan dibuat daripada PDRM dan juga SPRM. Dan mereka telah mengambil beberapa dokumen daripada PTD Klang, PTD Kuala Selangor. Saya hendak menerangkan secara ringkas, berkenaan tentang, saya difahamkan, melalui PTD Kuala Selangor, baru tadi bahawa, ada berlaku, tidak nafikan, berlaku pertindihan tentang, apa tu, I/C, Kad Pengenalan, nombor kad pengenalan, memang berlaku. Sebabkan kelulusan dasar MMKN yang melibatkan 175, dan juga apabila mereka serahkan jadual borang besar itu untuk dikembalikan. Sehingga hari ini hanya 135 yang dapat mengembalikan. Di mana apabila mereka sertakan maklumat berserta sesalinan kad pengenalan, mereka dapati ada perbezaan sehingga enam nama. Ada I/C no, dia. Ada berlaku perbezaan. Ini wujud. Dan PTD Kuala Selangor memang mengaku, dan mereka bersedia. Perkara sedang disiasat. Dan mereka akan hantar. Dan juga memang diberitahu kepada saya. Memang berlaku keluarga-keluarga yang belah, yang telah usahakan tapak tersebut, agak lama beberapa generasi di situ. So, maka mereka perlu untuk mengadakan satu penyesuaian antara mereka dengan memberi kepada satu keluarga yang sama beberapa lot. Ini memang berlaku dalam, dalam, jawatankuasa yang mereka telah laksanakan dahulu. Dan mereka sedia juga. Ini pun dalam siasatan. So, maka segala kenyataan mereka perlu akan dibawa dalam siasatan SPRM dan juga PDRM. Dan juga saya diberitahu tentang, sebab Permatang beritahu ada doktor yang dapat. Saya diberitahu kenapa. Saya diberitahu sebab, ada tiga generasi, mereka telah bertapak di situ dan telah mengusahakan tapak tersebut. Dan ia

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

adalah diberi ganti kepada yang telah , pengusaha dibenarkan, diberikan tapak tersebut. So, maka diberikan tapak itu kepada keluarga terdekat supaya tapak tu dapat premium, tapak tu boleh dibayar dan sebagainya. Walau bagaimanapun Tuan Speaker..

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Mohon celah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Teratai, silakan.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Bolehkah saya mencadangkan ataupun tanya Yang Berhormat Exco. Kes ini telah berlaku sejak 30 tahun yang lepas. Ramai kot Yang Berhormat Exco katakan, tanah-tanah, isu tanah ini telah melibatkan tiga generasi. Tiga generasi itu daripada nenek, ayah dan anak belum sampai cucu lagi. Jadi sebenarnya bagi pihak pembangkang dalam Dewan ini iaitu UMNO Barisan Nasional, sepatutnya berterima kasih kepada pihak kerajaan Selangor yang telah mewarisi masalah-masalah zaman mereka dan telah selesaikan masalah ini. Walaupun kemungkinan terdapat satu dua isu pentadbiran jadi bagi isu yang telah pada 30 tahun yang lepas mungkin saya hanya umur 6 tahun sahaja sampai sekarang baru diselesaikan sepatutnya pihak Pembangkang harus berterima kasih kerana bagi kalung lagi kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor atau pun Yang Berhormat EXCO pada merunding jari dan sangkaan jahat. Terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Atas input daripada Yang Berhormat Teratai, Tuan Speaker..

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Tuan Speaker, saya nak minta penjelasan sedikit.

**TUAN SPEAKER :** Sila, sila Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Yang pertama oleh kerana Yang Berhormat pun mengakui beberapa orang Doktor menerima dan dengan alasan ia generasi yang kemudian daripada keluarga dia. Saya nak tanya adakah Yang Berhormat akan menarik balik kenyataan Yang Berhormat dalam Dewan ini bertarikh sidang 3 November 2016 ni hansard Dewan yang mana Yang Berhormat sebut pendapatan pemohon tidak melebihi RM3,000 sebulan. Pada pandangan saya Doktor *more than 3,000* dengan izin. Ini apakah Yang Berhormat sedia menarik kenyataan ini atau pun mengubahnya atau pun hari ini Yang Berhormat merekodkan bahawa kes-kes tertentu boleh dipertimbangkan satu, saya minta. Yang kedua, oleh kerana Teratai sebenarnya pun tak pernah sampai ke kawasan ini. Untuk makluman Yang Berhormat Teratai ini bukan isu diwarisi. Kawasan 36 ekar ini tidak ada penduduk, tidak ada setinggan dia tanam pokok kelapa sawit, dia tanam pokok sayur-sayuran, dia kosong

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

bukan kita nak keluarkan setinggan. Isu sebenarnya menyelesaikan masalah, tak ada masalah, tanah ini ialah tanah kosong, bukan kita nak keluarkan orang dari tanah ini. Ini kawasan saya, kalau Teratai nak Sabtu boleh datang saya boleh tunjuk, jadi ini adalah pemberian.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Saya rasa, saya rasa Permatang sudah silap, salah faham lagi *confused lah* pihak Pembangkang *confused* sebab ini merupakan satu kenyataan yang *confused*

**TUAN SPEAKER :** Tak apa Teratai.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Teratai tak faham

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Yang menyebabkan keliru dalam Dewan ini saya rasa saya kena jelaskan tadi apa yang di jawab oleh Yang Berhormat EXCO ialah dulu zaman yang Barisan Nasional atas dasar dan perintah ada 3 bahagian tanah. Satu ialah untuk golongan komuniti Melayu, satu komuniti Cina dan satu komuniti India, saya rasa Yang Berhormat EXCO telah berbahasa Malaysia, mana saya dengar saya faham tetapi saya rasa kalau Yang Berhormat Permatang tak faham saya tak pasti apa bahasa lagi yang patut Yang Berhormat EXCO

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Teratai, kawasan ini tidak pernah di gazetkan pun sebagai kawasan Melayu atau Cina.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Kita dengar dalam Dewan ini

**TUAN SPEAKER :** Okay, okay cukup Teratai duduk.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Tuan Speaker, saya nak minta jawab dulu.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih saya percaya, biar, biar saya jawab. Saya telah nyatakan syarat-syarat yang telah Jawatankuasa putuskan tersebut. Juga dinyatakan hari ini bahawa apa yang sebab ini satu Doktor bukan dua, tiga Doktor. Saya difahamkan memang ganti usaha itu diberi kepada sesiapa sebab pengusaha asal itu kita tidak boleh mengecualikan semua-semua syarat dikecualikan oleh pengusaha asal. So bermaksud pengusaha asal tidak perlu mengikut syarat-syarat diletakkan tersebut. Namun begitu kita memerlukan pandangan daripada Penasihat Undang-Undang Negeri, itu memang dirujuk nanti, saya baca. Saya telah memberitahu kepada PTD Klang, Kuala Selangor saya minta saya nak Penasihat Undang-Undang Negeri supaya nasihatkan kami dan akan di usahakan nanti. Bagaimanapun saya perlu menyatakan kami tidak pernah walaupun kita selesaikan kita tak mahu kata kita bangga. Sekiranya ada ketidak ketelusan, sekiranya ada ketidak, sekiranya ada apa-apa standard, kami sedia di siasat jangan risau Yang Berhormat Permatang saya bukan MO1, saya bukan Jamal, maka

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

saya PDRM atau pun SPRM sentiasa bersedia untuk datang ke pejabat bukan sudah masuk Kuala Selangor boleh ke pejabat saya sekali pun atau pun dari mana-mana pejabat Kerajaan Negeri, kami tiada masalah itu saya nak ungkitkan dalam pada itu juga Tuan Speaker, berkenaan dengan isu ini saya telah saman *definition suit* terhadap individu yang menyatakan segala 100 nama ini saya dapat kroni seperti Amerika kata. Kes ini ditahukan di Mahkamah Tinggi, ya dalam kes ini sedang diperbicara ditentukan dalam masa terdekat. Maka saya pohon kalau isu ini masih di subjudis bukan setakat di Mahkamah Tinggi dalam PDRM siasatan telah buka, di SPRM kes telah buka sekiranya Permatang masih lagi mempunyai apa sangkaan apa-apa dokumen yang dinyatakan itu tak payah pergi ke PC menjadi hero. Dia nak buat PC sahaja

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** *Never mind* saya cakap dalam Dewan tau? .

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Bagi dokumen kepada pihak berkuasa.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Tuan Speaker, saya nak mencalar.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** *No, no* tolong bagi kepada pihak yang berkuasa.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Yang Berhormat saya cakap dalam Dewan Yang Mulia Ini, bukan cakap di luar pagar. Cakap dalam Dewan, dokumen saya kemukakan dalam Dewan. Apa ini, kalau Yang Berhormat nanti, nantikan terima kasih. Hujjah saya ucap terima kasih kepada EXCO, EXCO telus mengakui apa yang saya sebut ada kebenarannya itu sahaja yang saya nak. Bila mengakui okay kita sama-sama serahkan biar pihak berkuasa siasat yang itu saya nak, mana mengakui bukan menafikan apa yang saya sebut dan saya ada banyak lagi fakta kalau nak saya boleh tunjukkan tapi saya tidak mahu menggunakan forum ini untuk tujuan yang berkenaan. Walau bagaimanapun saya ucapkan terima kasih banyak fakta Yang Berhormat setuju dan terima pandangan saya dan saya bukan bagi tahu, saya bukan bercakap di kedai kopi, saya bercakap di dalam Dewan Yang Mulia Ini, *you read the correct Handsard* di dalam Dewan ini dan *you jangan cakap PC* itu soal no. 2. Isi pun masih dalam kawasan Dewan lagi gazet.

**TUAN SPEAKER :** Kota Alam Shah, sambung.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** So ini saya ingin nasihatkan kepada Yang Berhormat Permatang sekiranya ada sebarang dokumen saya tak kata semua saya setuju, saya hanya kata saya tidak nafikan dan adanya penjelasan daripada Pejabat Tanah Kuala Selangor berlakunya ada IC nombor apabila mereka dalam kelulusan secara dasar nama-nama yang diluluskan dan IC no dan selepas

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

mereka memperolehi borang 1 selepas kembali dengan sesalinan IC ada berlaku difahamkan sebanyak ada 6 itu sebab berlaku ke tidak samahan

- Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Bukan 6, 18
- Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Nanti dulu, nanti dulu saya kembalikan biar saya habiskan ayat u.
- Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Ah betulkan 18.
- Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Bagi saya nanti dulu
- Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Yang Berhormat 18, bukan 6.
- Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN :** Nanti dulu, itulah saya kata 40 lagi masih belum lagi hantar borang 1A, I mean borang 1A untuk maka kita tidak tahu ya Pejabat-pejabat Kuiala Selangor kita tidak perkara itu. Dengan itu Tuan Speaker, beberapa perkara yang telah disentuh Yang Berhormat sekali dalam Dewan Mulia Ini berkhusus isu yang paling banyak disentuh ialah kemiskinan. Saya percaya saya telah memberi jawapan panjang lebar, dengan itu saya mengucapkan terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Terima kasih Kota Alam Shah. Dipersilakan Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Assalamualaikum.....dan Salam Sejahtera. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Dewan Negeri yang telah mengambil bahagian dalam Perbahasan Belanjawan 2018 Negeri Selangor. Yang Berhormat Sekinchan telah mencadangkan pemberian elaun kepada golongan orang kurang upaya dan penjaga OKU. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa kini Kerajaan Negeri melalui Kebajikan Masyarakat telah pun menyediakan bantuan-bantuan berkaitan iaitu bantuan OKU tidak berupaya, bekerja sebanyak RM200 sebulan, elaun pekerja cacat sebanyak RM350 dan bantuan penjaga pesakit OKU terlantar sebanyak RM300 sebulan. Yang Berhormat Sekinchan juga mencadangkan agar pelbagai latihan dan kursus dijalankan bagi mencungkil bakat dan potensi OKU. Untuk makluman program pemulihan dalam komuniti atau PDK, pelbagai aktiviti dilaksanakan bagi melatih dan menguruskan anak-anak OKU ini supaya mereka lebih berdikari dan berdaya. Antara aktiviti yang dijalankan adalah pengurusan diri, latihan vokasional, terapi muzik, sukan dan rekreasi, pra menulis, membaca dan mengira, perkembangan bahasa, perkembangan sosial, kemahiran automobil halus dan motor kasar. Seterusnya Yang Berhormat Sekinchan juga mencadangkan agar penempatan dan peluang pekerjaan kepada golongan OKU. Untuk makluman Ahli Dewan Kerajaan Negeribaru-baruini telah melaksanakan Carnival kerjaya dan memperkasakan ekonomi golongan OKU Negeri Selangor dan menyediakan 18 majikan yang menawarkan pekerjaan secara terus kepada golongan OKU yang mencari pekerjaan. Sebanyak 27 orang OKU telah berjaya menerima tempat

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

kerja, 113 orang telah disenaraikan dalam temu duga kali kedua manakala gagal seramai 31 orang dan disenarai KIV seramai 97 orang. Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan Carnival kerjaya OKU pada tahun-tahun yang akan datang memandangkan pelbagai maklum balas positif telah diterima. Usaha pihak untuk membantu golongan orang OKU untuk mendapatkan penempatan kerja. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Anggerik, Teratai, Hulu Bernam dan Gombak Setia yang membangkitkan isu KISS atau pun Kasih Ibu Smart Selangor dan menyambut baik inisiatif terbaru ini. Program Kasih Ibu Smart Selangor ini bertujuan membantu golongan sasaran seramai 30,000 orang terutamanya golongan ibu yang berpendapatan isu rumah kurang daripada RM2,000 sebulan dan ini adalah bantuan belian beli makanan asas dan barang persekolahan anak-anak sebanyak RM200 sebulan. Menerusi KISS atau Kasih Ibu Smart Selangor Kerajaan Negeribukan sahaja telah menaikkan syarat pendapatan isi rumah daripada RM1,500 kepada RM2,000 malah telah menaikkan bantuan bulanan daripada 50.00 yang ditawarkan melalui program bantuan makanan asas *food stamp* sebelum ini kepada RM200 sebulan. Untuk makluman Gombak Setia program *food stamp* masih diteruskan tetapi dimudahkan melalui program inisiatif baru kad KISS ini. Kerajaan Negeri prihatin golongan ibu yang berpendapatan rendah, ibu tunggal mahupun wanita yang tidak berkahwin tetapi menjaga ibu bapa yang di maksudkan mereka adalah dimasukkan dalam kumpulan sasaran KISS ini. Yang Berhormat Hulu Bernam menyatakan bahawa program KISS ini meniru BRIM. Saya ingin tegaskan bahawa program KISS ini adalah jauh lebih baik dan *substantive* berbanding BRIM kerana para ibu dapat berbelanja RM200 setiap bulan sepanjang tahun berjumlah sebanyak RM2,400 setahun berbanding BRIM yang hanya RM1,200 setahun sahaja. Dan BRIM di terima oleh Ketua Keluarga atau para bapa bukannya golongan ibu jadi sering kali kita dengar gelohan para ibu apabila perbelanjaan keluarga ini tak dapat sepenuhnya kerana para bapa telah membelanjakan terdahulu jadi dengan pengenalan KISS ini Kerajaan Negeri memberi pengiktirafan dan penghormatan kepada golongan ibu untuk membuat keputusan dan mempunyai *purchasing power* dalam urusan keperluan keluarga dan anak-anak. Yang Berhormat Seri Serdang, Kuala Kubu Baharu dan Batu Tiga telah membangkitkan tentang isu PWB. Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga dengan kerjasama IWB Insyallah akan memastikan peningkatan dan penampatan program-program serta pengurusan PWB di tambah baik serta berdaing saing dan terus membantu wanita di peringkat dan akar umbi dalam memperdayakan dan pembangunan mereka. Yang Berhormat Batu Tiga mencadangkan agar setiap PWB mempunyai premis sendiri untuk makluman Batu Tiga sehingga kini sebanyak 38 buah premis atau pun Pejabat PWB telah di ujudkan di DUN masing-masing bagi kemudahan pihak penyelia PWB bekerja atau melaksanakan aktiviti masing-masing. Saya bagi pihak seluruh wanita di Negeri Selangor mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor kerana telah meluluskan

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

permohonan peruntukan tambahan kepada PWB Selangor daripada RM30,000 kepada RM50,000. Berkenaan cadangan Batu Tiga berhubung bangunan PWB berjumlah RM50,000 itu digunakan sebagai Perbelanjaan Mengurus pihak Kerajaan Negeri mengambil maklum dan akan mempertimbangkan cadangan tersebut bagi tujuan kemudahan PWB. Sehingga kini daripada bermula 2015, 2016 dan 2017 sebanyak 2,539 program telah dilaksanakan oleh para penyelia kita, PWB di seluruh Negeri Selangor iaitu pada 2015 sebanyak 753 program dengan kehadiran 30,846 orang, 2016 sebanyak 996 program dengan kehadiran 34,182 orang dan 2017 sehingga kini sebanyak 808 program dengan kehadiran 31,923 orang. Yang mana keseluruhan para wanita-wanita yang hadir dalam program PWB adalah sebanyak sejumla 96,323 orang. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada semua para Penyelia PWB di seluruh Negeri Selangor kerana telah berjaya merangka melaksanakan program-program yang memenuhi keperluan wanita di komoditi DUN masing-masing.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Minta penjelasan.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Soalan.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Oleh yang demikian melalui.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Boleh mencelah Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Silakan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan, baiknya hari ini Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Terima kasih Timbalan Speaker, naik tangga masih lelah lagi, maaf saya dengar suara Exco sebab itu yang saya lari laju daripada surau. Jadi saya ingin bertanya berkenaan dengan soalan saya kelmarin mengenai bagaimana wanita yang tidak jadi ibu tetapi dia ada menjaga kedua ibu bapa yang tua dan mungkin ada anak-anak yatim yang dijaga bagaimana sama ada termasuk dalam KISS ini.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Hulu Bernam, Hulu Bernam baru sahaja sampai, saya baru sudah menyatakan tentang perkara tersebut untuk KISS bahawa wanita-wanita yang layak ini, mengikuti program KISS ini adalah permohonan ibu-ibu yang berpendapatan rendah RM2.000 ke bawah, ibu tunggal dan juga wanita yang tidak berkahwin yang menjaga ibu bapa. Mereka ini layak di dalam kategori ini. Jadi saya sambung

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Damansara Utama.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Ok silakan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Minta penjelasan sikit, terutama sekali saya nak ucapkan tahniah kepada PWB yang membuat begitu banyak program. Apa yang saya bimbang ialah angka-angka yang diberi RM90,000 lebih, 30,000 satu tahun, adakah itu jumlah kehadiran khususnya kalau kita buat program satu 30 orang datang, program dua 30 orang tapi adakah dia orang yang sama. So kalau kita buat 30 program, 100 orang biasanya menjadi 900 orang tetapi adalah orang yang sama iaitu 30 orang sahaja. So saya nak tanya bahawa angka 31,000 itu adakah itu unik “users”, orang unik ataupun jumlah kehadiran sahaja bermakna ada “*redundant for you accounting of number of people.*”

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Damansara Utama, angka ini adalah angka kehadiran di setiap program-program PWB. Oleh sebab wanita ini bila mereka sahaja sekali datang ke program PWB, mereka ingin pergi ke untuk hadir ke program-program yang seterusnya. Namun kita juga meminta kepada para Penyelia untuk berubah-ubah kawasan atau tempat. Kalau di kampung kita minta mereka tukar ke kampung-kampung yang lain. Jadi dengan itu kita boleh mempelbagaikan lebih ramai lagi orang ataupun wanita untuk hadir ke dalam program-program PWB ini.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Soalan. Boleh saya minta pihak kerajaan untuk dapatkan anggaran pada masa hadapan supaya kita tahun pada masa hadapan “*how in pack food*” program-program kita untuk orang ramai dan bukan untuk segolongan sahaja.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Damansara Utama, kita akan mengambil maklum tentang cadangan Damansara Utama.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batu Tiga

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Timbalan Speaker, rentetan dari Kota Damansara, saya juga ingin bertanya dalam perkara yang sama, eh Kota Damansara, Damansara Utama iaitu jika benarlah program ini begitu menarik perhatian pada ramai memang benar pun ramai yang hendak datang. Apakah pihak kerajaan atau EXCO membuat satu dasar atau polisi bahawa setiap kali program yang dibuat mungkin 60% kehadiran baru dan 40% kehadiran lama? Supaya jumlah kehadiran itu tetap dimanfaatkan oleh orang-orang tertentu atau pun dengan adanya dasar ini usaha-usaha dari pihak Penyelia untuk mengembangkan atau mencari potensi-potensi wanita untuk berdaya ini. Saya harap kalau boleh ada dasar ini mudah untuk kita dapat memenuhi bahawa pengembangan kehadiran itu bukan sekadar orang yang sama tetapi ia akan sentiasa di kembang pada peserta yang baru, terima kasih.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Batu Tiga, sebenarnya kita juga telah mengumpulkan data-data kehadiran setiap wanita yang hadir dalam program PWB. Kita kumpulkan dan PWB sedang mengumpulkan data base peserta PWB ini agar kita dapat anggaran nombor yang tepat, terima kasih.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Mohon mencelah.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Apa yang dikemukakan oleh Batu Tiga, kita akan mengambil kira.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Bernam minta Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Hulu Bernam

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Sebab saya berminat tentang wanita ini, saya ingin bertanya kepada EXCOlah apakah “*outcomenya*” penghasilan daripada PWB ini di peringkat DUN dan sebagainya dan seramai manakah usahawan yang telah berjaya kerana kalau ikut PWB ini. Kita dah lama dah buat dalam Barisan Nasional kita ada Pertubuhan WI, kita ada masakan, KEMAS macam-macam tapi saya nak tenguk dalam PWB ini berapa ramaikah yang telah berjaya dan menjadi intropromo dan sebagainya, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Hulu Bernam, sebenarnya di dalam PWB ini selain daripada mengajar mereka dengan ilmu-ilmu yang “*life long learning*” ini, kita juga sedang mengenal pasti wanita-wanita yang akan kita ketengahkan produk-produk mereka melalui program pembungkusan untuk produk mereka ini “*packing*” untuk produk-produk wanita dari PWB ini. Jadi apabila kita kenal pasti produk-produk yang ada dan kita telah pun minta pada para Penyelia untuk kemukakan produk-produk yang terbaik daripada kawasan-kawasan masing-masing untuk kita angkat, untuk kita ketengahkan untuk kita teruskan bukan hanya untuk belajar-belajar di situ sahaja tetapi kita ada fasal kedua iaitu kita memperdayakan mereka untuk menjadi usahawan dan seterusnya kita akan adakan pula PW SHOP yang mana ia akan menjadi “*once stop center*” untuk produk-produk PWB dan inn shaa Allah memasarkan produk mereka. Jadi dengan itu saya teruskan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Mohon mencelah.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Belum ada jawapan lagi bagi tadi, saya tanya Timbalan Speaker saya rasa EXCO tidak jawab lagi. Berapa ramaikah yang telah berjaya terutama dah masuk pasaran dalam TESCO dalam apa pun saya ada. Kalau cakap kita sudah berapa tahun masih mengajar mereka yang sama, kehadiran yang sama kemudian balik rumah masak sekadar itu sahaja tidak guna juga. Kita nak tahu berapa ramai dan berapa “*out comenya*”.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Saya faham, ok KEMAS selama bertahun-tahun adakah KEMAS telah mengeluarkan “out come” yang disebutkan oleh Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Kita ada nanti saya tunjukkan.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** PWB baru tiga tahun kita sedang memperkembangan mereka. Jadi memang telah ada “numbers” tersebut cuma saya tidak dapat memberikan data pada petang ini sahaja, Hulu Bernam.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Ya Bukit Gasing.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya Bukit Gasing

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Kita patah balik sebelum Hulu Bernam masuk tadi, kepada apa yang diterangkan oleh EXCO berkenaan KISS dinyatakan ibu tunggal sahaja sebagaimana yang dia dapat tetapi saya ada dua masalah. Satu keluarga di mana ibu adalah warga asing, bapa rakyat Malaysia, anak rakyat Malaysia, Ibu itu warga Indonesia. Macam mana keluarga diseperti boleh tak dia memohon. Bagaimana dengan keluarga bapa yang tunggal.

**PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Ok terima kasih Bukit Gasing, untuk soalan yang pertama saya perlu bincang dengan pihak Kerajaan Negerikerana ia melibatkan warga asing dan sebagainya mungkin ia akan menjadi masalah kepada rakyat kita sendiri pun ramai yang memerlukan jadi kita perlu utamakan rakyat kita sendiri. Itu yang pertama.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Yang Berhormat EXCO, tolong faham bukan di mana bapanya warga Malaysia, anak semua warga Malaysia cuma ibunya warga asing. Cukup banyak keluarga di Malaysia adalah seperti begini, keluarga saya pun sama tapi saya tidak mohon.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Sebab itulah saya belum boleh memberikan jawapan untuk soalan pertama, untuk soalan kedua Bukit Gasing adakah kes ini boleh diberikan kepada bapa tunggal. Bagi saya bapa tunggal selalunya dia tak lama, dia cepat je akan, minta maaf sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta pencerahan, sebenarnya pandangan persepsi bapa tunggal itu tidak tahan lama itu terpulang kepada masing-masing dan dia tidak semestinya Yang Berhormat EXCO ia berdasarkan takdir.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya sokong Sekinchan.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Dan jodoh dan dia tidak semestinya tidak bertahan lama.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Mohon pencerahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kenapa Sekinchan bangun, sila Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Batu Tiga juga merasakan bahawa kita tidak boleh diskriminasi “statement” itu begitu umum, memang ada bapa-bapa tunggal yang benar-benar memerlukan bantuan daripada kita, jadi kalau boleh selain KISS kita cakap BISS juga untuk pastikan mereka juga tidak tertinggal. BISS itu bapa tunggallah . “sorry” kasih bapa macam mana nak sebut pun tak kisahlah tapi isu dia, bapa-bapa tunggal juga terutama golongan B40 ini perlu diberi perhatian, itu maksud saya.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Batu 3 yang memberikan pencerahan, ia akan kita ambil kira dan tarikh tempoh tamat untuk bapa tunggal bila mereka berkahwin semula dan kita akan berikan nama ibu atau wanita dari keluarga tersebut untuk didaftarkan dalam kes ini. Jadi terima kasih kepada Bukit Gasing jadi akhirnya untuk PWB ini saya, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan keluarga akan mengemukakan kertas cadangan kenaikan elauan para Penyelia PWB di Selangor untuk dipertimbangkan di peringkat Kerajaan Negeri Selangor. Ini atas Seri Serdang dan juga Batu Tiga yang mencadangkan agar elauan Penyelia PWB ini dipertingkatkan. Kuala Kubu Baharu dan Batu Tiga juga ada mencadangkan agar kerjasama IWB dilaksanakan satu sesi taklimat kepada semua ADUN.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, Morib minta bertanya.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Ok silakan.

**Y.B. TUAN HASNUL B. BAHARUDDIN:** Yang Berhormat EXCO terima kasih, Tuan Speaker daripada pemerhatian saya peserta-peserta PWB banyak terlibat dan juga selepas mereka menyertai PWB mereka membuat pinjaman Hijrah. Mungkin data itu tidak ditugaskan kepada Penyelia-Penyelia untuk dikutip dan didatakan. Jadi saya cadangkan supaya maklumat itu dikehendaki Penyelia menyediakan data setiap DUN berapakah peserta PWB membuat pinjaman itu Hijrah dan berapakah peserta PWB yang menjadi Usahawan itu yang pertama. Yang kedua tadi ada yang berkaitan dengan kes “full stem” maknanya kita “overlapping” dihapuskan langsung ke atau benda yang sama. Tadi penjelasan EXCO kurang jelas, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Morib, berkenaan dengan senarai nama-nama Usahawan melalui PWB dan juga mana-mana mereka yang membuat pinjaman Hijrah maka kita akan dapatkan data base mereka dan untuk makluman sehingga kini terdapat seratus satu Usahawan daripada PWB yang

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

merangkumi pelbagai kategori pembuatan makanan, kraf tangan dan perkhidmatan telah pun kita wujudkan dan berkenaan dengan KISS iaitu maaf, berkenaan dengan “*full stem*” yang mana Morib bertanya apakah ia dimansuhkan, ia bukan dimansuhkan tetapi kita tukarkan daripada kita setiap hari mengangkat beras KKM sepuluh kilo, sepuluh kilo untuk seratus peket, seribu peket pengangkat-pengangkat beras ini jadi kita mudahkan kerja tersebut supaya lebih SMART jadi kita bagi kad sahaja dan nilainya lebih tinggi. Sebelum itu RM50.00 kini RM200.00 sebulan. Jadi maknanya *food stamp* ditambah baik menjadi KISS.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta penjelasan.

**TIMBALAN SPEAKER:** Hendak bagi siapa ini? Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya minta penjelasan tentang KISS penambah baik saya alu-alukan , tapi bagaimana dengan mereka yang daif, yang miskin, yang selama ini kita pilih dekat *food stamp*. Mereka bukan perempuan ya, tidak layak untuk KISS, bagaimana kita dah tolong mereka? Jadi kalau kita batalkan *food stamp* bagaimana? Apa cara yang lain untuk tolong mereka. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Sebenarnya semua peserta-peserta daripada peserta *food stamp* boleh di *convert* kepada peserta KISS. Dan kalau sekiranya penama itu adalah lelaki dalam keluarga maka kita tukar atau namakan wanita ataupun ibu di dalam rumah tersebut untuk mendapat kad KISS ini untuk dinamakan sebagai peserta KISS ini.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Mohon mencelah. Satu saja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila. Tidak apa bagi Batu 3 dulu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** *Confuse.*

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih Timbalan Speaker. Kalau macam itu apakah kad, di manakah sebenarnya kad KISS ini boleh digunakan supaya masa berbelanja sebab apakah di kedai runcit? ataupun *hyper-hyper* market yang ditentukan oleh kerajaan?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Batu 3. Sebenarnya kad KISS ini akan digunakan di kedai-kedai ataupun di pasar raya yang telah, yang akan dikenal pasti oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya *confuse*, jawapan Yang Berhormat minta sikit pencerahan tentang Sementara tadi yang mengatakan kita akan bantu melalui KISS tapi yang *food stamp* tu peserta-pesertanya ada yang lelaki, bapa tunggal, warga tua yang kehilangan isteri pun ada. Bagaimana kita hendak gunakan kad KISS untuk bantu

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

mereka? Saya agak *confuse*. Boleh buat pencerahan yang lebih terperinci supaya ahli-ahli dewan ini faham. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Sekinchan. Untuk sekinchan masih lagi tentang bapa tunggal, jadi kita akan memberikan *consideration vision* untuk apa ini KISS yang seperti ini. Cumanya tadi Dato' Noordin suruh cepat-cepat kahwin mana-mana bapa tunggal, itu sahaja.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Tuan Speaker, saya mohon sedikit penjelasan pada EXCO. OK, saya pun sudah *confuse* juga sama dengan Sekinchan sebab...(diam) baru pertama kali saya *confuse* tau. Mulut jaga sikit. Jaga sikit mulut ya! Aaa... jangan jadi kakak tua ya. Saya *confuse* sebagaimana ini kali pertama sekali sebagaimana Sekinchan *confuse*, saya tidak cerita fasal bapa tunggal no... Saya jadi *confuse* sebab you kata EXCO kata daripada program *food stamp* you akan bagi kad KISS jadi *convert* dari pemberian *food stamp* angkat-angkat beras bagi tu so dia orang akan dapat kad. Bermakna program *food stamp* ini di *convert* ke program KISS itu maksudnya? Saya dah *confuse* cara penerangan you tidak *clear* tau!

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Duduk. Baik terima kasih Damansara, Kota Damansara. Emm... program sedia ada kita ada program *food stamp* ya dengan nilai RM50.00 dengan barangas asas beras, tepung dan segala-galanya. Yang kita berikan kepada para penerima melalui Pejabat Khidmat DUN, itulah ya... kena angkat-angkat barang, kini kita hendak mempermudahkan kita beri satu kad, kad KISS ini bernilai RM 200.00 sebulan kepada ibu-ibu ataupun wanita-wanita yang layak ini mereka boleh berbelanja RM200 sebulan di mana-mana pasar raya yang dikenal pasti yang akan dimaklumkan oleh Kerajaan Negeri.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Faham, maknanya dulu *you* bagi pada keluarga yang diterima bapanya. ketua keluarga *food stamp*. Sekarang ini dipermudahkan untuk diberi kepada ibulah! Betul? Maknanya tidak adalah pemberian baru, *is all* pemberian tetapi *convert* *you* bagi kepada ibu dalam keluarga tersebut. Betul tak? Bukan penambahan, bukan *additional* tetapi nilai tambah sahajalah! bukan *additional* pemberian maksudnya, macam itu? Kan?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Betul, pandai Kota Damansara. Ok.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Yang Berhormat Sementa.

**TIMBALAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok silakan.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat kerana memberi penjelasan, Tanjung Sepat *confuse* dan faham *food stamp* merupakan program terdahulu, sekarang ini ada program KISS

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

maknanya dia *upgrade* naik taraflah sikit daripada RM 50.00 kepada RM200.00. Baik, cumanya saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO kalau sekarang ini pelaksanaan *food stamp* adalah 100 orang setiap DUN dengan nilai setiap seorang RM50.00 bermakna itu kebiasaan kita nampak orang yang sama tetapi bagi saya sama tiada *rotate* a every 3 month kita akan *rotate* orang yang berbeza. Baik itu seorang 100 orang setiap bulan yang akan terima. Baik, untuk program KISS agak-agak jumlah yang dihadkan di peringkat DUN yang kita boleh daftarkan. Dan sekiranya itu berlaku, saya rasa orang yang pilih itu tidak boleh dipusing-pusing atau diganti dengan orang lain hanya orang tertentu yang akan dapat setiap masa. Jadi saya hendak mohon penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO bagaimana kita untuk menyampaikan hasrat Kerajaan Negeri untuk membantu golongan semua yang ada dalam untuk merasai program ini oleh seluruh peringkat?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Saya sedang hendak mengira. RM30 000.00 dibahagi 36 DUN, 500, 500 penerima setiap DUN kerana sebelum ini hanya 100 orang sahaja yang diterima setiap DUN. Jadi kita ada banyak, apa ini, aduan ramai yang ingin mendapat manfaat-manfaat tersebut, jadi kita *rotate* kan mereka. Jadi kita ada 200 nama. Jadi saya kira apabila kita ada 500 penama setiap DUN insya-Allahlah ia mencukupi untuk kita boleh melaksanakan kepada 30,000 orang ataupun atau pun 30, keluarga di seluruh Negeri Selangor. Berkennaan mekanisma dan perincian akan dibuat diberikan taklimat dalam masa yang mungkin tidak terdekat sangatlah! Mungkin beberapa, mungkin hujung tahun ini. Insya-Allah. Jadi saya ingin meneruskan perbahasan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Kuala Kubu Baharu dan Batu Tiga.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Gasing hendak

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Pencelahan terakhirlah program KISS, saya harap tidak lama sangatlah kita buat taklimat dan penyerahan kad ini memandangkan 1 Januari program ini akan bermula jadi semua kedai yang menjadi panel perlulah bersedia jauh sebelum Januari, dan semua kad ini perlu diagihkan dalam bulan Disember jadi, *certainly* program Januari ini akan lancar. Kita tidak mahu Januari tersekat-sekat tidak boleh lagi. Bukit Gasing kurang orang miskin tetapi ada juga orang miskin tapi saya prihatin Sri Andalas juga memerlukan.

**TIMBALAN SPEAKER:** Silakan EXCO.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Bukit Gasing. Insya-Allah pihak UPEN akan membuat sesi taklimat dan penerangan ini di dalam penghujung November ini, insya-Allah. Jadi saya teruskan

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Ada soalan. Sebab dibangkitkan tadi mukim Bukit Gasing mungkin tidak ramai orang miskin, menurut Bukit Gasing tadi. Jadi bagaimana kalau kawasan tidak ramai orang miskin ini adakah akan dipindahkan kuota ke kawasan yang berdekatan, bersebelahan?

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekejap.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Hendak tanya ini. Miskin lagi ke?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batang Kali duduk dulu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sebab miskin kerana GST.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Itu Timbalan Speaker saya

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sementa. Dan Yang Berhormat sekalian KISS ini perkara baru yang di bentang oleh pihak kerajaan dan EXCO menyebut akan diberi taklimat secara spesifik, saya fikir lebih baik tidak di panjang tajuk ini sehingga taklimat diberikan sebab banyak perkara yang diberikan yang kecil akan dibentangkan oleh kerajaan. Yang kedua, ketika Yang Berhormat berbahas ada juga pada hari ini dibangkitkan perkara baru yang menyukarkan EXCO untuk memberikan penjelasan saya fikir untuk berikan keadilan untuk bangkitkan perkara baru dalam soalan tambahan pada petang ini. Silakan EXCO kalau boleh ditukar tajuk lain.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Tambahan sikit. Tanya sikit sahaja.

**TIMBALAN SPEAKER:** Bagi tak bagi? Sila.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Tadi saya dengar daripada Sekinchan, miskin disebabkan GST. Jadi saya hendak tanya dalam KISS ini apakah barang-barang yang dia orang beli itu beras, minyak, kena GST? Adakah dia akan dikenakan GST ataupun kerajaan *absorb* GST dalam KISS ini?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Batang Kali. Barang-barang yang dibenarkan untuk di belanja menggunakan RM200.00 dari KISS ini adalah barang-barang keperluan, aaa..apa... barang-barang dapur , keperluan asasi dan peralatan dan GST

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Maksud saya RM200 itu nanti disebabkan GST ia menjadi RM100.00. Ini yang saya hendak cakap. Jadi kalau barang-barang itu percuma GST, Oklah! *Value* nya jadi RM200.00. Ini yang saya

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Batang Kali mana ada kedai yang tidak memberikan tidak mengenakan GST jadi.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Barang-barang yang dibeli, beras yang dibeli, minyak yang dibeli

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Boleh tak saya

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta Najib mansuhkan GST. Minta Najib mansuhkan GST.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Ini KISS hendak menggunakan duit rakyat ini RM200.00, jadi kita kata tadi disebabkan GST. So kita hendak betul-betul cakap dengan rakyat barang-barang yang diberi itu percuma GST ataupun tidak? Supaya value RM200.00 sampai kat dia betul-betul RM200.00. Ini yang kita hendak tahu?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Ok. Baiklah. Batang Kali ya. Segala-galanya dikenakan GST, semua kedai mengenakan GST. Kalau Batang Kali nak bagi kedai Batang Kali yang tiada GST kita boleh pergi kedai Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Jadi barang tadi tu beras GST.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** *Of course ada GST.*

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Ok, saya akan *check*.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Baik saya teruskan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Sampai buat pengakuan dalam dewan macam itu ya!

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sementa teruskan. Teruskan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Baik saya teruskan tentang Kerajaan Negeri dengan kerjasama IWB akan melaksanakan satu sesi taklimat kepada semua ADUN, Pejabat Daerah dan Tanah serta Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan Dasar Wanita Selangor dan Pelan Tindakan agar semua pihak berkaitan maklum akan Pelan Tindakan yang telah digariskan untuk pelaksanaan di peringkat jabatan dan agensi masing-masing. Seterusnya saya akan teruskan kepada masalah denggi yang disebutkan oleh Hulu Bernam semalam. Ya, jadi saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kepedulian dan keprihatinan yang sangat tinggi oleh Y.B. Hulu Bernam berkaitan yang mengatakan isu sampah ya, adalah penyebab kepada demam denggi ataupun penyakit denggi di Negeri Selangor. Malangnya, Hulu Bernam gagal memberikan fakta-fakta dan bukti yang lengkap bagi menyokong segala dakwaan beliau. Setakat baca angka kes tidak mencukupi. Untuk makluman Yang Berhormat isu sampah telah disepakati ya, bahawa ia bukanlah faktor utama yang menyumbang denggi di Selangor penyumbang utama kepada gejala ini adalah sikap manusia. Mesyuarat di peringkat Petugas Khas Denggi di Putrajaya yang dipengerusikan Kementerian Kesihatan Malaysia juga tidak pernah merumuskan bahawa sampah merupakan penyumbang

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

utama denggi di Selangor. Mesyuarat Tindakan Denggi Negeri juga sebulat suara menyatakan sampah bukan faktor utama. Kajian KKM yang disenaraikan *locality-locality* yang bermasalah rumah kediaman, tanah perkuburan, tanah lot kosong, tapak binaan, rumah ibadat, kompleks perniagaan termasuk tempat pembuangan sampah dan sebagainya. Ini semua jelas menyatakan peratus dijumpai pemberian aedes di *locality* yang periksa dan untuk makluman Hulu Bernam tempat pembuangan sampah hanyalah menyumbang 13% sahaja kes denggi yang mana tempat-tempat

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Boleh mencelah.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Positif tempat pemberian denggi adalah tapak bina sebanyak 47%, tanah atau lot kosong 21% dan taman rekreasi sebanyak 20% dan ke empatlah baharulah tempat pembuangan sampah 13.4%.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Saya mencelah Timbalan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Ok, yang saya dapati ini adalah kenyataan Timbalan Menteri Kesihatan Menteri yang menyatakan antara penyumbang kepada denggi adalah kegagalan pengurusan sampah dan pepejal, jadi kena akurlah perkara ini. Yang kedua, kalau dah begini caranya, kita lepas tangan, kita salahkan rakyat pula. Ini tak betul. Maksud rakyat tidak berdisiplin, rakyat tak ada mengambil tindakan yang sewajarnya jadi, Kerajaan Negeri tak boleh lepas tangan salahkan rakyat pula. Sedangkan rakyat jadi mangsa, cuba perhatikan perkara ini betul-betul EXCO ya.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Hulu Bernam. Sememangnya lah kita tidak akan berlepas tangan dan banyak program-program yang telah kita laksanakan ya, di antara PBT, kita ya, dan juga PKD (Pejabat Kesihatan Daerah) dan juga JKNS kita bekerjasama ya,

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Mohon mencelah.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Speaker, mohon mencelah.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Untuk memastikan dan untuk membuat kawalan dan juga peng..

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Membanteras.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Pencegahan ya, denggi di Negeri Selangor.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Yang Berhormat EXCO

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Kita lebih tahu bahawa nyamuk aedes itu hanya membiak di air jernih. Di kawasan yang banyak sampah, aedes di kawasan kotor, aedes tidak membiak jadi *contribution* daripada sampah tidak tinggi. Tapi saya rasa Hulu Bernam dia salah faham ni.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Saya tak *confused*.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Terima kasih Kota Anggerik.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Saya tak *confused* lagi. Saya nak jawab boleh? Boleh EXCO ya? Tak apa saya nak jawab bahawa saya tak *confused* lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat Hulu Bernam, ini sesi EXCO menjawab.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Bukan dia tuju soalan kepada saya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Tak perlu jawab, tak perlu jawab.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Tak perlu jawab?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Tak perlu jawab, tak perlu jawab. Sambung..sambung.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Saya tanya soalan pada EXCO.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Saya ingin teruskan ya. Tuan Speaker, banyak lokaliti di kawasan yang sangat bersih dan tiada isu sampah di tempat tersebut tetapi masih ada kes denggi. Ini bukti, ya, antara lokaliti saya boleh sebutkan antaranya Seksyen 8 Bandar Baru Bangi 141 hari (Ahli Dewan ketawa) dengan 83 kes, minta maaf Bangi ya, kemudian, Kampung Melayu Batu 16 Rawang 38 hari 14 kes. Ini adalah kawasan-kawasan yang bersih yang mana penduduknya memang pihak PBT telah membersihkan ya, persekitaran tiada sampah tetapi masih juga berlaku kes denggi di kawasan-kawasan yang seperti ini.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Mohon mencelah.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Yang Berhormat nak bagitau kawasan tu bersih ke Yang Berhormat?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Seterusnya, *South City Condo* ya,

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Ya, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** *South City Condo* 123 hari ya, dengan 104 kes. Putra Heights 42 hari 11 kes. *South City Plaza* 102 kes ya, 102 hari dan 44 kes.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Mohon mencelah.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Jadi ini, maknanya kawasan-kawasan bersih di Selangor ya,

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Mohon mencelah.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Tetapi berlaku juga kes denggi.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan ya, Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Terima kasih. Saya nak tanya Yang Berhormat EXCO sebab saya masih ingat terdapat ada kawasan rumah bertingkat iaitu di Desa Mentari, kes nyamuk denggi disebabkan struktur bangunan. Struktur bangunan iaitu yang telah diluluskan zaman dulu-dulu. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya jadi, bagi kes-kes denggi yang meningkat ini memang bukan kita tak salahkan rakyat tapi dari segi bangunan yang telah, contohnya tangki air yang ataupun struktur bangunan yang mengundang tempat pembiakan nyamuk dan saya perlu juga mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih saya kepada Pejabat Daerah Hulu Langat, Pejabat Daerah yang selalunya mengadakan mesyuarat mingguan untuk melaksanakan pelbagai aktiviti untuk membanteras dan memusnahkan denggi dan nyamuk dan saya juga..berharapkan..

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Tuan Speaker, nampaknya orang lain, yang ni boleh pula menjawab? EXCO ke ni?

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Saya juga berharap terdapat .. saya ingin tanyakan pendapat Y.B. EXCO sama ada Yang Berhormat di sebelah situ yang pembangkang UMNO Barisan Nasional juga turut harus hadir mesyuarat setiap minggu bersama dengan Pejabat Daerah supaya dapat pendidikan yang lebih berkenaan dengan isu nyamuk aedes ini. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ya, ya. Sekejap-sekejap Yang Berhormat. Saya sebut tadi, perkara baru yang sangat spesifik tak wajarlah Yang Berhormat bangkitkan kepada EXCO. Tak adil untuk EXCO menjawabnya. EXCO bertanggungjawab teruskanlah.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Saya perlu teruskan sebab ada panjang ya, tentang isu denggi ni. Antara faktor ya, utama Negeri Selangor mempunyai kes denggi yang tinggi selain daripada yang disebut oleh Hulu Bernam, sampah tersebut. Yang pertama kepesatan pembangunan Negeri menjadikan banyak tapak pembinaan baru diwujudkan, wujud dan ia berpotensi menjadi tempat pembibitan nyamuk aedes. Yang kedua, kepadatan penduduk ya, yang menyumbang kepada kes demam denggi yang tinggi terutamanya di kawasan bertingkat. Penduduk Selangor 6.4 juta tambahan lagi penduduk yang kita namakan *transient* iaitu orang-orang yang bekerja datang ke Selangor, para pelajar IPTA, IPTS..

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Mencelah.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Warga asing, warga-warga luar semuanya berkumpul dan bertumpu di Selangor menjadikan hampir 9 juta orang penduduk tinggal di Negeri Selangor.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Mencelah Tuan Timbalan Speaker.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Seterusnya, yang ketiga ya, kebanjiran warga asing

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Nanti dulu Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Menyumbang kepada peningkatan kes denggi. Ini disebabkan sikap tidak menjaga kebersihan dan tidak memberi kerjasama ya kepada kita. Yang keempat, sikap dan tingkah laku masyarakat setempat juga menyumbang kepada kes denggi. Sikap sambil lewa dalam memastikan kawasan persekitaran adalah bebas dari takungan sama ada di dalam atau di luar rumah sukar dikikis. Dan kelima, premis yang terbiar ataupun lot-lot kosong menjadi punca

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

pembiasaan aedes di sesuatu lokaliti wabak. Premis kosong ini dijadikan tempat pembuangan sampah oleh penduduk yang tidak bertanggungjawab. Keenam, struktur bangunan tadi seperti yang disebut oleh Teratai dan ketujuh adalah faktor cuaca. Seperti yang dinyatakan dalam ucapan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor, sebagai sebuah Negeri yang pintar, Selangor tidak sekadar mengambil pendekatan tindak balas tetapi akan menggunakan *predictive analytic* untuk meramal serangan denggi dan mengambil tindakan *preventive* untuk menangani serangan denggi ini.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Timbalan Speaker, boleh tak saya nak mcelah sikit.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Untuk makluman Hulu Bernam hasil usaha

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terpulang kepada EXCO, EXCO tak bagi tak dapatlah Yang Berhormat. Minta maaf.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** hasil usaha keras semua petugas saya ingin untuk meneruskan tiada pencelahan. Hasil usaha keras semua petugas denggi di Negeri Selangor sehingga 21 Oktober, Selangor telah berjaya menurunkan kes denggi kepada 11.6% berbanding tahun yang sama 2016. Pada yang, masa yang sama, usaha ini telah mengurangkan kes kematian sebanyak 13%. Sehingga minggu ini, jumlah lokaliti *hotspot* juga menunjukkan sehingga 4 November, Negeri Selangor kini tiada lagi lokaliti yang melebihi 100 hari dan hanya 15 lokaliti *hotspot* sahaja. Jumlah lokaliti *hotspot* ini, adalah yang terendah sejak 5 tahun kebelakangan ini. Jadi ini, saya memberikan penghargaan kepada semua para petugas denggi di seluruh Negeri Selangor yang mana mereka keluar seawal sebelum subuh untuk membuat *fogging* dan juga bekerja sehingga lewat Maghrib untuk membuat lagi *fogging* sehingga ke malam ya, kita perlu menghargai *this our hero* ini. Kadar penurunan ini, ya, menunjukkan keberkesanan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh semua pihak. Ucapan terima kasih saya ucapkan kepada pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Kesihatan Daerah dan Ahli-Ahli Dewan Negeri serta Ahli-Ahli Majlis yang turut sama menjadi Jawatankuasa Tindakan Denggi di peringkat masing-masing. Mereka-mereka ini, para petugas-petugas denggi ini telah berkorban ya, berkorban masa bekerja di subuh hari dan lewat senja demi memastikan kes demam denggi di Selangor sentiasa dalam keadaan yang terkawal. Kesungguhan Kerajaan Negeri dalam menangani kes denggi ditunjukkan dengan penyediaan peruntukan sebanyak RM5 juta untuk menampung perbelanjaan aktiviti kawalan dan pencegahan hanya Kerajaan Negeri Selangor sahaja yang

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk menangani denggi berbanding Negeri lain di Malaysia. Dan di peringkat PBT juga telah menyediakan peruntukan masing-masing bagi melaksanakan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi. Untuk tahun 2017, peruntukan untuk denggi daripada keseluruhan PBT di Selangor adalah sebanyak RM7.9 juta. Pihak Kementerian Kesihatan memperuntukkan sebanyak RM8 juta pada tahun ini bagi tujuan program pencegahan denggi di Selangor dan jumlah ini berkurangan ya, daripada tahun lepas iaitu 11.5 juta. Daripada RM8 juta, RM4 juta diperuntukkan bagi tujuan lantikan PCO yang digunakan di daerah Petaling dan Hulu Langat. Jika dibandingkan dengan peruntukan yang diperuntukkan

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Timbalan Speaker, bagi lah..mintalah saya..pencerahan sikit.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** pula bagi pihak KPCT, oleh pihak KPCT yang telah memperuntukkan hanya RM500,000.00 sahaja kepada keseluruhan PBT di Malaysia dan Selangor hanya dapat RM15,500.00 sahaja ya, untuk tujuan Program Pencegahan Denggi oleh pihak KPCT jadi, pihak KPCT janganlah nak

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Saya ingin pencerahan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** menuduh menuding jari kepada Kerajaan Negeri Selangor.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Saya ni..EXCO bagi peluang. Bagi saya peluang.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Saya ni, saya belum habis. Ya, Y.B. Hulu Bernam..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Minta habiskan dulu.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Jangan mengaitkan isu sampah sebagai punca peningkatan kes demam denggi di Selangor

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Dia kena ada isu sampah, sampah ini mana botol yang bertakung, tin yang bertakung itu tempat pembiakan denggi.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Semakan dan penelitian di peringkat Jawatankuasa Tindakan Denggi yang bermesyuarat dua (2) minggu sekali mendapat

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

bahawa terdapat kawasan yang mempunyai persekitaran yang bersih dan bebas sampah turut menjadi *hotspot* berpanjangan di Negeri Selangor.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Ok, bagi saya can. Ok.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sila Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Terima kasih. EXCO ya, kita ni bukanlah maksudnya kita nak memperjuangkan rakyat kita yang mana Selangor ni menjadi juara unggul. Nak katakan pembangunan sama dengan Wilayah juga, pembangunan juga pesat tetapi masih 7 ribu lebih dia punya kes denggi ni.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat tolong bagi soalan Yang Berhormat.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Jadi, saya nak sebut daripada 22 *hotspot*, 15 daripada Selangor ha macam mana nak dikatakan kata kurang tadi. 15. Dan saya nak tanya pada EXCO berapa jauh nyamuk aedes boleh terbang? Saya nak sebut, boleh terbang. Boleh? Mesti ada kajian berapa jauh nyamuk aedes boleh terbang untuk sampai ke mangsanya. Cuba jawab sekarang. Saya nak tahu semua itu, dan menyebabkan..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ok, cukup Yang Berhormat. Silakan

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Yang Berhormat Hulu Bernam, ya, nyamuk aedes saya tak perlu jawablah tapi saya tahu lah, nyamuk aedes boleh terbang sejauh 200m radius. Jadi, itu semua kacang (ketawa).

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Bukan masalah kacang, ini masalah rakyat. Jangan sebut macam itu EXCO. Kasihan dengan rakyat. Sikit-sikit salah masyarakat, sikit-sikit salah rakyat.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Masalah rakyat, sebab itulah Kerajaan Negeritelah berbelanja RM5 juta.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Sikap masyarakat dan sebagainya tetapi EXCO sendiri apa tindakannya? Kena betul-betul prihatin.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Hulu Bernam, kalau kita Kerajaan Negeri tidak prihatin dengan denggi ini,

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Lepas tu..

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Saya nak mencelah.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Kerajaan Negeri tidak akan berbelanja RM5 juta

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR :** Macam mana daripada 22 hotspot, 15 daripada Selangor?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya minta Yang Berhormat dengar jawapan Sementa dulu.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Ok, saya teruskan kepada isu yang lain iaitu Kad Peduli Sihat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dengkil, Sekinchan, Hulu Bernam, Morib dan Ijok. Sehingga 31 Oktober pihak *Selgate* telah menerima sebanyak 41 aduan daripada masyarakat berkaitan Skim Peduli Sihat, kategori aduan adalah :

1. Ahli tidak dijumpai dalam sistem.
2. Klinik mengenakan caj yang tinggi.
3. Kad Peduli Sihat tidak diterima oleh klinik.
4. Lain-lain.

Daripada 41 aduan yang diterima, hanya 6 aduan berkaitan klinik mengenakan caj yang tinggi. Walau bagaimanapun, semua aduan telah diselesaikan oleh pihak *Selgate*. Sekiranya terdapat klinik mengenakan caj yang berlebihan, aduan dan maklumat daripada pemegang Kad Peduli Sihat perlu, ya, dinyatakan kepada pihak *Selgate* untuk pihak *Selgate* menyemak dan membuat siasatan lanjut. Langkah-langkah untuk memastikan tiada caj berlebihan atau mekanisme anti fraud yang sedang dipantau oleh pihak *Selgate* adalah seperti berikut ,Kad pengenalan ahli dan Kad Peduli Sihat wajib dikemukakan semasa pendaftaran di klinik. Klinik akan semak dalam sistem untuk mengesahkan ahli. Ini dapat memastikan tiada penyalahgunaan kad.Sistem mampu mengehadkan caj perubatan sebanyak RM50.00 setiap kali rawatan. Ketiga klinik tidak boleh membuat tuntutan jika *charge* tidak relevan dengan diagnosis penyakit. Ini kerana setiap ubat mempunyai kod tersendiri yang diprogramkan di dalam sistem mengikut kod piawaian yang di perakui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Melalui kod ini sistem hendaklah dapat menentukan julat harga setiap diagnosis selain daripada itu setiap diagnosis dari klinik juga adalah berdasarkan kod piawai ICD Ten yang dapat menentukan jenis ubat bagi penyakit tersebut. Yang keempat pengesahan penggunaan yang kerap atau lebih daripada dua kali seminggu untuk setiap ahli dapat

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

memastikan yang tiada penyalahgunaan kad. Yang kelima pihak Selgate akan membuat audit secara ambang bagi menyemak dan memantau dari masa ke semasa *charge* dan tuntutan daripada pihak klinik serta keenam unit tuntutan Selgate dapat mengesan tuntutan yang mencurigakan melalui lima kriteria iaitu nama pesakit, tarikh dan masa rawatan, nama klinik, diagnosis dan *charge* ubat. Tuntutan yang mencurigakan seperti *double submision* atau tuntutan yang berunsurkan penipuan dapat dikesan melalui notifikasi daripada sistem yang akan disemak oleh pegawai unit Selgate. Sebenarnya untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Selgate juga ataupun Kad Peduli Sihat ini juga dipanjangkan untuk rawatan pergigian dan klinik-klinik pergigian adalah dijemput untuk turut serta untuk menjadi panel kepada Skim Peduli Sihat Negeri Selangor ini kerana kita maklum rawatan pergigian juga amat diperlukan dan juga sangat tinggi ketika ini. Seterusnya saya, ADUN Tanjung Sepat untuk membangkitkan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Diminta Yang Berhormat pendekkan. Pendekkan. Teruskan tapi pendekkan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Seterusnya ADUN Tanjung Sepat bertanyakan tentang Pusat Dialisis Rakyat yang mana kita ada lima Pusat Dialisis Rakyat yang sedia ada dan beroperasi mulai 2015 iaitu Pusat Dialisis Ampang, Pusat Dialisis Rakyat Taman Medan, Pusat Dialisis Rakyat Lembah Keramat, Pusat Dialisis Rakyat Sementa dan Pusat Dialisis Rakyat Seri Muda. Namun bermula tahun 2015 Kerajaan Negeri meneruskan program ini dengan Program panel Dialisis Sihat Selangor dengan bekerja sama dengan pusat rawatan yang berdaftar dengan Pihak Kesihatan Negeri Selangor menjadi panel dialisis. Panel dialisis ini akan memberi rawatan kepada pesakit dengan kos rawatan sebahagiannya ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Setakat ini terdapat 72 panel dialisis yang bekerja sama dengan pihak Kerajaan Negeri seluruh Negeri Selangor dan juga kawasan yang persempadanan. Kerajaan Negeri berpandangan model pelaksanaan sedia ada adalah yang terbaik dan ia akan dikekalkan.

**Y.B. TUAN IR HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN** : Berkaitan Kerajaan Negeri berhasrat untuk membayai sebahagian daripada kos dialisis ini, agak-agak berapakah jumlah ataupun *quantum* yang akan disyorkan.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Ia adalah sebanyak RM5,000 maksimum. Seterusnya saya teruskan kepada Ijok tentang Inisiatif Kesihatan Kepada Kaum Lelaki. Untuk makluman Yang Berhormat melalui Program Saringan Sihat Selangor yang dilaksanakan oleh Pihak Kerajaan Negeri berserta lelaki dan perempuan boleh menjalani empat jenis pemeriksaan iaitu ujian profil lipid, ujian glukosa, ujian fungsi ginjal dan ujian fungsi hati. Selain itu turut memberikan pemeriksaan percuma khusus untuk kaum lelaki iaitu pemeriksaan kanser prostat melalui prostat spesifik

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

antigen PSA kepada lelaki berusia 35 tahun ke atas dan akhirnya Teratai mencadangkan untuk mewujudkan e-klinik termasuk nasihat melalui Internet bagi pesakit ataupun orang-orang yang mempunyai kesihatan mental. Y.B. Teratai, Kerajaan Negeri mengambil maklum cadangan ini dan akan dipertimbangkan dalam pelaksanaan yang akan datang, sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih Sementa. Saya mempersilakan Yang Berhormat Bukit Antarabangsa.

**Y.A.B. DATO MENTERI BESAR** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya mengucapkan terima kasih kepada 30 orang Ahli-ahli Dewan Negeri yang telah menyertai dan mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2018 Negeri Selangor. Seperti biasa ada perbahasan yang mantap dengan hujah-hujah yang bernalas dengan objektif untuk bersama-sama membangunkan Negeri. Ada juga yang mengambil peluang untuk menyinggung dan meremehkan usaha murni Kerajaan Negeri. Tidak kurang juga ada yang berseloka dan berjenaka untuk menghidupkan suasana Dewan. Saya menyambut baik semua saranan dan pandangan dan insyaallah pentadbiran Negeri akan memberikan perhatian untuk menterjemahkan idea-idea yang baik ini dalam bentuk program demi kesejahteraan rakyat Negeri Selangor. Saya gembira apabila mendengar Yang Berhormat Sabak dan beberapa Ahli Yang Berhormat mengupas Prinsip Fastabikul Khoirot iaitu prinsip yang mendasari Belanjawan 2018. Perintah Allah S.W.T kepada hambanya agar berlumba-lumba melakukan kebaikan perlu dihayati dan diamalkan dalam masyarakat yang menghadapi cabaran kepelbagaian. Masyarakat Selangor majmuk daripada segi kaum, agama, bahasa dan kebudayaan dalam sistem demokrasi yang subur kita berdepan dengan proses dan suasana yang riuh seperti yang disebutkan oleh Barack Obama "*Democracy is the noise process*". Namun sekiranya kita mendakap Prinsip Fastabikul Khoirot maka kepelbagaian akan menjadi aset di mana *competitive energy* atau semangat persaingan dan berlumba-lumba akan meningkatkan keseluruhan kebaikan. Melalui Fastabikul Khoirot kita dapat merealisasikan Konsep Rahmatan Lil Alamin seperti yang diungkapkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang. Ini adalah kerana perlumbaan untuk kebaikan akan menjurus kepada Maqashid Insaniah matlamat tinggi Bani Adam untuk mencapai keadilan, kesejahteraan dan kemakmuran. Beberapa Ahli Yang Berhormat pembangkang mempersoalkan Belanjawan Defisit yang dibentangkan oleh Kerajaan Negerisebanyak empat kali berturut-turut. Belanjawan Negeri Selangor tahun 2018 telah direncanakan dengan penuh teliti, cermat, *diligent* dan bertanggungjawab untuk memenuhi aspirasi rakyat. Saya ingin berhujah sekali lagi di dalam Dewan yang mulia ini seperti yang telah saya tegaskan dalam pembentangan Belanjawan 2016 bahawa pentadbiran hari ini mempertahankan disiplin *fiscal* dan mengamalkan pengurusan kewangan berhemah dengan memelihara tiga cabang utama prinsip kebertanggungjawaban iaitu *ex uncountability* kedua *concurrent*

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

*accountability* dan ketiga *expose accountability*. Tuan Speaker Belanjawan mesti dirancang dengan rapi mengikut keutamaan dasar dan unjuran yang bertanggungjawab dan ini merupakan satu cabaran yang amat besar bagi sesebuah kerajaan sama ada di peringkat pusat maupun di peringkat Negeri untuk menentukan keutamaan. Kemudiannya fasa yang kedua adalah pemantauan ke atas proses pelaksanaan dan yang terpenting sekali ialah *expose accountability* di mana Dewan Negeri ini mempunyai keabsahan ataupun *legitimacy* untuk memastikan pelaksanaan belanjawan dibuat secara berhemah dan pencapaian yang produktif. Saya juga pernah berhujah di dalam Dewan ini tatkala membentangkan Belanjawan 2017 bahawa pembentangan Belanjawan Defisit mencerminkan sikap jujur dan disiplin fiskal Kerajaan Negeri dalam membuat perancangan. Saya tuntas mempertahankan prinsip ini ketika pembentangan Belanjawan 2018 minggu lalu di mana saya menegaskan bahawa Belanjawan Defisit yang dibentangkan adalah bertujuan menyediakan peruntukan pembangunan yang substantif untuk memenuhi keperluan pembangunan yang mampan. Justeru itu, Dewan yang mulia ini menyaksikan Belanjawan 2018 Negeri Selangor adalah untuk menyediakan sejumlah wang yang mewakili 53.2% daripada jumlah belanjawan untuk belanja pembangunan dan sekali gus menguncupkan belanja mengurus kepada 46.8%. Ini adalah defisit yang berhemah untuk melonjakkan lagi pembangunan. Pembangunan yang dibiayai melalui defisit ini akan menjana pertumbuhan dan akan menyumbang kepada ekonomi Malaysia keseluruhannya. Penting untuk saya tegaskan sekali lagi bahawa defisit untuk pembangunan adalah amat berbeza dengan defisit yang bertujuan untuk membiayai belanja mengurus seperti yang amalkan oleh Putrajaya. Pengalaman tiga belanjawan yang lalu membuktikan belanjawan perbelanjaan yang berhemah memperkuuhkan budaya kerja cekap dan berintegriti dan menutup ruang pembaziran serta ketirisan telah berjaya mengubah Belanjawan Defisit kepada belanjawan berimbang dan mengurangkan Belanjawan Defisit kepada satu jumlah yang munasabah. Sebagai contoh Tuan Speaker belanjawan yang saya bentangkan pada tahun 2015 adalah bersifat Belanjawan Defisit berjumlah 452.5 juta ringgit. Namun belanjawan sebenar tahun 2015 berubah menjadi suplies dengan mencatatkan lebihan sebanyak 232.75 juta ringgit. Bagi tahun 2016 defisit yang diunjurkan berjumlah 630 juta ringgit telah berkurang kepada 264.02 juta ringgit sahaja. Manakala bagi tahun 2017 defisit yang diunjurkan berjumlah 900 juta ringgit namun sehingga 31 Oktober 2017 belanjawan masih mencatat lebihan sebanyak 178.2 juta ringgit. Defisit yang dikemukakan bukan bertujuan untuk menampung perbelanjaan mengurus tetapi Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada pelaksanaan program dan projek pembangunan. Dalam hal ini Kerajaan Negeri berupaya untuk membiayai defisit yang dibentangkan berdasarkan keadaan semasa rizab Negeri yang kukuh dan yang paling utama tidak meminjam dari mana-mana pihak untuk membiayai defisit tersebut. Hari ini Tuan Speaker, Selangor masih kekal sebagai penyumbang nombor nombor wahid kepada KDNK Malaysia dengan jumlah 251.6 bilion ringgit atau 22.7% dalam tahun

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

2016 dan ini menyaksikan peningkatan sebanyak 11.6 bilion ringgit pada tahun 2015. Sekiranya Kerajaan Persekutuan berpegang kepada prinsip Federalisma dan memulangkan kembali sejumlah dana yang adil pada Negeri Selangor saya yakin Belanjawan Negeri Selangor akan menterjemahkan lebih banyak pembangunan untuk rakyat Negeri ini. Yang Berhormat Tuan Speaker saya ingin respons kepada beberapa perkara yang dibangkitkan Yang Berhormat Batang Kali yang mewakili rakan-rakan beliau kerana mereka tidak berupaya menonjolkan seorang ketua pembangkang. Yang Berhormat Batang Kali telah bertanya mengapa Kerajaan Negeri tidak mengisyiharkan wang MARIS.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Tuan Speaker boleh minta penjelasan sikit.

**Y.A.B. DATO MENTERI BESAR** : Belum masuk.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Yang tadi sikit.

**Y.A.B. DATO MENTERI BESAR** : Oh yang tadi.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Terima kasih Yang Berhormat Menteri Besar. Tadi ada menyebut bagaimana *contribution* yang dibuat oleh bukan Kerajaan Negeri demi Negeri Selangor kepada KDNK yang disebut sebagai 21% atau 22% yang diminta di kembali kepada Kerajaan Negeri Selangor. Saya hendak bertanya apakah sebenarnya kaedah yang diperlukan supaya wang itu boleh dikembalikan sebab apa sahaja yang tertakluk kepada Perlembagaan termasuk duit MARIS termasuk perkara-perkara yang di dalam Perlembagaan semuanya dipulangkan kepada tiap-tiap Negeri termasuk Negeri Selangor. Malahan dalam istilah Penstrukturran Air Selangor pun hampir beberapa bilion dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan apa sebenarnya yang tidak kena. Saya nak berdasarkan Perlembagaan bukan macam bapa bagi anak boleh bagi terus macam itu. Mesti ada kaedah dan juga Perlembagaan yang membolehkan yang mana Perlembagaan yang tidak dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dalam pemberian ini.

**Y.A.B. DATO MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Permatang saya bersetuju bahawa sebarang kaedah mesti berpegang kepada Perlembagaan tetapi Perlembagaan ini digubal puluhan tahun dahulu sebelum sumbangan Kerajaan Negeri Selangor kepada Federal mencatatkan satu jumlah yang besar Perlembagaan kita boleh pinda sebab itu dalam perbahasan saya di Parlimen saya menggesa supaya Kerajaan Persekutuan mempertahankan Prinsip Federalisma dan memperkenalkan satu kaedah yang lebih adil kepada Negeri Selangor dan saya sebut pada ketika itu dalam Parlimen dengan Yang Berhormat Dato' Sri Mustapha bin Mohamed bahawa sekiranya Kerajaan Negeri menyumbang 251.6 bilion ringgit kepada Kerajaan Persekutuan saya tidak berhasrat untuk mendapatkan keseluruhannya kembali kerana

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

saya tahu Kerajaan Persekutuan juga mempunyai tanggungjawab untuk membantu Negeri-Negeri yang lain. Yang kurang, prestasinya kerana diperintah oleh UMNO dan Barisan Nasional. Jadi saya tidak, tidak teragak-agak untuk membenarkan sebahagian daripada sumbangan Negeri Selangor dan Negeri Pulau Pinang untuk membantu Negeri-Negeri UMNO dan Barisan Nasional. Tetapi jumlah yang dipulangkan balik itu biarlah adil dari segi *quantumnya* supaya kita dapat meraikan sumbangan besar rakyat Negeri Selangor yang bekerja kuat untuk mempertahankan ekonomi Malaysia pada hari ini. Itu sahaja. Soal kaedah soal *quantum* kita boleh bincang secara baik demi kepentingan negara dan juga Negeri Selangor. Sebab kalau kita keluarkan jumlah yang disumbangkan oleh Negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan prestasi Malaysia lebih parah daripada apa yang dicatatkan pada hari ini. Kedudukan ekonomi Malaysia hari ini sedikit baik kerana kejayaan Negeri Selangor menyumbangkan kepada Putrajaya.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Y.A.B mencelah sedikit.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Batang Kali.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Saya terpikat dengan kata-kata YAB tadi bahwasanya kalau tak ada sumbangan daripada Selangor lebih parah lagi prestasi kerajaan pusat, agak-agaknya daripada lebih kurang 21 ke 25 percent apa itu dia punya peningkatan tu, berapa *percent* agak-agaknya betul-betul kalau kerajaan pusat tarik baliklah fiskal *development* dalam Negeri Selangor ni, tak ada port, tak ada airport, tak ada hospital, tak ada cikgu, agak-agak berapa *percent contribution* Negeri Selangor ini?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Well, kita kena dapat penjelasan daripada Batang Kali kalau begitu kita musnahkan dulu KLIA, kita musnahkan dulu port dan baru kita tengok.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Kita nak berlaku adil, bila kita nak berlaku adil kita kena adil dalam segala-galanya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Untuk melihat bagaimana prinsip adil itu dapat diterjemahkan, kita tunggu dalam PRU yang ke-14, insyaallah apabila pakatan berada di Putrajaya kita akan menterjemahkan satu modul yang cukup adil dan saksama kepada semua Negeri dan negara ini. Tuan Speaker, Y.B. Batang Kali telah bertanya kenapa Kerajaan Negeri tidak mengisyiharkan wang MARRIS dan akaun bukan hasil Kerajaan Negeri tidak merekodkan penerimaan wang MARRIS sedangkan Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan MARRIS. Apabila Batang Kali melontarkan dakwaan yang tidak berdasas ini media-media yang menjadi milik UMNO dan Barisan

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Nasional memaparkan seolah-olah kita tidak jujur dalam mengemukakan satu dokumen di dalam Dewan Negeri ini. Jadi saya berharap Y.B. Batang Kali selepas ini dapat bertemu dengan rakan-rakan Y.B. yang memiliki media-media di luar sana supaya melaporkan perkara yang betul. Untuk makluman ...

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** YAB minta mcelah sedikit

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Nanti saya belum menjawab, macam mana nak mcelah. Untuk makluman Batang kali kerajaan Negeri, tidak mengisyiharkan pemberian MARRIS daripada kerajaan persekutuan seperti yang didakwa itu adalah tidak berasas. Terimaan MARRIS sebelum tahun 2013 telah diperakaunkan ke dalam akaun hasil disatukan Negeri. Namun keputusan mesyuarat majlis kewangan negara pada 2 Ogos 2012 untuk makluman Kota Damansara juga yang terpegun mendengar hujah saya, Mesyuarat Majlis Kewangan Negara telah memutuskan supaya semua Kerajaan Negerimenu buhkan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Di Bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Oleh yang demikian terimaan MARRIS selepas tahun 2012 disalurkan terus ke dalam akaun amanah MARRIS dan ianya tidak menjadi sebahagian dari Rang Undang-Undang Perbekalan. Walau bagaimanapun dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2016 yang telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara telah menzahirkan baki akaun amanah MARRIS pada 31 Disember 2015 dan 31 Disember 2016 masing-masing berjumlah RM526.9 juta dan RM370.6 juta. Penyata kewangan ini telah pun diberikan sijil bersih oleh ketua audit negara pada 26 Mei 2017.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Nak minta penjelasan sikit. Sebenarnya saya tidak mempertikaikan penyata kewangan Kerajaan Negeri 2016. Memang ada MARRIS, yang nak saya memperkatakan ialah membentangkan anggaran bajet. Unjuran kita, di mana pendapatan kita, tidak dimaklumkan, unjuran kita sedangkan dalam ini dilaporkan. Itu satu dalam ini tiada. Dalam unjuran kita tidak ada. Kosong, okay *fine*. Lepas itu dalam 82355 sebelum ralat ini, ini yang menimbulkan kekeliruan. Bila datang ralat ini, bila saya bangkitkan pada hari tersebut kenapa tiba-tiba ada *figure* di situ. Bila, sebab baca tu yang kita tengok itu tiba-tiba ada RM3 juta, RM2 juta. Jadi bila ralat itu keluar besok, barulah kita faham. Oh rupanya ada *adjustment* dibuat ada kesilapan pencetakan, bila timbul kesilapan.

**TUAN SPEAKER :** Minta maaf Batang Kali. Batang Kali duduk kejap. Duduk sekejap, saya nak maklumkan dewan bahawa ralat yang dikemukakan ini adalah arahan speaker untuk diperbetulkan. Dia bukan satu yang terbit daripada kerajaan. Kesilapan catatan di situ. Saya harap tidak ada, Y.B. boleh menegur tetapi tidak boleh membuat satu tohahan bahawa dia dibuat setelah Y.B. berucap dalam dewan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Saya cuba menjelaskan kepada YAB Menteri yang saya bangkitkan itu ekoran dari beberapa kecacatan daripada buku anggaran bajet kita. Ini yang saya nak timbulkan sama ada ralat ini ekoran daripada nak dibetulkan ataupun tidak, saya itu terpulang kepada kerajaan Negeri. Itu yang saya nak cakap, kalau betul, betul, kalau tidak cakap tidak. Itu je.

**YAB. DATO' MENTERI BESAR :** Cuma yang saya nak tegaskan di sini kecacatan itu bukan terbit daripada sikap Kerajaan Negeriuntuk menyorokkan mana-mana fakta. Itu hanya percetakan tetapi saya telah tegaskan tadi terimaan MARRIS ini semenjak 2012 dimasukkan terus dalam akaun amanah dan bukan lagi akaun hasil Negeri yang disatukan. Jadi itu tolong perbetulkan, bukan niat kita untuk menyorokkan mana-mana fakta. Kita tidak boleh masukkan dalam akaun hasil Negeri yang disatukan kerana keputusan majlis kewangan negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri menetapkan bahawa mesti wujud satu Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri Di Bawah Seksyen 10A, 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Yang kedua, Y.B. Batang Kali juga mendakwa bahawa projek cerapan jalan kampung yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeridibayai menggunakan peruntukan MARRIS sedangkan peruntukan ini seolah-olahnya hanya untuk pembaikan jalan raya Negeri sahaja. Y.B. Batang kali berdasarkan perenggan 5 garis panduan MARRIS yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, jalan Negeri di tafsirkan sebagai mana-mana jalan awam selain jalan persekutuan dan mana-mana jalan lain selain jalan persekutuan yang boleh dilalui oleh orang ramai. Ini definisi yang diberikan oleh Kementerian Kewangan, maka jalan-jalan kampung turut ditafsirkan sebagai jalan Negeri. Sehubungan dengan itu Kerajaan Negeritelah menjalankan projek cerapan jalan kampung, bagi memastikan jalan-jalan ini diambil kira dalam program penyelenggaraan tahunan Negeri menggunakan peruntukan MARRIS. Persoalan saya kepada Y.B. Batang Kali, apakah Y.B. Batang Kali tidak setuju dengan usaha gigih Kerajaan Negeriuntuk membaik pulih jalan-jalan kampung termasuk di kawasan Batang Kali. Kalau Y.B. tidak setuju, beritahu dengan saya supaya saya boleh beritahu dengan rakyat Batang Kali yang tak setuju baiki jalan ini adalah ahli Y.B. Batang Kali. Saya ini bekerja kuat dengan rakan-rakan untuk meyakinkan Kementerian Kewangan bahawa jalan kampung ini termaktub dalam garis panduan. Maka kita boleh gunakan peruntukan itu secara telus bagi membaiki jalan-jalan kampung termasuk di dalam Batang Kali. Jangan jeling pada Kota Damansara, dia tak ada kampung.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Cela, ada. Menteri Besar ada. Kampung Melayu Subang dan Kampung Melayu Subang Tambahan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Nak tak peruntukan baiki jalan.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Hendak. Tapi, duit tu sebenarnya daripada duit persekutuan, janganlah nak berlagak.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER** : Y.B. Dengkil minta.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Minta penjelasan. Pasal MARRIS juga, pasal MARRIS. Terima kasih di atas penjelasan YAB Menteri Besar berkenaan dengan wang MARRIS ni. Saya bersetuju tadi Menteri Besar mengatakan bahawa ada kesilapan dari segi pentadbiran *technicality* berkenaan dengan bukti-bukti anggaran yang dikeluarkan dan sebab itu dikeluarkan ralat. Saya ingin bertanya pandangan Menteri Besar sendiri sebab yang kita bincangkan selama ini ialah buku anggaran perbelanjaan orang kata ini buku bajet. Buku bajet inilah yang nanti nak kita luluskan dan kemudian saya nak bandingkan kalau di peringkat parlimen buku bajet ini diluluskan di Dewan Rakyat, kemudian diluluskan di Dewan Negara, sebelum diwartakan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Agong sendiri yang mewartakannya begitu besar dan hebatnya nilai buku bajet ini. Nantilah dulu saya bagi, nak minta pandangan Menteri Besar dulu, jadi saya nak bagi..

**TUAN SPEAKER** : Jadi soalannya apa.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Saya nak tanya Menteri Besar, kalau di peringkat Negeri, kita tidak membincangkan penyata kewangan, kumpulan wang ini dia masukkan dalam penyata kewangan tapi boleh tak kalau pada masa hadapan. Sebab dah ada VOT, butiran anggaran hasil pemberian penyelenggaraan jalan raya Negeri. Bila dah ralat keluar semua kosong. Maknanya dah dimasukkan penyata kewangan tetapi di Negeri-Negeri lain dimasukkan dalam buku bajet. Jadi boleh tak Negeri Selangor buat pembetulan supaya kita masukkan dalam buku anggaran bajet bukan dalam penyata kewangan. Penyata kewangan itu membincangkan *past history*, kita membincangkan unjuran untuk tahun 2018. Jadi saya minta pandangan Menteri Besar supaya kalau kita ada kesilapan teknikal sedikit, kita boleh betulkan di masa hadapan. Terima kasih.

**Y.A.B DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Saya nak tegaskan sekali lagi Y.B. Dengkil, jangan beri gambaran seolah-olah kesilapan itu dari segi angka ataupun jumlah ataupun peruntukan. Tidak. Kesilapan percetakan itu hanya dia punya

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

*allignment itu, spacing itu lari sedikit.* Bukan angka, bukan jumlah. Jangan cuba mengelirukan. Nanti saya jawab dulu, saya dengar dengan sabar tadi. Y.B. Dengkil boleh mengelirukan Utusan Malaysia tak mengapa. Tapi jangan mengelirukan dewan yang mulia ini. Ok. Angka tetap sama ya, tetapi seperti yang telah dijelaskan oleh Y.B. Pelabuhan Klang semalam. Itu saya ucapkan terima kasih kepada Y.B. Pelabuhan Klang setelah dia membantu memberikan penjelasan. Bahawa terimaan MARRIS tidak boleh masuk dalam akaun hasil Negeri yang disatukan kerana telah wujud satu tabung amanah atas keputusan Majlis Kewangan Negara. Itu yang pertama. Yang keduanya kalau ada Negeri yang memasukkan dalam akaun hasil Negeri disatukan kerana seperti yang dinyatakan oleh Pelabuhan Klang semalam ada beberapa Negeri yang tidak menggunakan terimaan MARRIS bagi penyelenggaraan jalan. Ada Negeri yang menggunakan terimaan MARRIS untuk bayar gaji kepada anggota perkhidmatan awam. Ini Negeri-Negeri yang ditadbir oleh UMNO dan Barisan Nasional. Tetapi Negeri Selangor tidak akan membenarkan satu sen pun daripada terimaan MARRIS untuk membayar gaji anggota perkhidmatan awam.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Alhamdulillah saya nak celah sikit.

**Y.A.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Jadi, terima kasih saya nak beredar panjang lagi Y.B. Batang Kali.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Minta maaf Y.A.B.

**Y.A.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Perkara yang ketiga.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Y.A.B minta maaf saya minta YAB duduk sekejap.

**YAB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Ok.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, kita punya urusan masih belum selesai. Kita memerlukan tambahan masa. Saya mempersilakan YAB untuk membuatkan usul.

**Y.A.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Ok. Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa suatu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahwasanya dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah dilanjutkan sehingga selesai penggulungan daripada pihak kerajaan pada hari ini.

**Y.B. DATO' THENG CHANG KIM** : Speaker saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya, yang tidak katakan tidak. Usul dipersetujui. Saya mohon YAB sambung.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.A.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI** : Perkara yang ketiga yang dibangkitkan oleh Y.B. Batang Kali ialah mengapa anggaran hasil Negeri pada tahun 2018 dianggarkan lebih rendah. Untuk makluman Y.B. Batang Kali saya ingin jelaskan bahawa anggaran hasil bagi tahun 2018 adalah rendah kerana Kerajaan Negeri menjangkakan hasil premium tanah melalui pengeluaran Notis 5A, iaitu notis pemberimilikan tanah dan 7G notis pertukaran syarat tanah berkurangan jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Kesan daripada keadaan ekonomi yang mencabar. Biarpun anggaran hasil diunjurkan rendah daripada tahun sebelumnya. Namun anggaran perbelanjaan yang dibentangkan adalah disesuaikan dengan anggaran hasil yang akan diterima serta mengambil kira rizab semasa yang boleh dimanfaatkan untuk menampung pelaksanaan program pembangunan. Sukacita saya tegaskan bahawa belanjawan Negeri Selangor tahun 2018 telah direncanakan dengan penuh teliti dan cermat dan bertanggungjawab serta berorientasikan rakyat dengan penggunaan sumber Negeri secara optimum. Fokus dan tumpuan khas tetap diberikan kepada pendidikan kemahiran, kesihatan serta pembangunan sosioekonomi rakyat yang menjadi teras kepada dasar peduli rakyat. Belanjawan ini juga dapat mengimbangi kadar pengangguran serta kos sara hidup rakyat yang semakin meningkat, kesan daripada pelaksanaan GST. Y.B. Sungai Panjang membangkitkan soal apakah pendapatan baru Kerajaan Negeri dijangka dalam jangka masa panjang. Antara strategi dan fokus Kerajaan Negeri yang telah dan akan dilaksanakan untuk menjana sumber pendapatan baru adalah, pertama menaik taraf kawasan sebagai bandar ataupun pekan ataupun seterusnya diwartakan mengikut Seksyen 11(c)(a) dan Seksyen 11 (d) Kanun Tanah Negara 1965. Hasil Kerajaan Negeri akan meningkat kerana sebahagian besar kawasan yang terlibat adalah kawasan industri dan bangunan di mana cukai yang dikenakan ketika ini adalah kadar tanah luar bandar. Kedua pelaksanaan kadar cukai petak dan pengenaan fee cukai petak bagi pembangunan berstrata ke atas Kaedah-Kaedah Hakmilik Strata Negeri Selangor selaras dengan pindaan Akta Hakmilik Strata Pindaan 2016. Bagi semua daerah di Negeri Selangor yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2018. Yang ketiga pemberimilikan tanah kerajaan secara tender terbuka yang telah dilaksanakan melalui Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil.3/2016 bagi tanah-tanah kerajaan yang berpotensi untuk dibangunkan. Keempat pajakan tanah kerajaan bagi tujuan tertentu dengan tempoh pajakan maksimum selama 21 tahun dengan kadar pajakan dan sewaan tanah yang ditetapkan dan yang kelima pelaksanaan dasar baru berkaitan pembangunan berorientasikan infrastruktur awam di Negeri Selangor yang melibatkan pembangunan di kawasan berinfrastruktur awam seperti perkhidmatan transit dan sebagainya. Di antaranya meningkatkan kepadatan unit rumah di kawasan T.O.D. Kerajaan Negeri yakin dengan pembangunan yang pesat dan berterusan, hasil yang didapati daripada sumber yang disebutkan masih dapat memberikan pulangan yang utama dalam jangka masa panjang. Di samping sentiasa berusaha mewujudkan sumber baru

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

berkaitan tanah bagi kelangsungan penjanaan hasil Negeri. Y.B. Damansara Utama bertanyakan mengapakah kutipan cukai parit dan tali air dan juga pulang balik perbelanjaan lebih rendah daripada anggaran. Untuk makluman Y.B., kutipan hasil cukai parit dan tali air sehingga 31 Disember 2016 adalah berjumlah RM21.46 juta berbanding anggaran tahun 2016 berjumlah RM33.13 juta. Pencapaian ini kerana pembangunan yang dilaksanakan tidak berskala besar. Menyebabkan penurunan kutipan sebenar cukai parit dan tali air. Ini juga disebabkan faktor keadaan ekonomi semasa yang tidak memberangsangkan dan mempengaruhi bekalan dan permintaan harta tanah. Manakala kutipan pulang balik perbelanjaan sehingga 31 Disember 2016 adalah berjumlah RM19.9 juta berbanding dengan anggaran 2016 berjumlah RM40.3 juta. Butir-butir pulang balik perbelanjaan adalah seperti berikut. Pulang balik perbelanjaan, pulang balik belanja am, dapatkan balik wang amanah dan pelbagai pulang balik perbelanjaan. Oleh yang demikian, kurangnya pendapatan bagi pulang balik perbelanjaan ini adalah lebih baik dan menunjukkan bayaran atau perbelanjaan dilaksanakan mengikut peraturan kewangan semasa. Y.B. Damansara Utama juga bertanya mengapa terdapat perbezaan yang ketara terhadap keuntungan di antara Tabung Amanah Warisan Anak Selangor (TAWAS) sebanyak 1% berbanding Tabung Warisan Negeri Selangor sebanyak 11% pada tahun 2016. Untuk makluman Y.B., pertumbuhan TAWAS pada tahun 2016 ialah 1.2% kerana pertumbuhan tersebut bukanlah pertumbuhan bagi tempoh setahun. Tetapi bagi tempoh 5 bulan kewangan sahaja. Ini memandangkan semua urusan berkaitan penubuhan Tabung TAWAS selesai pada hujung Julai 2016 dan penyaluran geran Kerajaan Negeri kepada TAWAS berjumlah RM12.5 juta diterima pada 12 Ogos 2016. Berbeza dengan Tabung Warisan Negeri Selangor yang memberikan pulangan yang lebih tinggi, tabung tersebut telah mencapai kestabilan sejak ditubuhkan pada tahun 1991. Kepelbagaiannya aset pelaburan seperti pelaburan dalam saham tersenarai, pelaburan bon, mandat pengurusan, saham amanah dan lain-lain instrumen telah memberikan pulangan yang memberangsangkan. Dengan dana permulaan Tabung Warisan Negeri Selangor sebanyak RM100, ia membolehkan tabung ini berkembang dengan lebih pesat berbanding TAWAS yang ditubuhkan dengan dana awal sebanyak RM12.5 juta sahaja. Secara kesimpulannya, dana TAWAS masih lagi di peringkat awal dan dijangka akan mula mencapai kestabilan dalam beberapa tahun akan datang. Y.B. Damansara Utama bertanya, apakah status bayaran balik pinjaman boleh dituntut oleh KDEB bagi tujuan pengambilan, pengambilalihan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad. Untuk makluman Y.B., jumlah pinjaman pokok bagi tujuan pengambilan, pengambilalihan KHSB yang diberikan kepada KDEB berjumlah RM413.2 juta. Sehingga kini baki semasa pinjaman tersebut adalah sebanyak RM448.2 juta dengan mengambil kira bayaran balik berjumlah RM5 juta yang telah dibayar oleh KDEB pada 1 Disember 2014 sebagai ansuran awal. Pembayaran balik berikutnya bagi pinjaman tersebut dijangka akan dibuat pada hujung tahun ini. Setelah KDEB menstruktur semula proses

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

pengenaan pemulangan hasil dalam masa yang sama KDEB sedang meneliti beberapa cadangan dengan beberapa pihak untuk memajukan tanah-tanah milik KDEB dan KHSB. Y.B. Batang Kali membangkitkan isu pertindihan peruntukan di bawah Vot B02 Objek sebagai 40000 dan B04 Objek sebagai 40000 juga. Untuk makluman Y.B., peruntukan Vot B02 dan Vot B04 Perbendaharaan Negeri Selangor adalah di bawah kawalan Pegawai Pengawal yang sama iaitu Pegawai Kewangan Negeri. Peruntukan di bawah Vot B02 Pelbagai Perkhidmatan Perbendaharaan Negeri Selangor Objek Am 40000, Pemberian dan Kenaan Tetap merujuk kepada muka surat 52, Buku Anggaran Perbelanjaan 2018 berjumlah RM81 juta. Jumlah tersebut merupakan pemberian Kerajaan Negeri kepada 12 agensi Kerajaan Negeri seperti yang telah disenaraikan bagi tujuan perbelanjaan operasi. Manakala peruntukan di bawah Vot B04, Perbendaharaan Negeri Selangor, Objek Am 40000, Pemberian dan Kenaan Tetap adalah merujuk kepada muka surat 60, Buku Anggaran Perbelanjaan 2018 berjumlah RM89.3 juta yang bertujuan seperti berikut. Tambahan syiling kumpulan wang pinjaman sebanyak RM50 juta, bayaran bertempoh yang telah diluluskan oleh MMKN bernilai RM35.4 juta dan peruntukan mengurus Perbendaharaan Negeri Selangor bagi tahun 2018 berjumlah RM3.9 juta. Y.B. Sekinchan membangkitkan isu Sistem Penilaian secara *cut off* yang dilaksanakan oleh kerajaan Negeri. Untuk makluman Y.B., usaha ini adalah untuk menilai sebut harga dan tender yang mungkin boleh di manipulasi atau dimonopoli oleh kontraktor tertentu yang dibangkitkan oleh Y.B. Sekinchan. Dalam hal ini, ingin saya tegaskan bahawa Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah untuk mengawal aktiviti yang tidak sihat ini seperti berikut, pertama mewajibkan kontraktor untuk berdaftar dengan Sistem Tender Online Selangor 2.0 untuk memasuki bidaan sebut harga atau tender Negeri bagi mengesahkan butiran syarikat. Kedua, mewajibkan lawatan tapak sebagai pra syarat untuk membeli dokumen atau memasuki bidaan. Di dalam kes ini, lawatan tapak hanya boleh dihadiri oleh pemilik atau penama yang didaftarkan pada sijil kemajuan industri binaan dan yang ketiga melaksanakan penilaian kewangan dan teknikal yang terperinci sebagai sebahagian dari syarat lulus sebut harga atau tender. Y.B. Pelabuhan Klang telah membangkitkan kegusaran perbelanjaan yang tinggi ke atas pelaksanaan 16 projek khas Negeri yang melibatkan kos projek berjumlah RM316.4 juta dan Projek IPR yang berjumlah RM820.1 juta. Sukacita saya menjelaskan bahawa angka yang disebut oleh Y.B. Pelabuhan Klang adalah berdasarkan kepada anggaran kos bagi setiap projek serta jumlah kos keseluruhan bagi tempoh 5 tahun. Cadangan belanja pembangunan bagi 16 projek khas Negeri bagi tahun 2018 adalah hanya berjumlah RM45.25 juta untuk menampung bayaran kemajuan projek yang sedang dalam pembinaan. Antaranya projek pembinaan tempat letak kereta Perpustakaan Awam Seksyen 13, Shah Alam dan projek pembinaan blok pentadbiran Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Pembangunan infrastruktur ini adalah untuk kemudahan awam rakyat Selangor. Manakala sejumlah RM237.1 juta pula disediakan bagi tahun 2018 untuk pelaksanaan

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Projek-Projek IPR bagi meringankan bebanan kos sara hidup rakyat. Program yang terkandung dalam peruntukan IPR antaranya ialah program pemberian air percuma sebanyak RM185.2 juta dan Skim Mesra Usia Emas berjumlah RM28 juta. Y.B. Tuan Speaker, Pelabuhan Klang juga telah mengemukakan cadangan pemasangan *fiber optik* semasa baiki paip. Pada pandangan saya dan kerajaan Negeri, cadangan pemasangan *fiber optik*, gentian *fiber optik* ketika kerja-kerja penggantian paip dibuat untuk meningkatkan kecekapan rangkaian telekomunikasi di Negeri Selangor adalah satu cadangan yang amat baik. Namun perkara-perkara berkaitan teknikal perlu diberikan perhatian sebelum cadangan ini boleh dipertimbangkan untuk pelaksanaan bagi mengelakkan sebarang gangguan terhadap perkhidmatan bekalan air. Selain daripada pemasangan gentian *fiber optik* Kerajaan Negerijuga bersedia untuk mempertimbangkan penggunaan teknologi baru dalam usaha untuk mempertingkatkan kecekapan rangkaian telekomunikasi. Yang Berhormat Pelabuhan Klang juga mencadangkan supaya hasil Negeri disalurkan untuk pembangunan bekalan air. Sebenarnya perkara ini memang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeridi mana rizab Negeri digunakan untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan termasuk juga perkhidmatan bekalan air yang khusus diperuntukkan di bawah VOT PK16 iaitu Pembangunan Projek Bekalan Air Selangor. Melalui peruntukan ini antara projek bekalan air yang dilaksanakan adalah seperti berikut ,Projek Pembangunan Loji Rawatan Air di Semenyih 2 dengan anggaran kos sebanyak RM182 juta,Projek Pembangunan Loji Rawatan Air di Labuhan Dagang dengan anggaran kos sebanyak RM427 juta dan Kerajaan NegeriSelangor telah menyalurkan kepada Pengurusan Air Selangor sebanyak RM323.6 juta dalam bentuk geran dan pinjaman untuk membantu kerja penggantian paip air lama. Pada saat ini saya juga ingin respons kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Pembangkang apabila kita menyanggah pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 dan pada masa yang sama Kerajaan Negerimembina Loji Rawatan Air Semenyih 2 dan Labuhan Dagang. Untuk menjawab persoalan ini, pembangunan Loji Rawatan Air Semenyih 2 dan Loji Rawatan Air Labuhan Dagang adalah merupakan inisiatif Kerajaan Negeriuntuk mewujudkan ekosistem perkhidmatan air yang komprehensif dan kondusif di Negeri Selangor serta pelengkap kepada sistem agihan air sedia ada yang menyeluruh bagi Negeri Selangor. Terdiri daripada Loji Rawatan Air SSP 1, SSP 2 dan SSP 3 bagi kawasan utara, Loji Rawatan Air Sungai Langat, Loji Rawatan Air Semenyih, Loji Rawatan Air Semenyih 2 dan Loji Rawatan Air Langat 2 bagi kawasan tengah dan Loji Rawatan Air Labuhan Dagang bagi kawasan selatan. Rangkaian ini adalah sebagai usaha untuk memastikan *interconnectivity system* agihan air yang dapat membantu mana-mana kawasan sekiranya mengalami masalah gangguan bekalan air. Kedua-dua loji rawatan air yang baru ini akan jadi pemangkin kepada lebih ramai pelabur terutama dari sektor perumahan dan industri yang akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat di kawasan selatan Selangor terutamanya Kuala Langat dan Klang. Ia juga

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

tidak akan menjelaskan fungsi Loji Rawatan Air Langat 2 kerana sistem agihan Loji Rawatan Air Langat 2 akan tertumpu ke kawasan Kuala Lumpur, Cheras, AU3 Ampang dan Bukit Jalil dan tidak meliputi kawasan yang menerima bekalan dari Loji Rawatan Air Semenyih 2 dan Loji Rawatan Air Labohan Dagang. Yang Berhormat Gombak Setia telah membangkitkan isu Pembangunan ECRL. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Selangor hanya dimaklumkan secara rasmi mengenai permohonan ECRL oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 18 Julai 2017. Dalam perbincangan tersebut Kerajaan Negeri telah mengingatkan Kerajaan Persekutuan supaya mematuhi Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 atau Akta 172 yang menyatakan bahawa, maka hendaklah menjadi kewajipan tiap-tiap Jabatan atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk berunding dengan jawatankuasa tentang apa-apa aktiviti pemajuan yang ia bercadang supaya dijalankan di dalam Negeri itu. Namun hingga hari ini Kerajaan Negeri Selangor masih belum menerima maklum balas teknikal tentang pembangunan ECRL untuk dibincangkan dalam MTES. Dalam pertemuan itu juga, saya telah memaklumkan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan bahawa jajaran ECRL tidak boleh sama sekali melalui Permatang Kuarza kerana Permatang Kuarza Gombak Selangor telah diangkat sebagai tapak warisan di bawah Akta Warisan Negara Kebangsaan 2005 atau Akta 645 dan seterusnya dalam peringkat akhir pencalonan sebagai tapak warisan dunia UNESCO. Kerajaan Negeri Selangor juga akan memastikan semua kajian impak seperti DEIA, TIA dan SIA mestilah dipatuhi terlebih dahulu sebelum dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri. Semasa proses pertimbangan pastinya Kerajaan Negeri akan membangkitkan isu kos pembangunan ECRL yang hangat dibahaskan di dalam Parlimen kerana kos yang terlalu tinggi dan akan membebankan pengguna. Selain daripada itu Kerajaan Negeri akan menekankan supaya kos perolehan dan pembinaan ECRL dibuat secara telus dan terbuka. Yang Berhormat Sungai Burung ada membangkitkan isu pegangan saham oleh anak syarikat Kerajaan Negeri dalam syarikat konsesi lebuhraya. Kerajaan Negeri ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Sungai Burong bahawa Kerajaan Negeri mengambil maklum Kumpulan Perangsang Selangor atau KPS yang dimiliki sepenuhnya oleh KDEB mempunyai pegangan saham minoriti, pegangan saham minoriti sebanyak 20% dalam Lebuhraya Sprint, selain itu PKNS memiliki saham minoriti sebanyak 30% dalam Lebuhraya KESAS. Untuk makluman Yang Berhormat pegangan saham oleh anak-anak syarikat Kerajaan Negeri dalam beberapa syarikat konsesi lebuhraya telah dibuat sebelum tahun 2008. Sebagai pemegang saham minoriti mereka tidak mempunyai *special voting right* untuk menolak keputusan Lembaga Pengarah yang mengaitkan soal kadar tol namun sebagai pemegang saham minoriti PKNS dan KPS tetap menyuarakan pendirian Kerajaan Negeri membantah di atas sebarang cadangan yang membebankan rakyat dan pengguna lebuhraya termasuk kenaikan kadar tol dan juga lanjutan tempoh konsesi. Sebagai contoh untuk makluman Yang Berhormat Sungai Burong pada tahun 2015 apabila Sprint yang

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

merupakan konsesi lebuh raya penguraian trafik KL barat menaikkan tol, wakil KPS tidak pernah dirujuk malahan perkara ini tidak di bentang di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah sama sekali. Sama ada melalui pekeliling ataupun mesyuarat. Pengurusan Sprint telah melaksanakan kenaikan tol berdasarkan sepucuk surat sahaja daripada Lembaga Lebuh raya Malaysia. Ekoran daripada itu wakil KPS di dalam Sprint telah mengeluarkan kenyataan umum yang menyatakan bertarikh 14 Oktober 2015 yang menyatakan isu kenaikan tol tidak pernah dirujuk kepada Lembaga Pengarah untuk dibincang. Pengurusan Sprint telah menaikkan tol mengikut satu surat daripada LLM yang diterima seminggu lalu iaitu pada awal Oktober 2015 yang telah memaklumkan antaranya seperti berikut “*Bahawa Kerajaan Persekutuan tidak akan membayar pampasan lebih kepada syarikat bahawa Sprint boleh naik kadar tol selaras dengan kadar yang tertera dalam surat tersebut dan syarikat bertanggungjawab untuk mengumumkan kadar kenaikan tol.*” Ekoran surat LLM, kenaikan tol diumumkan oleh syarikat, perkara itu tidak dirujuk sebelum ini kepada Lembaga Pengarah melalui pekeliling atau mesyuarat maka wakil KPS di dalam Sprint telah menulis surat kepada Pengerusi Syarikat Sprint, Engineer Haji Yusof bin Daud untuk memanggil satu Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah bagi membincangkan dan mengkaji semula perkara ini. Jadi ingin saya tegaskan saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Sungai Burong supaya walaupun kita memegang saham minoriti tetapi adalah menjadi tanggungjawab moral bagi wakil KPS dalam Sprint dan wakil PKNS untuk membantah sebarang tindakan yang akan membebankan pengguna lebuh raya sama ada kenaikan kadar tol ataupun lanjutan tempoh konsesi. Yang Berhormat Hulu Bernam membangkitkan cukai pintu dan cukai tanah yang tidak turun-turun tetapi terus naik. Untuk makluman Yang Berhormat Hulu Bernam, penyemakan kadar cukai tanah dibuat sejajar dengan keputusan Majlis Tanah Negara yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri bukan dipengerusikan oleh Menteri Besar Selangor. Majlis Tanah Negara yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri pada 18 November 2014 memutuskan supaya pihak berkuasa Negeri melaksanakan penyemakan kadar cukai tanah bagi Negeri masing-masing selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 101(5B) Kanun Tanah Negara 1965 yang memerlukan semakan dibuat setiap 10 tahun. Semakan semula kadar cukai tanah bukan hanya dilaksanakan di dalam Negeri Selangor tetapi turut merangkumi keseluruhan 14 Negeri di Malaysia. Pelaksanaan semakan cukai tanah adalah berdasarkan data penilaian nilai harta tanah terkini yang diperoleh daripada JPPH. Untuk makluman Yang Berhormat, semakan kadar cukai tanah terakhir dilaksanakan di Negeri Selangor ialah pada tahun 2006 dan semakan terkini telah dilaksanakan pada tahun 2016 dan kadar cukai baru telah mula berkuatkuasa pada tahun 2017. Walau bagaimanapun ingin saya jelaskan berhubung dengan dakwaan Yang Berhormat bahawa cukai taksiran atau cukai pintu juga dinaikkan oleh PBT, dakwaan ini adalah tidak benar sama sekali kerana seperti Yang Berhormat sedia maklum sudah 3 tahun berturut-turut bukannya Kerajaan

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Negerinaikkan cukai taksiran ataupun cukai pintu malahan Kerajaan Negeritelah mengecualikan cukai taksiran dan cukai pintu bagi rumah-rumah kampung, rumah-rumah kampung tradisi, kampung baru, kampung bagan, rumah kos rendah dan ini telah menyebabkan Kerajaan Negeriterpaksa menanggung kekurangan hasil Negeri sebanyak hampir RM70 juta setahun. Mengapa ini berlaku? Kerana PBT dipengerusikan oleh Menteri Besar. Mengapa cukai tanah naik? Sebab dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, mudah sahaja jawapan. Jadi kalau tidak mahu cukai tanah dinaikkan serahkanlah Pengerusi Majlis Tanah Negara kepada kami dalam pilihan raya umum yang akan datang. Yang Berhormat Batang Kali .

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Tuan Speaker, boleh mencelah. Menteri Besar boleh tolong jelaskan manifesto cukai pintu yang 20% turun bukan untuk orang kampung saja tapi untuk semua rakyat di dalam Negeri Selangor, itu manifesto yang dilauung-laungkan oleh Kerajaan Negeri.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR :** Yang Berhormat Dengkil, mana lebih baik mengurangkan 20% ataupun mengecualikan terus. Kita bukan kurangkan walaupun kita janji kurangkan tapi kita kecualikan sudah 3 tahun. Okay cukup, Yang Berhormat Batang Kali itu premium tanah yang tinggi kononnya, Yang Berhormat Batang Kali peningkatan kadar penilaian semasa bagi premium tanah adalah disebabkan beberapa faktor. Ah! Lari pulak Batang Kali. Nak jawab ke tidak? Kalau Parlimen, Menteri tak nak jawab. Tapi saya berani jawab. Pertama terdapat permintaan yang tinggi dalam pasaran hartanah di Negeri Selangor. Kedua pembangunan pesat sesebuah kawasan akibat daripada penambahan infrastruktur. Ketiga, pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan jumlah pelaburan domestik serta antarabangsa, yang keempat kerana kestabilan sosio politik di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan hari ini, Negeri ini stabil, aman, makmur, semua orang nak datang Negeri Selangor hari ini, Alhamdulillahlah. Jadi hartanah pun naik dan aktiviti spekulasi yang meluas oleh pelabur hartanah. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa peka dengan luahan rakyat mengenai masalah premium tanah yang tinggi. Formula yang digunakan dalam mengira kadar premium masih sama berdasarkan kaedah tanah Selangor sejak dari tahun 1996, walau bagaimanapun disebabkan penilaian tanah yang tinggi di Negeri Selangor ia memberi kesan dalam pengiraan premium tanah. Nilaian tanah telah diperolehi dari JPPH yang menilai secara profesional menggunakan metrologi dan kaedah penilaian yang standard. Walau bagaimanapun seperti Yang Berhormat sedia maklum sebagai sebuah pentadbiran yang Peduli Rakyat, yang semakin kuat mendapat sokongan rakyat, Kerajaan Negeritelah menawarkan beberapa kadar kaedah pembayaran premium dan pemberian insentif khas untuk meringankan bebanan rakyat bagi menjelaskan bayaran premium tanah melalui pemakaian pekeliling PTGS Bil.6 Tahun 2011, Pekeliling PTGS Bil.1 tahun 2016 dan Bil.3 tahun 2016. Melalui PTGS Bil.6 Tahun 2011 yang bertajuk Garis Panduan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan untuk tujuan

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Bangunan Kediaman Persendirian di Negeri Selangor Kerajaan Negeritelah memperkenalkan insentif bagi membantu rakyat memiliki rumah kediaman. Seterusnya Kerajaan Negerijuga melalui kaedah yang diwujudkan di bawah Pekeliling PTGS Bil.1 Tahun 2016 tempoh bayaran premium telah dilanjutkan sehingga dua belas bulan. Dari tarikh Notis 5A dan pengurangan sehingga 40% daripada jumlah premium yang dikenakan sekiranya tempoh pajakan tanah dipendekkan kepada 60 tahun. Manakala di bawah Pekeliling PTGS Bil.3 Tahun 2016 Kerajaan Negeritelah membantu pengusaha kedai-kedai lama diluar bandar untuk melanjutkan tempoh pajakan tanah dengan memperkenalkan skim insentif khas iaitu pengenaan premium RM10,000.00 nominal. Ok, secara bersyarat atau pemberian diskaun 30% diberikan sekiranya premium dijelaskan dalam tempoh enam bulan. Y.B Paya Jaras, ingin mengetahui status pemberimilikan tanah bagi Kampung Masjid Daerah Gombak dan Kampung Paya Jaras Hilir dan Kampur Merba Sempak Daerah Petaling. Kerajaan Negeritelah menerima permohonan pemberimilikan daripada pemohon di Kampung Masjid Daerah Gombak dan Kampung Merba Sempak dan Kampung Paya Jaras Hilir Daerah Petaling. Kertas Ringkasan MMKN bagi Kampung Masjid dan Kampung Paya Jaras Hilir telah siap dan akan dibentangkan untuk pertimbangan MMKN sejurus selepas sidang Dewan ini. Bagi permohonan di Kampung Merba Sempak Daerah Petaling satu permohonan pemerimilikan tanah bagi kategori pertanian telahpun ditolak oleh MMKN atas alasan keluasan yang dipohon adalah tidak ekonomik bagi tujuan pertanian. Untuk makluman PTD Petaling telah menerima sebanyak 106 permohonan bagi tujuan pemberimilikan. Walau bagaimanapun permohonan-permohonan itu telah ditolak secara *summary rejection* oleh pentadbir tanah memandangkan permohonan-permohonan tersebut terletak di atas rizab sungai. Y.B. Kampung Tunku ingin mengetahui apakah tindakan yang boleh diambil kepada pemilik-pemilik tanah yang telah, tanah-tanah kerajaan yang telah diberimilik kepada parti-parti politik sebelum tahun 2008. Untuk makluman Y.B. Kg. Tunku, berdasarkan kepada seksyen 320 KTN 1965 Kaveat Pendaftar boleh dimasukkan pada mana-mana tanah untuk tujuan tertentu. Pertama, mencegah penipuan atau urusniaga yang tak patut. Atau yang kedua melindungi kepentingan Persekutuan atau Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana orang yang pada pendapatnya adalah hilang upaya kerana usia kurang, sakit otak atau tidak sempurna akal atau berpuashati orang itu tidak ada dalam Persekutuan. Sekiranya kaveat pendaftar dimasukkan kedalam mana-mana hakmilik tanpa alasan yang kukuh, ianya bertentangan dengan peruntukan Seksyen 320 tersebut. Kesannya jika pemilik tanah mencabar Kerajaan Negeridi Mahkamah adalah sukar bagi Kerajaan Negeriuntuk mempertahankan tindakan memasukkan Kaveat Pendaftar. Namun demikian, tanah-tanah kerajaan yang telah diberimilik telahpun dikenakan sekatan kepentingan di bawah seksyen 104 di bawah Kanun Tanah Negara 1965 di mana sebarang pindah milik yang berlaku memerlukan kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri. Proses ini merupakan mekanisme untuk mencegah penyelewengan yang saya akan memberi

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

jaminan kepada semua ahli-ahli Y.B., bahawa Pegawai-pejawai Daerah akan memantau perkara ini supaya pindahmilik itu mestilah mengikut ketetapan yang telah diberikan. Y.B. Semenyih bertanya tentang strata di Taman Desa Mutiara Sungai Jelok. Berhubung isu pangsapuri kos rendah dan sederhana Taman Desa Mutiara Sungai Jelok Kajang, Kerajaan Negeritelah mengambil inisiatif bagi membantu pemilik pangsapuri tersebut dengan memberimilik tanah tersebut kepada MBI bagi melancarkan pengeluaran hakmilik strata. Perkara ini sebenarnya berpunca daripada kegagalan pemaju sebelumnya yang tidak menjalankan tanggungjawab untuk membayar cukai tanah yang tertunggak sebanyak RM355,000.00. Perkara ini juga disebabkan oleh Pentadbiran sebelum tahun 2008 yang membenarkan pembangunan tanah dijalankan tanpa menyelesaikan hal-hal yang berkaitan tanah. Untuk makluman Y.B. perkara ini telahpun selesai di mana bagi skim kos rendah telahpun dikeluarkan hakmilik strata pada 23/9/2016 dan bagi kos sederhana pula telah selesai dan dikeluarkan hakmilik strata pada 31/10/2017 atas nama MBI bagi kedua-dua skim berkenaan. Sehubungan dengan itu MBI sedang dalam penyediaan notis kepada pemilik-pemilik pangsapuri tersebut untuk melakukan pindahmilik. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Negerimemandang serius mengenai hak dan kebijakan rakyat khususnya di pangsapuri kos rendah dan sederhana dan atas kesedaran inilah kita mengambil inisiatif sedemikian. Untuk maklumat Y.B. Permatang berhubung pendaftaran hakmilik kekal bagi kampong Seri Aman mukim Ijok, untuk makluman proses pengukuran tanah telahpun dibuat oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, JUPEM, dan hakmilik.

**Y.B.DATO JOHAN BIN ABD AZIZ:** Tuan Speaker mohon pencelahan. Terima kasih YAB Menteri Besar. Kalau benar untuk nak memulangkan balik kepada rakyat kenapa masa pengambilan serahkan MBI penghuni tidak mengetahui. Kenapa tidak dimaklumkan kepada mereka dan tak ada hearing apapun. Dan mereka bertindak bagi tahu dekat Ahli Majlis, bagi tahu report polis, mereka bayar. Yang tak bayar tu adalah daripada pengurusan yang terdahulu. Jadi mereka tak tahu. Terima kasih.

**Y.A.B DATO MENTERI BESAR:** Y.B. Semenyih, isu yang dibangkitkan soal *engagement* dengan pemilik ataupun penghuni pangsapuri tersebut saya tidak ada maklumat sama ada dijalankan atau tidak. Tetapi pokoknya ialah masalah yang terpaksa ditanggung sekian lama oleh pemilik dan penghuni pangsapuri kos rendah dan sederhana ini diberikan perhatian serius. Kerana selain daripada pemaju tidak membayar cukai tanah mereka juga gagal untuk mengemukakan permohonan untuk pemberimilikan strata kepada setiap pemilik pangsapuri tersebut. Maka inisiatif ini terpaksa diambil oleh Kerajaan Negerisupaya tanah tersebut diberikan milikannya kepada MBI dan MBI terus menjalankan usaha untuk memastikan proses ini berjalan dengan lancar. Dan hari ini seperti yang saya nyatakan tadi ianya telahpun selesai dan InsyaAllah dalam masa yang terdekat ini MBI akan menyempurnakan urusan untuk

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

memindahmilik setiap unit itu kepada setiap pemilik kos sederhana di kawasan tersebut. Y.B. Permatang, seperti yang saya nyatakan tadi proses pengukuran tanah telahpun dibuat oleh JUPEM dan hakmilik sementara telahpun didaftarkan. Walau bagaimanapun hakmilik kekal belum dapat diproses sehingga kini kerana Pelan Akui masih belum dikeluarkan oleh JUPEM. Berhubung perkara yang dibangkitkan oleh Kampung Tunku berkaitan pemberian tanah kepada syarikat Proton, Kerajaan Negeri mempunyai prosedur untuk mengawal perolehan pemilikan harta tanah kepada warga asing melalui peruntukkan Seksyen 43B KTN 1965 dan Pekeliling Pengarah Tanah Galian Selangor Bil. 1/2014 Garis Panduan Perolehan Hartanah oleh warganegara asing penduduk tetap syarikat asing Negeri Selangor yang telah berkuatkuasa pada 1 September 2014. Pemilikan melebihi dua puluh juta ringgit perlu mendapat kelulusan daripada Unit Perancang Ekonomi mengikut garis panduan perolehan harta tanah warga asing pindaan 2014. Perkara yang dibangkitkan oleh Y.B. Gombak Setia tentang tindakan undang-undang dari tuan tanah tempat pembuangan sampah haram di Sungai Pusu, Pejabat Daerah Tanah Gombak telahpun, telah menghadapi tindakan undang-undang bagi kes perampasan tanah di Sungai Pusu akibat dari pelanggaran syarat tanah di bawah Seksyen 127 KTN berikutan aktiviti pembuangan sampah haram susulan daripada tindakan rampasan tanah daripada Pejabat Tanah dan Daerah Gombak, pemilik tanah telah mengambil tindakan undang-undang dan Mahkamah Tinggi telah menolak tindakan pemilik tersebut. Walau bagaimanapun pemilik telah mengemukakan rayuan ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuan oleh pemilik tanah atas alasan teknikal. Walau bagaimanapun saya akan berbincang dengan pihak Kamar dan juga Pegawai Daerah untuk melihat apakah peruntukkan yang ada bagi memastikan tanah-tanah ini tidak disalahgunakan bagi aktiviti yang mencemarkan alam sekitar dan juga penduduk-penduduk sekitar kawasan yang berkenaan. Saya mengikuti jawapan yang diberikan oleh sahabat saya yang Y.B. Kota Alam Shah berhubung pemberimilikan tanah di Kampung Sg. Yu pada Y.B. Permatang. Seperti yang saya telah tegaskan sebelum ini saya sentiasa melihat perkara ini secara serius supaya tidak ada penyelewengan ataupun salah guna kuasa dalam penganugerahan pemilikan tanah tersebut dan saya menyambut baik kenyataan Y.B. Kota Alam Shah bahawa Kerajaan Negeri bersedia untuk disiasat dan satu lagi jaminan saya ingin berikan kepada Y.B. Permatang sekiranya terbukti melalui siasatan yang dijalankan ada mana-mana individu yang tidak berhak untuk mendapat tanah di Kampung Sungai Yu Kerajaan Negeri akan membantalkan pemberimilikan tanah tersebut. Y.B. Paya Jaras telah membangkitkan isu tanah Surau Taqwaniah. Sukacita saya memaklumkan bahawa mesyuarat MMKN pada 25 Oktober 2017 telah menimbang dan meluluskan pengambilan tanah dibawah perenggan 3(1) (a) seksyen 8 Akta pengambilan tanah 1960 bagi tujuan tapak Surau Al Taqwaniah di lot PT 185 Kg Paya Jaras Mukim Sg. Buluh Daerah Petaling dengan kos sebanyak RM1.8 juta. Y.B. daripada Sungai Burong membangkitkan dan memberikan persepsi seolah-olah

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Kerajaan Negeri enggan bekerjasama dengan pihak SPRM semata-mata kita tidak mengangkat ikrar bebas rasuah ataupun IBR. Janganlah Y.B. Sungai Burong dengan sewenang-wenangnya memberikan gambaran yang tidak baik terhadap Kerajaan Negeri. Kerana sukacita saya memaklumkan kepada Y.B. Sungai Burong perkara ini kita juga memberikan perhatian serius dan kita bawa dalam mesyuarat MMKN untuk membincangkan apakah langkah yang perlu diambil oleh Kerajaan Negeri setelah menerima surat daripada SPRM mencadangkan perlaksanaan IBR di peringkat Negeri Selangor. Saya juga ingin memberitahu kepada Dewan Yang Mulia ini bahawa Kerajaan Negeri Selangor merupakan Negeri yang paling awal menyatakan kesediaan untuk mendukung IBR. Dan perkara ini telah pun dimaklumkan kepada SPRM Negeri Selangor sewaktu Pengarah Negeri Selangor membuat kunjungan hormat kepada saya. Kerajaan Negeri tuntas mendukung segala usaha untuk membanteras amalan rasuah di pelbagai peringkat termasuk usaha yang dilaksanakan oleh SPRM. Namun begitu pandangan Kerajaan Negeri terhadap IBR ialah IBR ini boleh ditambahbaik. Untuk memastikan keberkesanan usaha memerangi rasuah seperti yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Maka MMKN setelah meneliti cadangan ini dan berbincang panjang telah meminta Dato Setiausaha Kerajaan Negeri mengutuskan surat rasmi kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM pada bulan September 2017, pertama menyatakan komitmen Kerajaan Negeri mendukung sebarang usaha untuk membanteras rasuah di semua peringkat. Cuma kita mencadangkan beberapa penambahbaikan. Sebab kalau sekadar angkat ikrar tangan kanan tangan kiri curi duit tak selesai masalah. Dan seperti yang dinyatakan oleh ramai ahli-ahli Y.B. IBR ini tak ada ikatan undang-undang untuk tindakan diambil kepada mereka yang mengangkat IBR. Sebab itu kita cadang menambahbaik sebab Kerajaan Negeri telah memulakan usaha ini lebih awal. Pertama kita mengisi borang pengisytiharan kepentingan setiap kali mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri diadakan. Untuk makluman Sungai Burong setiap hari Rabu setiap minggu semua ahli-ahli MMKN kena mengisi borang pengisytiharan kepentingan ke atas setiap kertas MMKN yang dibentangkan. Kalau ada tiga puluh kertas kita kena isytihar tiga puluh kepentingan sama ada ada kepentingan atau tidak. Dan kita isytihar secara bertulis dan kita tandatangan. Bagi saya itu lebih efektif untuk menangani amalan rasuah! Yang keduanya, merakamkan pengisytiharan kepentingan di dalam minit Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi kertas-kertas yang melibatkan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Yang ketiga, menandatangani ikrar integriti ataupun *integrity plunge* oleh jabatan dan agensi kerajaan Negeri, anak syarikat ataupun GLC berkaitan kerajaan dan dua belas Pihak Berkusa Tempatan telah pun kita buat. Jadi hasrat penambahbaikan ini juga pun telah kita maklumkan kepada SPRM melalui surat Setiausaha Kerajaan Negeri. Dan untuk makluman Yang Berhormat Sg. Burong beberapa siri perbincangan telah pun diadakan diantara pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor bersama pihak SPRM, bagi membincangkan bagaimana penambahbaikan pelaksanaan IBR boleh dilakukan di

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

peringkat Negeri Selangor. Perbincangan diadakan pada 17 Ogos 2017, 23 Ogos 2017 dan 9 Oktober 2017. Jadi sekarang ini, pihak SPRM memang sedia maklum dan mereka menyambut baik inisiatif Kerajaan Negeri untuk memberikan pandangan bagaimana kita boleh menambah baik IBR. Di Pulau Pinang pun walaupun Kerajaan Negeri Pulau Pinang menandatangani IBR tetapi dia adalah IBR++. Kerajaan Negeri Pulau Pinang pun dia tak sekadar IBR sahaja. Ada beberapa penambahbaikan yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat saudara Lim Guan Eng dan diterima baik oleh SPRM. Jadi janganlah Sg. Burong membuat provokasi dan memberi gambaran yang negatif seolah-olah kami ini tidak mendukung SPRM, tidak bersedia untuk mengangkat ikrar sedangkan usaha yang telah dijalankan lebih berkesan, lebih efektif untuk membanteras amalan rasuah di dalam negara ini.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Mohon penjelasan. Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih YAB Dato' Menteri Besar. Kita sebenarnya bukan berniat untuk orang kata menimbulkan provokasi, tapi apa yang kita bawa usul itu ialah kerana kita melihat bahawa Kerajaan Negerijuga menyahut seruan daripada SPRM untuk menandatangani ikrar dan saya amat berterima kasihlah kepada YAB Dato' Menteri Besar telah memberi penjelasan yang menyambut komitmen daripada Kerajaan Negeriuntuk melaksanakan ikrar tersebut walaupun terdapat penambahbaikan yang disesuaikan untuk keperluan demi untuk memastikan bahawa Selangor bebas rasuah. Cuma saya ingin dapatkan penjelasan sekiranya demikian kita nak tahu juga komitmen kerajaan Negeri, bilakah agaknya perkara ini dapat direalisasikan? Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Hmm tak apalah. Tak payah, tak payah. Yang Berhormat Sg. Burong seperti yang saya nyatakan tadi sudah ada beberapa siri rundingan di antara SPRM dan juga pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeridan saya percaya kedua-dua pihak sedang memperhalusi cadangan-cadangan tersebut dan apabila SPRM bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh kerajaan Negeri, kita bersedia untuk melaksanakan budaya lawan rasuah ini. Tapi kita muh pastikan bila kita lawan rasuah ini, janganlah lawan yang ikan bilis sahaja. Kita juga nak lawan dengan ikan jerung. Sg. Burong juga kena ada keberanian, jangan lawan dengan ikan bilis, lawanlah ikan jerung! Siapa? Saya tidak tahu ikan jerung siapa? Jadi saya harap Sg. Burong kena konsisten kena tuntas Sg. Burong. Saya tidak menuduh mana-mana pihak atau individu tetapi saya amat mengharap sebagai orang yang paling lama dalam Dewan Negeri, bukan dari segi pengalaman, dari segi umur, Sg. Burong tunjukkanlah keberanian untuk lawan ikan jerung sama ada di peringkat Negeri ataupun peringkat nasional supaya kita benar-benar berpegang kepada amalan membanteras rasuah. Jadi Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih di atas peluang menggulung perbahasan dan saya berharap semua pandangan yang diberikan ini akan diberi perhatian serius oleh Kerajaan Negeridan saya percaya kalau inilah amalan yang kita

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

telah lakukan dan terus lakukan insya-Allah Negeri Selangor akan selamat sejahtera di bawah pakatan insya-Allah. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pelabuhan Kelang berbangkit isu-isu di bawah port folio saya. Pertama saya ingin menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Bukit Gasing tentang cadangan untuk mewujudkan sistem petak penjaja di kawasan pembangunan dan juga lokasi yang sesuai...

**TUAN SPEAKER** : Dia EXCO belum habis gulung lagi tau. Belum habis. Ada setengah lagi EXCO.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Mereka dah penat dah.

**TUAN SPEAKER** : Ok. Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : ...dan juga lokasi yang sesuai kepada penjaja. Untuk makluman Yang Berhormat sebelum sesuatu lesen diluluskan PBT akan mempertimbangkan aspek-aspek halangan lalu lintas, laluan awam dan keselamatan peniaga serta orang awam di lokasi. Pihak Berkua Tempatan tidak membenarkan peniaga menjalankan aktiviti perniagaan di simpang jalan, tempat letak kereta, jalan persiaran di hadapan sekolah dan lorong belakang. Lesen tidak akan dikeluarkan sekiranya syarat-syarat tidak dipatuhi manakala bagi perniagaan peniaga-peniaga di bahu-bahu jalan diberi kelulusan secara permit dengan syarat-syarat berikut:-

- i) Lokasi peniagaan perlu 40 meter daripada pagar sekolah, 9 meter daripada persimpangan jalan dan 3.6 daripada pili bomba
- ii) Lokasi perniagaan bukan di jalan utama
- iii) Penjualan secara bungkus dan tidak meninggalkan barang perniagaan selepas tempoh perniagaan.

Walau bagaimanapun, saya minta Yang Berhormat boleh bagi contohlah ataupun kes bolehkan kita rujuk supaya cadangan Yang Berhormat boleh kita laksanakan di peringkat PBT. Yang kedua untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Gombak Setia mengenai cadangan tapak gerai sementara di Green Wood, Gombak dijadikan taman rekreasi setelah peniaga dipindahkan ke gerai yang telah disiapkan. Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Perbandaran Selayang telah membuat semakan semula terhadap cadangan daripada Persatuan Penduduk Taman Berlian untuk menukar dari tapak gerai sementara kepada Dataran Taman Berlian. MPS

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

mendapati terdapat keperluan bagi mewujudkan Dataran Taman Berlian sebagai kawasan rekreasi dan riadah bagi kawasan penduduk ini. Sehubungan itu, MPS telah menyiapkan cadangan reka bentuk Dataran Taman Berlian berdasarkan keperluan rekreasi dan cadangan daripada Persatuan Penduduk dengan kos pembangunan sebanyak RM260,000. Komponen projek ini adalah merangkumi :-

- i) Dataran serbaguna
- ii) Pentas terbuka
- iii) Kawasan tempat duduk
- iv) Taman permainan
- v) Wakaf
- vi) *Out door* gim
- vii) Laluan refleksologi
- viii) Kawasan berumput
- ix) Tanaman landskap

Kerja-kerja pembangunan dataran ini akan dilaksanakan setelah proses pemindahan gerai-gerai sementara ini selesai sepenuhnya. Seterusnya saya ingin menjawab soalan daripada Yang Berhormat Teratai mengenai kelulusan pembinaan lot kedai, pejabat dan tempat letak kereta di lereng bukit di Jalan Aman, Kepong oleh tetuan Extreme.

**TUAN SPEAKER** : Kalau tak ada di dalam Dewan tak payah jawab. Teruskan isu seterusnya.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Ok. Selat Kelang pun tak ada, Sabak tak ada, Kota Anggerik?

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Ada. Ada.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Ok. Isu status enakmen sisa pepejal, betul ye Yang Berhormat? Draf enakmen sisa pepejal dan pembersihan awam Negeri Selangor masih dalam proses penelitian secara terperinci oleh pihak perundangan kerana proses perundangan enakmen tersebut perlu melalui beberapa proses yang lebih ketat sebab itu PBT masih menggunakan peruntukan sedia ada iaitu Undang-undang Kecil Pembuangan, Pemungutan Dan Pelupusan Sampah Sarap 2007 sementara menunggu proses semakan draf enakmen tersebut siap sepenuhnya. pihak Kerajaan Negeri juga memohon pandangan dan ulasan perundangan untuk menambah baik Undang-undang Kecil Pembuangan, Pemungutan Dan Pelupusan Sampah 2007 dengan memasukkan input-input yang telah dipersetujui semasa penyediaan draf enakmen sisa pepejal dan pembersihan awam Negeri Selangor tersebut.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Penjelasan. Saya difahamkan ada Negeri lain seperti Johor dan Wilayah dia dah *sign* enakmen tersebut. Dan baru ni ada kes di mahkamah di Kota Baharu, dua orang pemuda yang dijatuhkan hukuman penjara kerana memasang iklan-iklan Ah Long. Jadi kenapa Selangor agak lambat untuk laksanakannya?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Anggerik ini kerana Kerajaan Negeritidak bersetuju dengan akta beberapa peruntukan yang di bawah akta tersebut seperti pengurusan sisa pepejal perlu diserahkan kepada Alam Flora dan sebagainya sebab itu Kerajaan Negerikita ingin mengadakan satu enakmen khasnya untuk Selangor dan juga sebelum kita dapat membentangkan ke dalam Dewan ini kita juga perlu ulasan daripada Kementerian dan sebagainya. Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat tadi saya rasa kita akan memasukkan salah satu seperti apa yang saya terangkan tadi kita akan masuk beberapa peruntukan yang baru ke dalam undang-undang kecil yang sedia ada supaya kita dapat menangani isu seperti apa yang Yang Berhormat terangkan tadi. Dan seterusnya juga adalah daripada Yang Berhormat Kota Anggerik mengenai mewujudkan kebun komuniti bagi mengurangkan kos sara hidup. Kerajaan NegeriSelangor melalui Pihak Berkua Tempatan telah menerima pakai dan melaksanakan garis panduan perancangan kejiranan hijau yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia. Daripada 49 tindakan yang telah dinyatakan di dalam garis panduan tersebut, Kerajaan Negeritelah menggariskan lima inisiatif kejiranan hijau yang diberikan keutamaan teras dengan pekeliling Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bilangan 1/2014 iaitu penyediaan laluan basikal, dua penyediaan laluan pejalan kaki, tiga pembangunan kebun kejiranan, empat, sistem pengumpulan dan penggunaan semula sistem air hujan. Lima program pengkomposan sisa. Kerajaan Negerimelalui PBT telah melaksanakan kebun komuniti di bawah pelan tindakan *local agenda 21*, bagi menggalakkan aktiviti pertanian dalam kalangan penduduk bandar. Melalui program ini masyarakat bandar digalakkan untuk manam sayur-sayuran, cendawan dan tumbuhan herba di kawasan kediaman mereka dan hasil tanaman diagihkan kepada penduduk sekitar dan dijualkan kepada pelawat yang melawat ke kebun komuniti mereka. Sudah, itu sahaja Tuan Speaker. Sekian.

**TUAN SPEAKER** : Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker. Apa-apa pun saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan Negeri yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan portfolio Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu Dan Warisan Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi. Walaupun mungkin sebahagian daripada mereka tidak ada di sini. Pun begitu, saya mengambil

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

saranan daripada Tuan Speaker untuk tidak menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan Negeri yang membangkitkan soalan tersebut. Dan saya akan terus juga kepada *point-point* yang isu-isu yang penting seperti disarankan oleh Tuan Speaker dan saya ucapkan terima kasih kepada Y.B. Sabak, Kota Anggerik dan Selat Kelang, Morib, Paya Jaras Seri Serdang, Ijok, Gombak Setia dan juga Tanjung Sepat. So, Sabak saya tak jawablah. Sebahagiannya pun saya dah jawab dalam menjawab soalan berkaitan isu berkaitan sekolah-sekolah tafhiz. Kota Anggerik. Kota Anggerik mencadangkan supaya semua penjawat awam hendaklah menyumbangkan kepada wakaf sekurang-kurangnya RM5 sebulan. Dan Isntitusi Islam seperti Masjid, Sekolah Tafhiz dibiayai sepenuhnya oleh Perbadanan Wakaf Selangor. Untuk makluman Kota Anggerik, Perbadanan Wakaf Selangor telah ditubuhkan pada 11 Januari 2011 yang diwartakan pada 3 Februari 2011. Kewajipan PWS ataupun Perbadanan Wakaf Selangor itu adalah untuk menggalakkan, mendorong membantu dan mengusahakan, memajukan harta dan produk Wakaf Agama Islam Negeri Selangor selaras dengan hukum syarak. YAB Dato' Menteri Besar juga telah berucap di dalam pembentangan bajet 2018 yang menyarankan dan menggalakkan semua kakitangan awam dan swasta untuk mendorong sistem wakaf dan menyumbang wakaf terutamanya melalui potongan gaji. Di kalangan kakitangan awam telah memulakan, telah dimulakan Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negerisendiri dengan membuat potongan gaji wakaf berjadual. Sehingga bulan Ogos 2017 hanya seramai 7,133 orang yang berwakaf melalui potongan gaji yang terdiri daripada penjawat awam Negeri yang beragama Islam. Ini membabitkan purata jumlah sumbangan sebanyak RM32,843.00 sebulan. Jika dilihat angka ini masihlah kecil memandangkan jumlah keseluruhan penjawat awam Negeri dan yang beragama Islam sahaja adalah seramai 22,592 orang termasuk mereka yang berstatus kontrak. Untuk makluman Kota Anggerik, saranan agar institusi Islam seperti masjid, sekolah tafhiz dibiayai oleh PWS.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Mohon penjelasan bab wakaf.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Silakan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Yang Berhormat, ada beza di antara menggalakkan dengan mewajibkan. Kalau kita ambil contoh Singapura. Di Singapura kakitangan Islam diwajibkan menyumbang untuk tabung apa ni mendaki, jadi saya mencadangkan RM5.00 bukan kadar yang besar untuk kakitangan awam, cuma kena beri semangat bahawa wakaf ini ialah simpanan kekal kita sehingga ke akhirat. Kalau kita beri keyakinan kepada kakitangan awam ini RM5.00 ini bukan untuk sumbangan biasa, rasanya ini boleh menanam satu semangat menyumbang dan kepada mereka yang bergaji lebih RM3,000.00 takkanlah RM5.00 sahaja. Jadi, mungkin dengan ini

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

boleh meningkatkan kutipan berbanding 32,000 setakat ini. Jadi, ini cadangan saya kepada kerajaan.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Kota Anggerik. Cuma kita kena melihat kepada perbezaan sama ada dalam bentuk tabungan ataupun wakaf. Tabungan mungkin kita boleh kalau disebutkan tadi dalam bentuk kita wajibkan. Wakaf ini adalah berbeza kalau zakat dan wakaf juga ia berbeza kita tidak boleh mewajibkan

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Maksud saya Yang Berhormat, wakaf ini ialah satu tabungan untuk kita di akhirat bukan tabungan di dunia. Jadi, kena yakinkan kepada kakitangan awam bahawa wakaf ini tabungan kita untuk di akhirat bukan simpanan di dunia sahaja.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Maklumlah, Kota Anggerik. ialah, saya ingat, di peringkat Kerajaan Negeri kita melihat inisiatif pendidikan kepada rakyat itu adalah penting sebelum kita mengambil tindakan-tindakan. Cuma seperti mana yang saya katakan tadi, asasnya kita tidak boleh mewajibkan, terpulang kepada individu mungkin daripada sudut pendidikannya kita kena maklumkan bahawa tidaklah satu yang akhirnya kebaikan kepada Islam itu sendiri.Untuk maklumkan Y.B. Kota Anggerik juga, saranan agar institusi Islam seperti masjid dan sekolah tahfiz dibiayai oleh PWS. PWS mengambil maklum. Namun atas faktor keterbatasan sumber dana wakaf yang diterima masa kini masih menjadi kekangan PWS untuk melaksanakan saranan yang dicadangkan itu. Oleh itu PWS mengalu-alukan sumbangan wakaf daripada semua pihak termasuklah penglibatan daripada Kerajaan Negeri, anak-anak syarikat dan juga pihak swasta agar saranan ini dapat direalisasikan. Kemudian, Selat Klang. Selat Klang pun tiada. Morib, saya ingat Morib pun tiada dan sebahagiannya pun telah saya jawab dalam jawapan lisan pada pagi tadi. Paya Jaras, jawapannya telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Seri Serdang berkaitan dengan pembinaan Sekolah Rendah Agama Puchong Perdana, sedia maklum bahawa pembinaan Sekolah Rendah Puchong Perdana ini juga termasuk dalam senarai projek RMK 11. Walau bagaimanapun, pembinaan pada masa ini masih belum dapat dilaksanakan atas faktor kewangan yang saya kira InsyaAllah ia akan juga dilakukan pada RMK11 itu nanti. Kemudian berkaitan dengan Sekolah Tahfiz Vokasional. Kita mengalu-alukan ucapan tahniah kerana ada satu sebuah tahfiz vokasional di Seri Serdang yang berjaya membawa pendekatan vokasional dan ini mungkin boleh dijadikan juga sebagai salah satu saranan seperti Sabak untuk mengadakan institusi maahad-maahad tahfiz yang bersifat vokasional. Sebenarnya Kerajaan Negeri sudah menjadikan satu dasar untuk membina maahad integrasi tahfiz bersifat vokasional dan pada masa itu dicadangkan di Kuala Selangor yang saya kira mungkin ini sebagai salah satu inisiatif selain daripada mewujudkan satu maahad tahfiz di setiap daerah tetapi juga mengambil saranan

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

supaya ada peringkat sekolah menengah. Cuma mungkin sifatnya sekolah menengah ini adalah terpilih *crime of the crime* dan saya kira mungkin sejajar dengan usaha yang dibuat oleh Ijok dengan inisiatif kelas bahasa Inggeris dan sebagainya saya kira pengisian utamanya adalah daripada masyarakat kawasan itu juga sendiri.Kemudian Masjid Lestari Putera dan SRA yang berhampiran dengan Lestari Putera yang saya dimaklumkan ada tapak yang berkeluasan dalam kurang 12 ekar dan InsyaAllah kita akan melihat *priority* masjid dan juga SRA ini diperingkat Negeri dan mungkin boleh dipertimbangkan dalam RMK ke 12 nanti. Ijok, Ijok mencadangkan supaya dibina sekolah agama rakyat menengah seperti mana juga sekolah-sekolah agama yang ada di Negeri Selangor yang lain termasuklah 23 SPBK yang ada. Kerajaan Negerimempunya hasrat untuk menambah bilangan Sekolah Menengah Agama di Selangor memandangkan hanya 23 Sekolah Menengah Agama yang sedia ada tidak mampu menampung keperluan semasa. Walau bagaimanapun, pembukaan sekolah agama menengah baru tidak dapat dilaksanakan kerana penyediaan guru SAM melibatkan kelulusan perjawatan daripada JPA dan KPM sendiri yang saya kira ini juga menjadi kekangan kita apabila kita mewujudkan maahad tahfiz integrasi di Negeri Selangor untuk perjawatan-perjawatan tetap terutamanya yang menjadi keutamaan kepada tenaga-tenaga pengajar. Sebagai alternatif Jabatan Agama Islam Negeri Selangor merancang menambahkan KAFA Menengah seperti yang sedia ada yang beroperasi di sekolah-sekolah rendah agama ataupun mungkin kita boleh juga menggunakan prasarana sekolah menengah kebangsaan kalau ada satu kolaborasi dengan pihak Jabatan Pelajaran Negeri Selangor. Hulu Bernam tidak ada. Dan akhirnya cadangan daripada Tanjung Sepat agar Kerajaan Negerimelihat mungkin polisi atau dasar pembesaran kampung ataupun penstrukturran semula kampung bagi tujuan keperluan rumah kepada masyarakat dan juga pembangunan ekonomi. Kalau kita lihat pada masa ini akibat daripada pembangunan ia juga menjadi satu permasalahan kepada kampung-kampung tradisi, kampung-kampung baru, kampung-kampung tersusun dan penempatan-penempatan lain yang akhirnya kita terpaksa membuat sesuatu pendekatan proaktif ataupun pemutihan di atas pembangunan yang sedia ada kerana ke tidak kepadatan ataupun kilang penyusunan yang terbaik di dalam kampung-kampung yang disebutkan tadi. Saya kira inisiatif yang sangat baik kerana kita melihat kampung-kampung tradisi pada masa kini pun sebahagian besar daripada tanah-tanah lot pertanian pada hari ini telah dipenuhi dengan rumah-rumah. Dan saya kira di peringkat Kerajaan Negeripun ada inisiatif yang telah dibincangkan bagaimana pemutihan ini boleh berlaku dengan inisiatif untuk menukar syarat tapak pertanian kepada perumahan dan adalah insentif-insentif yang tertentu untuk menggalakkan ianya berlaku tetapi ini adalah dalam peringkat penyelidikan kita supaya ia akan menjadi satu hasil yang terbaik untuk kita melihat pembangunan yang lebih mampan di peringkat kawasan-kawasan kampung. Begitu juga dengan kampung-kampung bagan sebagai contoh yang padat, yang tidak tersusun mungkin sudah tiba masanya untuk

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

kita lihat bagaimana inisiatif untuk susunkan semula atau pun mungkin dalam bentuk pembangunan kampung sepakat yang mana akhirnya sistem infrastruktur jalan, parit dan sebagainya lebih teratur dan rakyat akan hidup lebih dalam keadaan yang selesa. Selain daripada itu ada cadangan juga untuk mengadakan penempatan-penempatan kepada penduduk-penduduk ladang ataupun estet yang saya kira hari ini mungkin disebabkan oleh pembangunan yang begitu rancak di Negeri Selangor akhirnya estet-estet pun terkesan dengan pembangunan dan mereka-mereka yang tinggal di estet tidak mempunyai penempatan ataupun tidak mampu untuk membeli rumah-rumah di kawasan bandar ataupun pinggir bandar dan mungkin ada satu usaha bagaimana kita boleh juga bangunkan rumah-rumah mampu milik di kawasan luar bandar terutamanya untuk masyarakat-masyarakat yang disebutkan tadi. Saya kira itu antara beberapa yang saya nak jawab di dalam penggulungan ini daripada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Terima kasih Sijangkang. Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Puan Speaker. Terima kasih kepada Damansara Utama, Kampung Tunku dan Kota Anggerik atas keprihatinan dan juga cadangan untuk meningkatkan usaha Negeri untuk menangani isu global iaitu perubahan iklim di Negeri Selangor. Pihak kerajaan mengambil maklum cadangan-cadangan untuk menubuhkan Jawatankuasa Perubahan Iklim Inti grasi dan Adaptasi Selangor serta menambah peruntukan kepada PBT dalam program-program perubahan iklim. Untuk pengetahuan Damansara Utama, Kampung Tunku dan juga Kota Anggerik, Jabatan Meteorologi di bawah Kerajaan Persekutuan adalah dipertanggungjawabkan untuk membuat kajian perubahan iklim dan ramalan cuaca. Unit Bencana Kerajaan Negerisentiasa bekerjasama dengan semua pihak termasuk Jabatan Meteorologi untuk meramal cuaca semasa, mempergiatkan usaha-usaha pencegahan serta meningkatkan kapasiti Kerajaan Negeri dalam menangani bencana termasuk bencana banjir. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha bagi memastikan perancangan dan juga penetapan dasar kerajaan dilaksanakan dengan mengambil kira kesan perubahan iklim. Hal ini dapat dilihat melalui penetapan Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2016 sehingga 2018 yang merupakan salah satu usaha Kerajaan Negerike arah pembangunan mampan dan pengurangan pelepasan karbon di Negeri ini. Jadi, Kerajaan Negeri pada pagi ini telah memberi jawapan yang lebih detail tentang usaha dan juga pelan tindakan yang diambil semua oleh PBT-PBT. Saya juga ingin menjawab beberapa cadangan yang dibentangkan oleh Kota Anggerik. Kota Anggerik telah mengemukakan semasa ucapan beliau kepada Dewan ini tentang pasar hijau dan menawarkan perkhidmatan untuk membuat kajian dan juga menambah baik 3 pasar di Shah Alam dan juga Klang. Kerajaan Negeri menyambut baik saranan Kota Anggerik dan kita memang setuju. Kita akan

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

menyokong secara peruntukan membolehkan Kota Anggerik memulakan projek PERINTIS bermula di Shah Alam dan kemudiannya di Klang. Selain daripada itu, Kota Anggerik juga telah menyarankan supaya motosikal elektrik sebagai contohnya ataupun kenderaan elektrik digunakan dengan lebih meluas. Untuk makluman Kota Anggerik PBT seperti MBPJ dan juga MPSJ sebagai contohnya telah mula menggunakan kenderaan elektrik seperti motosikal elektrik di mana mereka telah menyewa daripada syarikat-syarikat tertentu untuk pasukan penguat kuasanya. Selain daripada itu juga kita ada juga bas elektrik di MBPJ dan juga MBSA. Tuan Speaker, saya juga ada jawapan untuk Yang Berhormat Teratai, Sungai Panjang, Sungai Burong dan juga Selat Klang. Memandangkan mereka tidak hadir pada Dewan pada petang ini saya akan menjawab secara bertulis.

**Y.B. TUAN SPEAKER:** Terima kasih Bukit Lanjan. Taman Templer.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker dan terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang telah pun menyentuh berkaitan dengan portfolio infrastruktur dan kemudahan awam, pemodenan pertanian dan industri asas tani dan saya juga memilih untuk tidak menjawab secara lisan kepada mana-mana Ahli Dewan yang tidak ada, tidak berada di dalam Dewan. Sungai Burong bertanya berkenaan dengan pembangunan Sungai Klang, tidak ada di dalam Dewan. Begitu juga dengan Hulu Bernam, juga tidak ada dalam Dewan, saya kira tidak perlu untuk menjawab secara lisan tetapi akan dinyatakan secara bertulis. Bukit Gasing pun tak ada, berkaitan dengan penggantian paip *hotspot* baru, saya kira kita mengambil sebagai cadangan. Begitu juga dengan air percuma dan tarif air sama seperti kediaman untuk servis apartmen. Batang Kali juga tiada. Berkaitan dengan (walaupun saya sebenarnya berminat untuk menjawab supaya ianya boleh di *pick up* ataupun boleh diambil perhatian oleh pihak luar. Mungkin kita menggunakan kaedah yang lain untuk menyampaikan maklumat-maklumat yang betul di atas apa isu yang telah pun dibangkitkan.

**TUAN SPEAKER :** Jangan risau, masih ada peringkat Jawatankuasa, ada usul pembangunan.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB :** Tuan Speaker telah meredakan kerisauan saya. Ok. Tanjung Sepat ada membangkitkan persoalan berkenaan dengan peranan dan kepentingan Seksyen 20A yang sudah pasti projek-projek besar akan dibincangkan dalam Seksyen 20A yang di mana di situ peranan Kerajaan Negeri untuk intervensi untuk mengambil beberapa tindakan khususnya memantau dan memastikan segala projek-projek yang akan dilaksanakan dapat diadakan perbincangan awal

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

dengan Kerajaan Negeri dan dipantau oleh pihak-pihak yang berkaitan. Batang Kali juga tidak ada di dalam Dewan. Saya kira berkenaan dengan penyalahgunaan

**TUAN SPEAKER :** Kalau tak ada tak payah jawab kerana buang masa Ahli Dewan Negeri yang lain.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Tak perlu sebut pun eh?

**TUAN SPEAKER :** Tak perlu.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Batu Tiga. Selat Klang. Tanjung Sepat ada membangkitkan persoalan dengan kemudahan asas berkaitan dengan Jeti Tanjung Sepat. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri akan membuat keputusan dalam masa terdekat berhubung agensi kerajaan yang akan mengendalikan Jeti Tanjung Sepat dan kawasan sekitarnya. Cadangan agensi kerajaan yang akan mengendalikan jeti tersebut akan dikemukakan di mana pengurusan jeti adalah di bawah bidang kuasa LUAS dan pengurusan dataran adalah di bawah bidang kuasa Majlis Daerah Kuala Langat. Setelah kelulusan diberi, sudah pasti agensi-agensi kerajaan ini akan memberikan peringatan yang baik kepada rakyat dan sudah pasti di sana ada perbincangan dengan pihak Y.B. Adun Tanjung Sepat untuk memastikan supaya penyelenggaraan Jeti Tanjung Sepat yang baru dinaiktaraf ini dapat kita kelolakan dengan yang terbaik. Selat Klang berkaitan dengan cadangan laluan kemudahan alternatif memudahkan dan menjaga keselamatan pelajar sekolah di jajaran Jambatan Ketiga Klang. Untuk pengetahuan Selat Klang, kajian Audit Keselamatan Jalan Raya (RSA) bagi laluan kemudahan alternatif untuk memudahkan pelajar sekolah melintas jalan telah selesai dilaksanakan oleh Juruaudit berauliah. JKR telah mendapat kelulusan kos pembinaan laluan pejalan kaki dan kemudahan-kemudahan lain seperti yang dicadangkan oleh perunding RSA daripada Pejabat Kewangan Negeri melalui peruntukan projek. Kerja-kerja ini akan dilaksanakan di bawah Wang Peruntukan Sementara (WPS) dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat. JKR dan Pejabat Tanah dan Daerah Klang telah selesai mengadakan sesi *hearing* (pendengaran awam) dengan tuan tanah bagi pengambilan balik tanah untuk menggantikan gerai sedia ada. Proses yang dilaksanakan ini dijangka selesai pada hujung bulan November 2017 dan sekiranya tuan tanah tidak mengadakan bantahan berdasarkan Akta Pengambilan Tanah 1969, gerai sementara ini tidak akan dirobohkan sehingga kontraktor pembinaan bagi projek fasa 2 ini dilantik. Pembinaan semula

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI :** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** gerai akan dilaksanakan oleh MPK.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI** : Boleh tanya tak? Di mana kawasan tu? Sebab yang dicadangkan oleh MPK adalah kawasan yang telah dibantahkan oleh 101 penduduk.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Terima kasih Selat Klang. Proses ini masih berjalan dan ada cadangan-cadangan yang mungkin kita akan melibatkan sekali Selat Klang dalam membuat keputusan. Teratai ada membangkitkan berkenaan dengan

**TUAN SPEAKER** : Teratai tak ada.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Oh, tidak ada. Tak ada *side mirror*. Sorry. Berkenaan dengan pertanian, Sungai Burong tak ada ya. Saya kira Sekinchan dan juga Sabak ada membangkitkan berkaitan dengan BLB. Sabak ada berkait bangkitkan dengan BLB yang mana untuk pengetahuan Ahli Dewan bahawa bantuan kewangan kepada pesawah yang terkesan akibat serangan penyakit Bakteria Hawar Daun ataupun *Bacteria Leaf Blight* (BLB) ialah berdasarkan bancian yang dilaksanakan oleh Bahagian Bio-security Jabatan Pertanian Selangor. Bancian yang dilaksanakan adalah secara menyeluruh 100% iaitu di semua kawasan sawah padi. Bancian dilaksanakan dengan kaedah pensampelan bermula dari blok pangeran sawah sempadan hingga blok pangeran bagan terap dan ia dilakukan dengan teliti di setiap kawasan untuk mendapatkan data yang tepat. Hasil dari bancian tersebutlah jumlah pesawah yang telah direkodkan sebagai terjejas adalah seramai 8,953 orang. Walau bagaimanapun, bagi lot sawah di kawasan pengairan sawah sempadan dapatan daripada bancian menunjukkan bahawa walaupun terdapat serangan BLB di kawasan tersebut, tahap kerosakan yang dialami tidak mencapai tahap ambang ekonomi (*Economic Threshold level*) ataupun ETL. Kurang lebih di bawah 20% di mana kerosakannya sangat kecil dan tidak menjaskan hasil secara keseluruhan. Maka dengan itu, lot-lot tersebut tidak dimasukkan ke dalam data bancian kerosakan penyakit BLB. Jabatan Pertanian Selangor juga telah memuktamadkan bancian BLB bagi musim kedua 2016. Kerajaan Negeritelah pun membincangkan berkenaan dengan cadangan untuk menyediakan insurans bagi melindungi kerosakan tanaman akibat bencana kepada pesawah. Walau bagaimanapun, pihak insurans tidak dapat menyediakan pelindungan sedemikian. Untuk makluman Dewan, pihak kerajaan persekutuan telah mencadangkan dengan memperuntukkan sejumlah RM50juta bagi melindungi pesawah yang terkesan akibat daripada bencana pada pembentangan Bajet 2013 yang lepas di bawah Program Skim Insurans Takaful Padi. Namun begitu, untuk pengetahuan Sekinchan program tersebut tidak dapat dilaksanakan sehingga ke hari ini. Dibajetkan tetapi tidak boleh dilaksanakan. Ini contoh bajet yang tidak bertanggungjawab. Walau bagaimanapun bagi Negeri Selangor, selain daripada

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

pemberian Skim Insurans Pesawah, bantuan-bantuan lain juga boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri untuk diberikan kepada pesawah yang ditimpa musibah akibat daripada kesan bencana seperti mana bantuan awal yang diberikan kepada pesawah bagi peringkat awal serangan BLB iaitu bantuan berbentuk baja dan racun. Rekod pesawah daripada Sabak dan juga Sungai Burong dan Sungai Panjang. Ya. Rekod pesawah yang ada pada Jabatan Pertanian Selangor sebelum ini kurang kemas dan tidak *updated* sehingga menyebabkan proses penyediaan dan penyerahan cek-cek kepada pesawah tidak lancar seperti yang dirancang. Sumber maklumat pesawah pada ketika itu adalah berdasarkan kepada rekod subsidi baja padi dan rekod yang diperolehi melalui ketua-ketua blok. Jabatan Pertanian Selangor sudah pun memperbaiki SOP bagi penyusunan rekod pesawah dan telah mengambil tindakan memperbetulkan rekod ini supaya kesemua pesawah yang disenaraikan dalam bincian kerosakan tanaman akibat BLB yang telah pun dimuktamadkan mendapat bantuan seperti yang dijanjikan. Selain daripada itu, faktor yang turut menyebabkan kelewatan dan kesilapan pada cek adalah seperti tiada salinan kad pengenalan atau kad pengenalan yang tidak sempurna, pertukaran nama yang melibatkan tuan tanah dengan operator, pertukaran nama disebabkan oleh penama asal telah meninggal dunia dan juga sedikit kesilapan *typing*, terdapat juga pertukaran cek disebabkan kerosakan fizikal pada cek yang dipegang dan disimpan oleh pesawah dan juga cek yang telah pun tamat tempoh selepas penyerahan akibat disimpan terlalu lama oleh pesawah. Untuk makluman Dewan bahawa sehingga kini yang masih belum menerima hanya 847 penerima. Sekinchan kosong. Semuanya telah menerima. Sekinchan juga ada bertanya berkenaan dengan bantahan bantuan tambahan secara *one off*. Kerajaan Negeri secara dasarnya tiada halangan untuk mempertimbangkan bantuan bagi disalurkan kepada pesawah-pesawah yang terjejas teruk akibat serangan penyakit seperti mana yang dilaksanakan dalam konteks BLB ini. Namun begitu, cadangan untuk menyediakan bantuan secara *one off* seperti yang dibangkitkan oleh Sekinchan pada musim satu (musim pertama) 2017 yang dikatakan terjejas teruk sebenarnya tidaklah seteruk mana seperti mana pada musim kedua 2016 (dibandingkan dengan musim kedua 2016) berdasarkan kepada rekod bincian dan Jabatan Pertanian Selangor. Memang kita difahamkan penyakit banner perang ini menyerang secara spesifik dan menyebabkan ada individu-individu yang terjejas teruk tetapi secara puratanya ianya tidak meluas. Pemotongan padi di Negeri Selangor yang dipotong sekarang ini antara 20% hingga 25% tetapi ianya di bawah federal yang harus dipertanggungjawabkan untuk menjaga kebijakan para pesawah ini. Walau bagaimanapun, Jabatan Pertanian Selangor sentiasa memberikan maklumat dan pendedahan kepada pesawah berkenaan dengan amalan *rise check* ataupun amalan pertanian baik untuk pengeluaran hasil padi yang berkualiti agar potongan pemotongan ini dapat dikurangkan kepada 17% hingga 20% sahaja. Kita harus meningkatkan dari sudut pemutuan. Pesawah juga dinasihatkan agar menghasilkan padi mereka sekurang-

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

kurangnya 85% telah masak sebelum ianya dituai. Begitu juga isu meningkatkan harga padi pada RM1,400 per tan juga bukan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Sabak juga ada membangkitkan berkaitan dengan kebimbangan terhadap kemahiran bertani yang tidak diwarisi golongan muda. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani di bawah Jabatan Pertanian Selangor memberi fokus kepada golongan pelapis untuk menceburi sektor pertanian. Terdapat beberapa program yang telah pun dan sedang dilaksanakan dengan giat seperti program Agro Generasi Muda (AGROGEMS), latihan kepada golongan sasar inkubator belia tani, kursus kejenteraan pertanian khusus untuk golongan muda. Program-program tersebut bertujuan untuk menarik minat golongan muda menceburi bidang pertanian dan melatih mereka untuk mengusahakan pertanian secara komersial dan alhamdulillah setakat ini sambutan daripada golongan-golongan muda ini cukup mengujakan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Celah sikit. Pencerahan ya. Terima kasih Y.B. Exco Pertanian yang memberi jawapan secara *detail*. Cuma saya nampak apa yang bantuan daripada kerajaan persekutuan untuk dalam bajet mereka untuk mewujudkan satu tabung ataupun Skim Insurans Takaful RM50juta yang gagal sampai hari ini tidak dapat dilaksanakan cuma janji tak serupa bikin. Jadi saya minta apakah Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan bahawa setiap tahun kita bagi satu geran untuk dalam satu tabung disimpan. Apabila berlaku sesuatu bencana seperti serangan penyakit, bencana alam, musibah untuk petani-petani ini (pesawah-pesawah ini) dapat gunakan tabung tersebut untuk membantu mereka dalam kadar yang segera. Itu satu. Yang kedua, soal potongan basah ini. Memang kita Kerajaan Negeri tidak banyak bidang kuasa dalam perkara ini, tetapi saya hairan dalam mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan dengan Kementerian Pertanian, saya minta Y.B. Exco kena tegas bahawa potongan basahan ini sepatutnya paling kurang, paling lebih 17%. Jangan lebih daripada itu. Sekarang 20%-25%. Sedangkan kalau kita jual pisang, jual apa pun kita tak ada potongan basah. Jual nangka mana ada potongan basah. Tapi padi ada potongan basah dan 17%. Ini sangat membebankan petani-petani. Saya harap Y.B. Exco dapat bantu perjuangkan perkara ini supaya nasib petani-petani dan pesawah dapat dibela untuk soal pemutuan dan 17% harus balik kepada 17%. Jangan lebih daripada itu. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih Sekinchan. Saya menyokong penuh cadangan dan buah fikiran Sekinchan dan saya kira dalam topik ini kita sama-sama memperjuangkan dan setakat ini saya ingin dalam 3 ke 4 tahun sebagai EXCO Pertanian ini belum pernah dipanggil di peringkat Kementerian walaupun saya difahamkan ada beberapa sidang pertemuan yang melibatkan EXCO Pertanian dari Negeri-Negeri yang lain. Jadi kita panjangkan dalam dewan ini dan

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

mungkin dalam media-media itulah saluran yang kita ada dan Morib, Sekinchan juga ada bangkitkan berkaitan dengan kajian berkenaan tentang kemerosotan hasil padi selepas penggunaan padi yang baru. Seperti yang kita ketahui ada beberapa variety pagi yang popular padi gunakan termasuklah MR220 CL2, MR219, MR 263, MR 269, MR284, MR 297. Majoriti pesawah masih mengekalkan penggunaan benih MR220 CL2 di mana benih ini telah digunakan lebih daripada 10 musim yang sepatutnya disarankan hanya 2 musim atau 3 musim. Benih padi baru telah diperkenalkan namun begitu, tidak begitu popular disebabkan potensi hasil yang tidak setanding dengan MR220 MR219. Disebabkan penggunaan terlalu lama ada di antara variati padi ini tidak lagi *resistance* tidak lagi kebal terhadap penyakit. Pada musim 2016 lalu padi MR220 CL2 yang banyak digunakan oleh pesawah ini teruk diserang oleh BLB.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta sikit pencerahan. Berkenaan dengan benih padi CL2 yang digunakan dicadangkan oleh MARDI untuk penanaman oleh pesawah-pesawah. Dia hanya 3 musim kenapa boleh wujud sampai dibenarkan 10 musim ada petani-petani, pesawah-pesawah menanam padi benih tersebut sampai 10 musim. Apakah bentuk pemantau, pengawal daripada Jabatan Pertanian dalam konteks ini. Saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih Sekinchan. Di peringkat Jabatan Pertanian sering turun bertemu dengan pesawah-pesawah dan memberikan khidmat nasihat supaya mereka juga menggunakan benih-benih padi yang lain dan seperti mana yang kita ketahui bahawa Air Barat Laut juga Agensi yang terlibat secara langsung dalam memantau perkara ini dan juga perlunya peranan daripada ADUN dan sebagainya untuk memberikan kesedaran supaya pesawah-pesawah kita ini mengambil khidmat nasihat yang diberikan oleh Jabatan Pertanian begitu juga dengan agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan kerana kalau tidak kecenderungan untuk diserang oleh penyakit ini akan sangat besar. Sekinchan dan juga begitu juga berkenaan dengan penularan penyakit ini sebab itu Kerajaan Negeri memperkenalkan beberapa pendekatan seperti pertanian persis ataupun *precision agriculture* dan penggunaan teknologi moden seperti dron dan sebagainya supaya untuk mengelakkan kawasan-kawasan berpenyakit ini disebarluaskan melalui penggerakan manusia. Kalau kita lihatkan pada musim yang disebutkan tadi bahawa banyak keter dapatan kawasan-kawasan tanaman padi ini merebak begitu terus sekali wabak BLB adalah terhasil daripada pergerakan manusia. Justeru itu penggunaan teknologi baru seperti dron dan sebagainya boleh mengelakkan supaya jangkitan ini melebar luas. Begitu juga dengan pertanian persis supaya penggunaan baja-baja kimia ataupun hadkan penggunaan baja-baja ini kepada perkara-perkara ataupun tempat-tempat yang sememang diperlukan begitu juga kuantitinya berdasarkan kepada maklumat yang tepat jumlah kuantiti yang diperlukan bukannya secara pukul rata.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI :** Penjelasan. Saya sejak tak jadi EXCO Pertanian saya tak nak bertanya soal Pertanian. Takut dikata saya sentimental pula kan. Cumanya bila hasil merosot teruk dan memberi kesan kepada pendapatan petani saya rasa antara teknik yang pernah diperkenalkan iaitu organik yang nampaknya boleh bina daya tanah pokok-pokok. Dan petani-petani yang menggunakan teknik dapat dikawal penularannya. Cuma akhir-akhir ini kempen kepada petani biologi ini yang organik ini boleh agak menurun dan nampaknya jabatan ini tidak konsisten dia ikut arahan EXCO. Bukan soal *method* sapa EXCO dia ikut sapa tak sapa tak dia ikut. Apa pandangan Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih Kota Anggerik, saya kira pandangan itu kurang tepat, bukan sebab ikut arahan EXCO. Dia banyak faktor dan kalau kita melihat Sekinchan juga boleh menjadi saksi bahawa bila mana berlakunya BLB peringkat awal di peringkat saya sendiri turun kita mengeluarkan belanja kurang lebih RM960 ribu ketika itu. Dan sebahagian besar lot kita tawarkan untuk memberikan baja organik tetapi kebanyakannya tempat menolak termasuk Sekinchan. Mereka memilih untuk *still* menggunakan baja yang berasaskan kepada kimia ini. Maka di situ saya tidak mahu mengambil masa untuk mengulas faktor kenapa dan mengapa termasuk juga kita melihat dan turun untuk melihat balik projek-projek sebelum ini kita menggalakkan tetapi banyak faktor seperti mana faktor-faktor untuk membuat projek-projek ataupun baja yang berasaskan kepada organik ini natural *farming* dan sebagainya perlukan juga kos-kos walaupun hasil daripada buangan yang kita tidak boleh samakan dengan negara-negara lain yang secara mudah boleh mendapatkan bahan-bahan terbuang itu. Mereka perlu membeli memproses dan sebagainya dan melibatkan kos dan kita juga membantu proses tersebut dengan bantuan-bantuan untuk mendapatkan bahan-bahan untuk membuat baja-baja yang berasaskan kepada organik tersebut. Begitu juga dengan di kalangan sikap petani-petani sendiri, mereka lebih memilih untuk membeli daripada mereka yang mengusahakan baja natural *farming* ini. Mereka tidak mahu terlibat dengan aktiviti yang renyah sebagai terpaksa mengutip bahan-bahan terbuang, mengambil mungkin membuat proses dan sebagainya. Ini mungkin satu sikap yang perlu kita perbetulkan. Saya setuju dengan Kota Anggerik itu juga di antara jalan keluar untuk kita memastikan supaya ketahanan kepada penyakit-penyakit ini dapat kita pertingkatkan kerana *vulnerability* kepada penyakit ini lebih besar apabila kita menggunakan racun atau bahan-bahan yang berasaskan kepada kimia.

**TUAN SPEAKER :** Cempaka

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Bismillahir Rahmannir rahim. Terima kasih kepada Gombak Setia yang bertanya tentang rumah Selangorku Seri Temenggong. Untuk makluman Gombak Setia, kebenaran merancang MMKN telah lulus 8 Mei 2017, tetapi PKNS akan membuat permohonan pindaan kepada kebenaran merancang pada penghujung bulan November ini. Oleh kerana untuk

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

menambah unit yang dijangkakan kelulusan dijangka diterima pada paling lewat pada bulan Mac 2018 dan kelulusan pelan pembangunan paling lewat dapat diterima pada bulan Mei 2018. Dan kerja-kerja ditapak sebenarnya akan diminta ataupun akan kita mendapatkan permohonan daripada pihak Majlis untuk mulakan pada bulan Disember 2017 sebab kita telah mendapat kebenaran merancang, kita hanya memerlukan pindaan kepada kebenaran merancang dan program atau projek ini dijangka siap pada tahun 2021 iaitu 3 tahun daripada tarikh itu dimulakan. Terima kasih kepada Semenyih yang telah, Yang Berhormat telah bertanya tentang rumah Selangorku di Semenyih. Beliau telah, Yang Berhormat telah mendakwa bahawa terdapat 16 unit rumah Selangorku di Semenyih. Sebenarnya apa yang saya laporkan semasa menjawab soalan nombor, soalan tempoh hari adalah rumah Selangorku yang siap di Semenyih tapi saya telah laporkan menjawab tambahan daripada Semenyih terdapat banyak lagi projek-projek rumah Selangorku di Semenyih di kawasan juga di kawasan perlahan di Kajang di antaranya adalah pemaju Eco Majestik Sdn Bhd. Lokasinya di atas Lot PT 15780 PT 15781, PT 15782, PT 15783 dan PT 15784 dan PT15785 di Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat. Rumah pangsa kos sederhana rendah sebanyak 750 unit. Rumah Pangsa Kos Sederhana Rendah 490 unit dan Rumah Pangsa Kos Sederhana iaitu 900 unit. Kesemuanya boleh ditafsirkan rumah Selangorku sebab ia nya di bawah RM250 ribu. Keseluruhannya ialah 1240 unit dan juga ada rumah jenis B sebanyak 870 unit iaitu di Lot 35, Lot 1252 dan di Lot 42195. Yang kedua adalah Eco Majesti Sdn Bhd iaitu di Lot 25 dan seterusnya iaitu di Tarun Estate Mukim Beranang, Daerah Hulu Langat juga di situ dibina rumah Selangorku. Dan seterusnya di D Asa Management Services Sdn. Bhd. iaitu di lokasi 1947 Mukim Kajang, yang ini di Kajang jenis A sebanyak 90 unit, jenis B 117 unit dan jenis C dan keseluruhannya adalah 207. Dan seterusnya adalah Jade Homes Sdn. Bhd. oleh Gamuda Land Berhad iaitu di lokasi PT 71607 di PT 71608 dan di PT 71609 Jade Hills, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat di sana akan dibina jenis A 142 unit, jenis B 72 unit, jenis C 72, jenis D 428 unit dan jumlahnya adalah 714 unit. Tetapi dan juga Bangi Height Development Sn Bhd, lokasinya di Lot 38827 Mukim Kajang di mana jenis B 360 unit, jenis C 34. unit , jenis D 342 unit keseluruhannya 1044 unit. Saya sebenarnya boleh maafkan sekiranya Semenyih tidak mengetahui projek-projek rumah Selangorku yang diluluskan kerana Semenyih sudah tentu sudah ada capaian akses kepada minit mesyuarat MMKN atau minit Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku ataupun minit OSC tetapi ada satu projek iaitu projek ECO Majestic oleh ECO World Development Berhad yang sedang dalam pembinaan, Kemajuannya adalah sekarang adalah 45% rumah Selangorku jenis B dan juga telah ditawarkan kepada pembeli-pembeli. Saya hairan kenapa Semenyih tidak tahu pembangunan ini. Ini ada gambar besar rumah ini, macam mana Semenyih boleh *miss* gambar ini. Tak turun padang ke? saya pun tak faham, mungkin ia terlepas pandang.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ** : Boleh mencelah. Boleh Semenyih mencelah.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Tak habis lagi tunggulah

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ** : Sebab tunjuk macam nak dah habis belum kalau boleh saya nak mencelah.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Kejab lagi bagi habiskan part ini saya bagi tanya. Jadi bahawa dakwaan kata tak ada rumah nampak ada 16 unit saja. Tak pernah sebenarnya benda ni ada dah. Mungkin Semenyih ni terlampau banyak duduk kat Putrajaya kena turun padang. Jadi silakan saya dah habis *part tu*.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ** : Terima kasih EXCO. Saya memang sering turun padang, kerana jalan ECO Hill tu saya yang buka. Tahun punya buka dah masuk 2 tahun. Jadi ECO Hill ni, *first face* dia tak ada Selangorku. Tak ada *first day* orang dah masuk dan 2 tahun orang duduk, tak ada Selangorku. Maksudnya baru binalah 3 tahun. Kenapa? Betullah. Soalannya dah duduk ke? Kenapa dah tahu orang memerlukan rumah dan kenakan syarat Selangorku. Kenapa tak dibuat dahulu? Saya bagi contoh macam di Bandar Baru Bangi. Di UKM dahulu yang di *roundabout* Bandar Baru Bangi. Rumah murah dibina dahulu. Macam mana menjaga kebajikan rakyat

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Sebenarnya, kalau kita lihat. Rumah Selangorku kebanyakan adalah rumah berstrata. Rumah berstrata mengambil masa 3 tahun untuk membina dari segi ...

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ** : rumah murah, dibina dahulu jadi di mana jaga kebajikan rakyat ni?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : kebanyakan rumah Selangorku adalah rumah berstrata. Rumah berstrata mengambil masa 3 tahun untuk membina dari segi daripada Semi-D

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ** : tapi rumah Semi-D dah siap. Jadi..

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Ya lah, maknanya..maknanya dakwaan mengatakan tak ada langsung

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ** : Perancangan apa? Rumah ni dah 3 tahun Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Semalam kata tak bina. Sekarang kata dah bina kata lambat. Apalah Semenyih!

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Saya cakap ada. Tapi bila bina? Kenapa biarkan kemudian? Saya pernah pergi pihak Pemaju.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Cukuplah.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Ini bila saya tanya, ini bila nak jual ni? Belum..tak ada *date*, tak ada jawapan. Saya pergi Ecohill, saya pergi Ecoworld, saya pergi

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Bukan tanya situ, tanya..

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Sekinchan kalau nak cakap tekan lah *mic* jadi tak adalah bertekak macam pasar. Itu saya cakap tak sesuai jadi *backbencher*.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Macam inilah, macam inilah. Benda ini dah ada..

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** ialah, soalannya tak ada serah kunci dah masuk 3 tahun Ecohill, Ecoworld ni. Itu soalan saya.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Ini cakap saja. Dah ada dah.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Nama saja sedap Selangorku, Selangorku diwarwarkan 3 tahun dah. Dah nak *election*.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Yang ini apa? Yang ni apa?

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Ye lah. Mana kunci? Bila serahnya? Ini dah..perumahan ini..

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Tunggulah..

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Perumahan ini dah 3 tahun. Orang dah duduk.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Cukuplah, cukuplah. Ini nak modal nak kena belasah. Cukuplah, cukup.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Perumahan ini dah 3 tahun, orang dah duduk. Orang dah duduk. Jalan ni pun saya yang buka Jalan Ecohill ni.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Hebat-hebat.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Memang saya yang rasmikan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Hebat-hebat. *Hantu Raya* pun tak boleh buka jalan. Ok cepat. (Ketawa) Yang kedua..

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Tak lah maksudnya dirasmikan. Kalau tak..benda tu ada, ada diviralkan. Saya diberi mandat untuk buka jalan..

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Tetapi, masalahnya semalam kata tak ada, mana dia? Saya tunjuk! Mana dia?

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Soalan saya, sampai hari ni, rumah Selangorku ni tak ada serah kunci. 16 unit yang baru siap.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Bukan itu, bukan itu soalannya semalam kata tak ada! Ni jawab dia?

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Mana saya cakap tak ada. Saya cakap ada dikenakan syarat.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Ada.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Orang tau, orang tunggu, orang tunggu tapi serah kunci tak ada. Yang ada saya cakap *double storey* dah bina, *semi-d* dah bina sampai *today* tak ada penyerahan Selangorku tu.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Tak ada cakap penyerahan, ok. Yang seterusnya adalah..terima kasih juga kepada..

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Ini baru 45%, Eco 45%. 45% siapnya bila? Tahun depan 2018 dah masuk tahun keempat.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Tengok ni bila lagi nak siap?

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Bila? Tahun depan? 4 tahun lah. Ha. Lidah kau macam biawak lah. Cabang-cabang.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Semalam kata tak ada.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Siapa kata tak ada?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Bila dah tunjuk kata benda lain.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Tengok balik *hansard*.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Nanti kalau saya tunjuk benda lain dia bangkitkan isu lain pula.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Soalannya, bila serah kunci? Dah 4 tahun.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Semalam tak pernah tanya pun serah kunci.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** 4 tahun saya pergi, jangan cakap saya tak pergi.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Semalam tanya mana dia. Y.B. tak turun padang lagi.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Saya dah pergi Ecoworld. Saya tanya bila tarikh kunci nak diserah?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Tak ada tarikh. Y.B. tak tanya.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Yang Berhormat, dia tak turun padang.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Turun padanglah. Turun ke Semenyih.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Yang 45% ni, yang 45% ni bila tarikh nak serah kunci?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Jangan duduk Putrajaya. Jangan duduk dengan Menteri saja. Ini kipas Menteri saja.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Memang saya duduk dengan Menteri. Hari ini tempat Yang Berhormat EXCO pun kita luluskan rumah PP1M. Memang kita turun padang. (Ahli dewan bersorak) Akan bina, akan bina. Memang, tempat Bukit Antarabangsa pun kita luluskan belasan juta.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Janji kosong.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Ok. Saya nak teruskan tentang Smartlife. Program membaikpulih dan menggantikan lif, modenasi pangsapuri kos rendah Smartlife, bukan program baru seperti yang didakwa. Ia telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada sidang Belanjawan tahun lepas dan sebanyak RM30 juta telah diperuntukkan dan setakat ini ia melibatkan 118 unit lif dengan kos RM29.3 juta sementara lebih daripada RM750,000 digunakan untuk menyelenggarakan 90 unit lif untuk satu tahun. Saya tidak tahu bila Kerajaan Persekutuan memperkenalkan program mereka tetapi Kerajaan Negeribukan bertujuan untuk bermain politik tetapi kita untuk bantu rakyat sahaja. Tidak penting siapa yang laksanakan tetapi jangan dilihat, jangan lihat program Smartlife ini sebagai program baru tetapi program Smartlife ini adalah sebagai kesinambungan kepada Program Ceria. Program Ceria telah dimulakan dalam tahun 2010 sejak itu RM92.1 juta telah dibelanjakan yang melibatkan 281 pembangunan pangsapuri kos rendah dan kos sederhana. Seramai lebih kurang 421,500 orang penduduk telah mendapat manfaat cuma saya nak tekankan disinilah kenapa kita kena buat ceria? Kenapa kita kena belanjakan RM92.1 juta? Sebab rumah kos rendah, pangsapuri yang dibina di zaman kerajaan Barisan Nasional kualitinya rendah. Bukan syurga tetapi menjadi neraka kepada orang Selangor. Oleh sebab itu, kita kena keluarkan..

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ :** Ini pakai duit Marris kan?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Mana ada. Tadi saya dah jawab.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Minta tarik balik. Minta tarik balik.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TOLHA :** Mohon mencelah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Eh minta tarik balik lah.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TOLHA :** Mohon mencelah. Y.B. EXCO mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Yang Berhormat, Yang Berhormat..ok.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TOLHA :** Boleh ke bangunan itu kalau dicat terlampau banyak dia boleh runtuh? Sebab ada satu kenyataan menyatakan cat terlampau tebal sangat jadi ia boleh runtuhkan bangunan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Saya tak tahu lah. Saya pernahlah jadi Arkitek selama 25 tahun..20 tahun lebih tapi saya tak nampaklah bahawa bangunan akan runtuh dengan cat.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Bangunan yang dicat oleh Semenyih boleh.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Jadi kalau kita lihat bahawa dakwaan daripada Yang Berhormat bahawa peruntukan Smartlife diturunkan daripada RM30 juta kepada RM12 juta, saya harap kita boleh lihat perkara ini secara keseluruhan. Kalau kita nak tengok bahawa untuk baikpulih dan menggantikan lif, memang kita sekarang ni turun kepada RM12 juta tetapi kita tambah kos penyelenggaraan lif sebanyak RM1 juta dan juga ada program baru iaitu mengecat pangsapuri sebanyak RM20 juta dan keseluruhannya adalah RM33 juta lebih tinggi daripada RM30 juta untuk Smartlife tahun lepas..tahun ini. Jadi untuk 2018 peruntukan RM12 juta akan melibatkan 40 lif di 20 blok dengan 28,000 penduduk, peruntukan mengecat balik pangsapuri RM20 juta untuk mengecat balik yang melibatkan 46 kawasan dan 138 pangsapuri. Sekiranya, Yang Berhormat tak percayalah, saya mintalah Yang Berhormat, saya bagi senarai Yang Berhormat sendiri turun tengok pangsapuri-pangsapuri. Boleh buat audit, boleh turun dengan saya. Senarai pangsapuri kita akan bagi. Tapi, mungkin Yang Berhormat tak perasan dimanakah projek-projek ini sebab kita hanya letak papan tanda yang kecil sahaja. Kita bukan macam Kerajaan Persekutuan, cat besar-besar lambang Satu Malaysia. Jadi, bermakna kita lebih kepada kita, yang penting kita dapat bantu rakyat untuk memastikan kita punya pangsapuri, kita punya *signboard* kecil saja. Jadi, bermakna bahawa Kerajaan Negeribanyak buat tetapi kita tidaklah menghebahkannya seperti Kerajaan Persekutuan. Seterusnya isu PPR. PPR ini saya tak perlu ulas sebab ada jawapan baru-baru, pada sesi soal jawab, saya dah jawab dan tidak ada soalan tambahan. Jadi, tak perlulah saya jawab lagi cuma Kerajaan Negeribertegas di sini bahawa kita akan terus menuntut RM60 juta tersebut sebab ini yang telah kita keluarkan dan kita akan tuntut tak payahlah kita nak bising di sini. Kita akan bincang di forum yang lain, kita tetap akan menuntut akan RM60 juta tersebut dan untuk rekod, Majlis Bandaraya Petaling Jaya masih menjalankan penyelenggaraan mengutip sampah dan juga membersihkan di kawasan tersebut. Jadi, bermakna wajarlah akan kewangan ataupun duit .. sewa.

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR :** Nak mencelah sikit boleh?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Tunggulah habislah ..sabar, sabar, sabar. Sewa..

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR :** Nak mencelah sikit.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Sekejap lagi, sekejap. Duduk, duduk, duduk. Wajarlah sewa itu dipungut oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Tapi saya nak tegaskan di sini. Ada penduduk yang diugut bahawa kalau mereka tak daftar dengan KPKT mereka boleh dikeluarkan. Mereka diminta untuk tandatangan satu kontrak yang baru dengan KPKT. Saya nak tegaskan di sini bahawa Kerajaan Negeritidak akan membenarkan mana-mana penduduk yang diugut untuk dikeluar atau dihalau keluar kita akan mempertahankan penduduk tersebut. Sebab hak sekarang ini bukan hak KPKT nak halau sesiapa tetapi masih lagi, masih lagi di bawah Kerajaan Negeri. Silakan.

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR :** Ok, saya nak mencelah lah sikit kan. Berkenaan dengan RM60 juta yang dituntut ni tak malu ke? Selama bertahun-tahun telah mengutip sewa, ada yang sewa RM124 dan ada yang sewa RM250, lepas tu nak, dah nak kutip, dah kutip sewa nak tuntut balik.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Tanah KPKT punya.

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR :** Tanah, tanah KPKT. Bangunan, bangunan KPKT. Itu satu. Yang keduanya, tadi kata Kerajaan Persekutuan melalui KPKT mengugut. Eh! Kenapa Kerajaan Negeri melalui PSSB juga mengugut kepada penyewa-penyewa yang tidak membayar sewanya..sebulan masuk 2 bulan ugut nak potong air. Eh! Lagi zalim tau Kerajaan..Negeri ni.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Kita, ini mungkin berkaitan dengan Kota Damansara. Kota Damansara jelas bawah LPHS, jadi maknanya yang pungutannya memang lah dari LPHS atau PHSSB (Perumahan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. ). Jadi, bermakna wajarlah kita memberi notis kepada mereka yang tidak bayar. Tetapi, ini bukan tanah, ini bukan PPR milik KPKT. Kenapa yang nak pungut? Kenapa yang nak ugut orang, nak halau orang? Tak malu ke?

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR :** Hey! Tadi, persoalan yang telah dikemukakan kata mengugut. PHSB pun mengugut penduduk. Saya tak tahu lah EXCO ni turun padang ke tak turun padang. Kadang-kadang, saya didatangi

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Saya turun padang, Y.B. je..

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR :** Dengarlah dulu. Saya didatangi oleh keluarga yang ramai anak telah dipotong airnya sebab tak bayar baru 2 bulan. Dipotong airnya duduk tingkat yang tertinggi. Macam mana? Macam mana nak menguruskan anak tanpa air?

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Isunya, isunya adalah Yang Berhormat. Isunya adalah, wajar atau tidak. Ada *locus standi* atau tidak. Sekarang ni KPKT tak ada *locus standi*, dengan izin, ke atas Lembah Subang. Tak bayar lagi nak masuk. Jadi, bermakna wajarkah yang tak ada *locus standi*, tak ada..tak ada hak nak pungut sewa. Wajar? Tak wajar. Ok. Seterusnya, saya nak pergi kepada Bukit Gasing, Bukit Gasing tak ada. Marris, Marris untuk program..Batang Kali, Batang Kali pun tak ada. Tak boleh jawab. Ha..boleh saya jawablah. Ok lah. Batang Kali dan Semenyih telah menuduh bahawa peruntukan Marris telah digunakan untuk membaik pulih jalan-jalan di bawah Program Ceria. Saya ingin menegaskan di sini bahawa peruntukan Marris tidak pernah digunakan untuk program menurap jalan di pangaspuri-pangaspuri kos rendah, tetapi kaedah yang kita lakukan adalah kaedah off set. Off set, kaedah ini adalah dengan menggunakan peruntukan Pihak Berkuasa Tempatan untuk infrastruktur bagi membaik pulih jalan-jalan di pangaspuri kos rendah. Kita guna peruntukan PBT yang dibajetkan di dalam PBT. Yang digunakan adalah peruntukan PBT bukan peruntukan Marris. Kemudian, Kerajaan Negeriakan menggantikan peruntukan infra yang digunakan oleh PBT dengan peruntukan Marris. Yang kita buat ini adalah apa yang kita panggil sebagai kaedah *swapping of job* ataupun pertukaran tajuk. Bermakna tidak ada duit Marris yang digunakan untuk pangaspuri-pangaspuri kos rendah. Tetapi kita guna duit PBT yang dibajetkan oleh PBT untuk kita baikpulih akan turap jalan-jalan kemudian dengan *job swapping*, Kerajaan Negeriakan turunkan duit Marris untuk turap jalan-jalan, diluarlah bukan di pangaspuri tetapi di kawasan PBT tersebut dan perkara ini sebenarnya saya tak tahu macamana Yang Berhormat ada yang baik dengan Menteri tetapi sebenarnya, tak tahu sebenarnya apa yang terjadi. Oleh kerana Kerajaan Negeri melalui Perbendaharaan Negeri Selangor..telah mengemukakan penjelasan.

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI :** Mencelah Yang Berhormat. Saya dapati sebelum ada Menteri daripada Selangor ini jadi Menteri KPKT, tak ada masalah dengan Selangor. Tetapi semenjak ada Menteri Selangor ini lah jadi masalah.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** 2 kali 5 lah. Menteri dengan pembantunya sama sahaja lah. (ketawa)

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR :** Sikit lagi.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Jadi bermakna *point* saya, kita tak ambil duit MARRIS nak kita buat, nak baiki bumbung ke..nak turap jalan dalam pangaspuri. Cuma saya nak tanya ni? Kenapa yang marah sangat. Kenapa yang marah sangat orang nak turap jalan di pangaspuri? Tak suka ke? (Ahli Dewan

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

bersorak). Kenapa yang bermusuh sangat dengan mereka yang duduk di rumah kos rendah?

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR :** Boleh mencelah sikit tak?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Boleh, boleh. Sila.

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR :** Saya pun tak tahulah macam mana kan. (Ahli Dewan ketawa). Bukan macam mana..Eh! belum habislah. Ayat belum habislah, tolonglah!

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Kena belajar (ketawa)

**Y.B. DATUK ROSNI BIN SOHAR :** Belum habis ayat. *That's why* kadang-kadang kan, saya rasa Menteri Besar ni kena bagi kursus juga kepada yang mental ni. Ok. Saya nak minta penjelasan juga lah dengan EXCO ni bahawa kadang-kadang peruntukan Marris ni disalahguna. Contoh..baik pulih

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Boleh mencelah sikit.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Silakan.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Saya pun tidak tahu lah. Belum habis. Ayat belum habis. Tolonglah. Belum habis ayat. Saya kadang-kadang rasa Menteri Besar harus memberi kursus kepada yang mental ini. Ok, saya nak minta penjelasan juga dengan EXCO bahawa kadang-kadang peruntukan MARRIS ini disalah guna contoh baik pulih dewan menggunakan peruntukan MARRIS, terang-terang tulis Projek Infrastruktur MARIS Kerja-kerja Baik Pulih Bangunan dan Kerja Berkaitan di Dewan dan Balai JKKK Kampung Kuantan, Klang.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Ini dah jawab dah. Sekarang ini kaedah kita telah kita mengemukakan penjelasan pada 29 Ogos 2016 dan kemukakan penjelasan kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Kewangan tiada masalah dengan cara kita lakukan. Kalau ada masalah dah heboh satu dunia tapi tidak ada.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Mintak mencelah sedikit.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Boleh.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Maknanya selepas di viralkan berlaku pertukaran *signbord*.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Yang dikatakan oleh Kota Damansara tadi. Maknanya.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Itu yang lain.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya nak bertanya Yang Berhormat.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Pertanyaan berkenaan tentang jalan ini jawab jalan yang susah sangat ini.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Berkenaan Balai Raya ini sapa yang nak jawab yang Kota Damansara bangkitkan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Nanti ada lagi Jawatankuasa macam-macam ada dua minggu lagi boleh tidur sini.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : OK tidak apa kita tunggu.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Minta pencelahan. EXCO Pembangunan Desa Tradisi. Sebenarnya ini berlaku kesilapan kontraktor peruntukan ini adalah peruntukan daripada luar bandar sebab itu berlaku. Yang Berhormat boleh semak, terima kasih.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Ok yang berhormat luat bandar, sepatutnya Yang Berhormat tulis ralat dekat situ. Cukup, tidak payah tukar *signbord* tulis situ ralat macam tadi betulkan akaun tadi itu cukup.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Tulislah macam ini ralat.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Terima kasih. Seterusnya kita pun tidak mahu solat maghrib di sini.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Kesimpulannya Speaker. Sorry Speaker, EXCO duit MARIS ini daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Persekutuan ini nak bantu untuk membela rakyat Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Bukan bantu tapi ini hak Kerajaan, Yang Berhormat ini hak kerajaan hak Negeri Selangor dari segi Perlembagaan. Dari Perlembagaan Persekutuan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : kena akur Dengkil kena faham Perlembagaan akur junjung. Mana perlembagaan ini. Kena faham Perlembagaan. **Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Minta *approvel* daripada Speaker.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Kita junjung Perlembagaan.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB** : Minta pencelahan Chempaka.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah semua diam. Duit MARIS pun duit rakyat bukan duit pemimpin. Tidak kira siapa yang bagi tapi itu duit rakyat. Chempaka teruskan.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Tapi jangan menidakkannya.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB** : Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Chempaka teruskan.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB** : Chempaka. Tuan Speaker, Chempaka saya minta sikit laluan untuk menjawab persoalan ini kerana sebenarnya soalan ini dibangkitkan oleh Batang Kali tetapi Batang Kali sering kali tidak ada dalam Dewan. Jadi saya mengambil peluang ini kerana sebab ia menjadi satu perdebatan. Jawapannya ada di sini berkaitan dengan isu yang dikaitkan dengan peruntukan MARIS digunakan khusus untuk baik pulih dewan. Berdasarkan semakan Perbendaharaan Negeri kerja-kerja membaik pulih kerosakan bangunan dan kerja berkaitan di dewan orang ramai Kampung Padang Jawa dan Balai JK KKK Kampung Kuantan, Klang di laksanakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Klang pada tahun 2017 dan dibiayai menerusi VOT Pembangunan iaitu kemudahan awam asas desa fasa 1 tahun 2017 yang diuruskan Unit Perancang Ekonomi Negeri, UPEN. Justeru projek tersebut tidak ada langsung dengan peruntukan MARIS. Namun begitu terdapat kesilapan tajuk pada papan tanda yang penting wang bukan wang MARIS itu isunya kesilapan ini bila-bila masa boleh berlaku. Perkara ini telah dikesan lebih awal Pegawai PDT Klang dan teguran telah diberikan kepada kontraktor agar membuat pembetulan ke atas papan tanda yang dipasang. Kelewatan mengambil tindakan oleh pihak kontraktor telah menyebabkan berlaku kekeliruan di kalangan orang ramai. Susulan daripada itu PDT Klang telah memberi amaran keras kepada kontraktor terbabit supaya kesilapan sedemikian tidak lagi berulang pada masa hadapan so tidak ada isu.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya pun hairan macam mana kontraktor itu faham MARIS atau tidak MARIS tapi tulislah ralat oleh Pejabat Daerah itu sahaja. Minta maaf itu mudah tapi tidak apa kita maafkan.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB** : Kesilapan ralat.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Saya teruskanlah.

**TUAN SPEAKER** : Teruskan Chempaka.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Semenyih juga mendakwa Semenyih mendakwa charge pembangunan Rumah Selangorku adalah tinggi. Ini tidak benar. Menerusi Warta Kerajaan bertarikh 25 November 2010 kaedah charge

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Kemajuan 2010 di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 Akta 172 Kaedah Charge Pembangunan telah ditetapkan tidak ada kaedah yang berbeza bagi rumah Selangorku. Ini warta kerajaannya bahawa tiada perbezaan Rumah Selangorku Cuma pada tahun 2015 kita telah memberi pelepasan kepada pemaju-pemaju untuk daripada membayar charge pembangunan oleh ketika itu kita ada program insentif untuk pemindahan rumah Selangorku tetapi sekarang ini yang masih terpakai adalah Insetif Peningkatan Desiti atau peningkatan kepadatan. Jadi bermakna untuk rumah Selangorku Kerajaan Negeri memberi insentif kalau dulu dari segi pengecualian charge pembangunan tetapi sekarang ini insentif tersebut adalah dari segi peningkatan densiti atau kepadatan unit sehingga 120 unit satu ekar. Sekiranya yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Yang Berhormat Semenyih juga telah mencadangkan agar separuh diskaun perumahan bumiputera dipungut daripada pemaju bagi setiap unit kota bumiputra yang dilepaskan kepada bukan bumiputera. Cadangan Semenyih memang ada potongan separuh potongan itu dipungut oleh Kerajaan Negeri. Sebenarnya apabila dilepasakan sesuatu unit kota bumiputera iaitu kota diskaun 70% bukan separuh yang kita ambil daripada 70% tetapi kita ambil seluruh 70% itu yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan duit itu digunakan untuk dimanfaatkan oleh bumiputera yang mana setakat ini berjumlah RM85 juta dari dana yang terkumpul telah digunakan untuk membeli harta tanah bagi disewakan pada bumiputera sebanyak 180 unit harta tanah terdiri daripada premis kediaman dan perniagaan telah dibeli untuk manfaat bumiputera bagi bermakna saya pun tidak faham kenapa Semenyih tidak tahu tentang peraturan ini. Kenapa dia tidak tahu. Seterusnya tentang diskaun.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Boleh mencelah. Sikit sahaja.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Boleh.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ** : Saya nak pengesahan. Benar atau tidak Kerajaan Negeri satu-satu pembangunan ini mengenakan syarat pada pemaju mesti buat Selangorku 50% daripada *total development*. Benar atau tidak itu soalan saya.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Ini satu lagi tidak baca polisi Rumah Selangorku. Kita tidak tetapkan 50% bagi semua tetapi kita adalah bergantung kepada atau Kerajaan Negeri bergantung kepada mukim dan bergantung kepada daerah sebab ada daerah tiada permintaan. Kita lihat zaman Barisan Nasional dahulu diletakkan peratusan dan akhirnya apa yang jadi. Contohnya di Hulu Selangor semua tidak laku dan banyak yang tidak laku.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Saya nak tanya yang bergantung tu apa benda yang itu sebab apa bergantung. Maknanya bergantung aplikasi bergantung terpakai ataupun tidak.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Cuba lihat macam ini lah senang lah besok

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Tadi kata terpakai 50% tidak ada. Sekarang ini saya dapat jawapan bergantung maknanya.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Itu yang saya kata maksudnya adalah kita ada satu polisi rumah Selangorku 2011, 2014 minta maaf 2011 kita dah ada polisi tersebut jadi bermakna di bawah polisi itu bergantung kepada mukim ada persentase peratusan yang berbeza-beza menurut satu menurut permintaan di mukim tersebut. Kita buat satu kajian yang terperinci bagi setiap mukim bagi setiap daerah dan bagi setiap mukim dan daerah kita tentukan berapakah peratus Rumah Selangorku yang perlu dibina. Jadi bermakna kita tidak letak 50% semua tetapi ada 50% ada 40% ade 30% dan juga itulah tidak baca macam mana ini saya sedih Ahli Dewan Negeri tidak baca Polisi Kerajaan Negeridan tidak tahu Polisi Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Yang Berhormat EXCO maksudnya dia boleh dirundingkan lah tapi tidak ada ke.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Bukan dirundingkan itu sebab saya bawa polisi itu dia ditetapkan dengan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Jadi ada tempat 30% ada tempat 40% ada tempat 50% jadi boleh rundinglah maksudnya.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Tidak akan dirundingkan. Bukan dirundingkan tapi ditetapkan. Ditetapkan dalam garis panduan.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Kita tengok lokasi yang tertentulah.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Ya.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Ok.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Kita tengok dalam garis panduan

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Ok tidak ada ke perundingan dengan pemaju tentang membina contoh di Batu Tiga Jalan Semenyih. Saya pergi saya tanya bila ada atau tidak rumah mampu milik atau katakan Rumah Selangorku. Ada. Yang tengah didirikan sekarang dua tingkat sama dengan Eco Hill

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

sama dengan Eco world tidak ada Kerajaan Negeritanya ataupun tetapkan syarat bila nak buat Selangorku ini saya tanya dia bila nak bena Selangorku ini. Dia cakap.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Kita memang tegas dari segi bila nak bina.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Tapi tidak dibina dah tiga tahun itu yang saya cakap lena tertidur ke itu yang isu saya cakap tadi isu tidak dibina.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Isunya tidak berbena.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** macam ini saya mungkin Yang Berhormat tersilap sebab polisi pun Yang Berhormat tiak tahu jadi bermakna bahawa bagi saya projek itu tunjukkan projek itu dekat mana.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Ok saya mencelah. Yang Berhormat ini mungkin perkara baru sebagai hujahnya dikawasan saya pembinaan oleh pemaju di Pasir Penambang dah lulus diberi kebenaran merancang pembangunan rumah-rumah dua tingkat yang sederhana tinggi dan kos tinggi dah siap tapi rumah-rumah mampu milik sampai sekarang tidak dibuat.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Berapa ekar kena tengok juga bukan semua. Masa zaman Barisan Nasional.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Tidak itu permintaan yang baru. Bila Yang Berhormat jawab

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Ya

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Bila Yang Berhormat menjawab soalan mengenai perkara tersebut Yang Berhormat kata.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Jawapan saya adalah.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Ok.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Kewajipan membenakan Rumah Selangorku bergantung kepada saiz ekar berapa ekar daripada Zaman BN juga begitu juga.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Ok saya nak tahu.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Jadi kita buat penambahbaikan sekarang.

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Baik, pemaju Goldphase di Pasir Penambang ada 300 ekar.

**SPEAKER** : Pematang. Pematang. Isu baru. Sekarang kita dah masuk penjelasan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : masalahnya Yang Berhormat minta tunjuk yang mana jadi saya tunjuk kawasan yang ini. Saya tunjukkan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Semenyih soalan saya tidak jawab tadi.

**SPEAKER** : Kita cakap pasal peratusan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Saya nak cakap sikit.

**SPEAKER** :Semenyih.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : bagi la peluang. Pasal tidak jawab clear. Saya cakap tak turun. Dua bulan lepas saya tanya bila nak bina Selangorku ni, rumah double story tengah jual. Dah hampir habis. Selangorku tidak tolak tanah lagi itu yang soalan saya.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Dibawah.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Soalan saya senang sahaja. Tidak ada ke EXCO atau Kerajaan Negeriprihatin sikit rakyat yang marhain nak membeli rumah bina lah dulu bina.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Saya nak cerita sikit bahawa banyak rumah yang dulu Rumah Selangorku rumah dulu rumah 20 20 10 daripada dulu daripada Kerajaan Barisan Nasional pun dulu pun masih tidak bina sampai sekarang pun ada banyak.

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN** : Kita bercakap pasal zaman Pakatan Harapan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Tetapi saya tengok dua perkara ini saya akan tengok tapi sekarang ini kita tetapkan bahawa Rumah Selangorku kena bina sekali. Tadi tidak jumpa sekarang jupa pulak sekarang macam mana. Ok macam ini bermakna bahawa. Tanya lah EXCO. Senanglah Whatsapp saya lah senang.

**Y.B. DATUK HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Whatsapp pun tidak pernah jawab

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Whatsapp pun tidak pernah jawab.

Y.B. Eng sue lim : Lupa ada Whatsapp ya. Rupa-rupa ada Whatsapp.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Yang seterusnya.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Saya nak ucapkan terima kasih kerana senang berurusan nanti saya Whatsapp.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Nak bagi nombor sekarang 012 318.

**SPEAKER** : Ini siaran langsung tau Yang Berhormat Chempaka.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Tidak apa. 012 3189835. Terus Whatsapp tidak ada masalah.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Yang Berhormat EXCO nanti mesyuarat diperingkat jawatankuasa saya akan bangkit isu saya nanti. Yang Berhormat bagi jawapan persoalan awal tadi supaya Yang Berhormat dapat tengok.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Whatsapp saya

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK** : Tidak payah, Dewan perlu direkodkan lah. Whatsapp itu Whatsapp la tapi Dewan kena rekod *hansard* perlu di rekod.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Bagi peluang saya untuk saya semak balik betul atau tidak betul dakwaan itu

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK**: Sebab itu saya kata saya akan bawa dalam Mesyuarat Jawatankuasa.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Ok. Insyaallah jadi yang seterusnya diskaun bumiputera untuk Selangorku yang telah dibangkitkan ada Yang Berhormat membangkitkan diskaun bumiputera untuk Rumah Selangorku. Buat makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian Rumah Selangorku rumah yang dijual dengan harga diskaun rumah subsidi. Ini bermakna kos membina sebuah Rumah Selangorku adalah dibawah kos untuk membinanya. Contohnya Rumah Selangorku jenis A dijual dengan harga RM42 ribu tetapi kos membina adalah sehingga RM75 ribu. Buat makluman Yang Berhormat rumah jenis A adalah 700 kaki persegi bukan 600 kaki persegi yang didakwa oleh Semenyih semalam. Bukan 600 tapi sekarang kita dah buat 700, 600, 500 zaman BN bukan zaman sekarang. Seterusnya Rumah Selangorku Jenis C yang dijual dengan harga RM180,000.00 tetapi kos membina sehingga RM200,000.00. Pemaju perlu mengurangkan keuntungan mereka untuk membina

## **8 NOVEMBER 2017 (RABU)**

Rumah Selangorku. Oleh itu tidak adil kepada pemaju untuk kita memberikan potongan tambahan atau diskaun tambahan. Itu sebabnya kita tidak ada diskaun bumiputera untuk Rumah Selangorku tetapi semua dapat diskaun. Dan tentang kuota Bumiputera, kuota Bumiputera walau bagaimanapun kuota Bumiputera masih ada dikekalkan untuk Rumah Selangorku dan buat masa ini tidak ada mekanisme perlepasan kuota bumiputera bagi Rumah Selangorku. Untuk Rumah Selangorku nama-nama pembeli adalah daripada Kerajaan Negeria itu melalui Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS). Pemaju tidak boleh menjual Rumah Selangorku kepada sesiapa sewenang-wenangnya tetapi sekiranya terdapat unit yang tidak terjual selepas 6 bulan menerima nama daripada LPHS atau setelah 3 kali menerima nama daripada LPHS maka pemaju dibenarkan membuat penawaran secara terbuka di bawah penawaran terbuka maka syarat-syarat boleh dilonggarkan di antaranya adalah contohnya tidak lagi dikira pendapatan isi rumah tetapi pendapatan individu sahaja. Begitu juga dengan syarat-syarat pemilikan tidak dikira pemilikan isi rumah tetapi pemilikan individu. Kelonggaran syarat kali kedua pula akan diberikan setelah kerja di tapak mencapai 70%. Seri Andalas tak ada, saya tak perlu jawab. Jadi itu saja Cuma saya hendak akhir sekali Cuma saya hendak tegaskan di sini bahawa sahabat-sahabat daripada sebelah sana bahawasanya Rumah Selangorku itu adalah benar. Smart Live itu adalah benar, Peduli Sihat itu adalah benar, KISS adalah benar, maka katakanlah dengan lidah yang fasih bahawa Selangor, kerajaan Selangor hari ini adalah kerajaan yang terbaik, terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak, dipersetujui.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Bacaan kali yang kedua. Rang Undang-undang ini bernama sesuatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat semua, baiklah kita sambung esok dengan ini saya tangguhkan sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 sehingga hari esok 9 November 2017 bermula jam 10:00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 6.35 petang)**